

**MASA
UNTUK PERUBAHAN**

oleh
MARINA YUSOFF

ESSENCE

DECEMBER 2001

ESSENCE OF THE EAST

ESSENCE

AA
320.19595
MAR

543223

16 NOV. 1990

Perpustakaan Negara
Malaysia

Buku ini didedakasikan kepada
kelima-lima anak saya
Ida Nerina, Nasruddin,
Razak Al-Malique, Selina
dan Kazman dan ibu-bapa saya.
Tanpa kasih sayang dan
sokongan mereka, saya
tidak dapat memikul beban
yang berat ini.

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Penerbit : The Champ Sdn Bhd
Lot 350, 2nd Floor
Ampang Park
Jalan Ampang
55000 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : 2421114
Fax : 2304310

Pencetak : Kong Lee Printers
34, Jalan Merlimau
Kuala Lumpur
Malaysia

Harga : \$10.00

KANDUNGAN

LATAR-BELAKANG PENULIS

BAB 1
MASA UNTUK PERUBAHAN

BAB 2
KEJADIAN-KEJADIAN SEHINGGA UMNO
DIHARAMKAN

BAB 3
UMNO BARU , UMNO LAMA

BAB 4
KRISIS PERLEMBAGAAN

BAB 5
DASAR-DASAR DAN PROJEK-PROJEK MA-
HATHIR

BAB 6
MENGENAI KOMUNIS DAN KOMANDO

BAB 7
MENGHAPUSKAN BAHANBUKTI

BAB 8
TEKA-TEKI BMF

BAB 9
PEMBOHONGAN DAN KETIDAKADILAN

BAB 10
KES TUN SALLEH

BAB 11
UNDI UNTUK PERUBAHAN

LATAR BELAKANG PENULIS

Saya, **MARINA BINTI MOHD YUSOFF** dilahirkan pada 7 haribulan Disember 1941 di Kota Bharu, Kelantan, pada hari Jepun mendarat di Tumpat ketika perang Dunia Kedua. Saya menuntut di Sekolah Sul-tanah Zainab, Kota Bharu sehingga Tingkatan Lima pada 1958, dan tamat Tingkatan Enam di Victoria Institution, Kuala Lumpur.

Apabila tamat Tingkatan Enam saya berkahwin dengan polis inspektor dan menetap di Kedah. Keazaman dan kehausan ilmu penge-tahuan memaksa saya mempengaruhi suami untuk belajar undang-undang di London . Saya mengumpul duit tambang dengan menjual kain batik sarong dari Kelantan kepada jiran-jiran dan kawan-kawan saya. Kedua-dua ibubapa kami turut memberi sumbangan wang tunai setakat yang mereka mampu. Bapa saya terus menyumbang \$150.00 sebulan untuk saranan hidup saya di London. Saya hidup dengan bekerja sambil dalam beberapa rancangan BBC dan juga sebagai jurujual beg tangan wanita di gedung besar Whiteleys di London. Kerana terlalu miskin untuk menghadiri kelas, saya menggalakkan suami saya memasuki Kolej Undang-undang Gibson dan Weldon. Setiap malam selepas pulang dari kerja, dan segala tugas masak dan menggosok telah selesai, saya meminjam buku dan nota-nota suami saya untuk belajar.

Selepas setahun dalam keperitan , ibu saya berjaya meraih "biasiswa" untuk saya dari Kerajaan Kelantan . Disegi status saya tidak



Marina Yusoff : tegas dalam kepimpinan dan berani dalam isu menegakkan kebenaran dan keadilan

berhak kerana sudah "berkahwin. Dengan biasiswa perseorangan saya menanggung suami saya menuntut undang-undang sehingga berjaya.

Dalam tahun pertama saya melahirkan anak pertama ,anak perempuan. Bila saya memulakan pelajaran dalam peringkat akhir, saya mengandung anak kedua pula. Saya sedar yang saya mesti menamatkan pelajaran saya dalam tempoh lima bulan, kalau tidak anak kedua akan dilahirkan dan peluang untuk saya mencapai cita-cita saya akan hampa. Penyelewengan dan pemborosan suami menyebabkan saya sedar bahawa saya mesti berjaya. Saya tidak lagi boleh teruskan hidup bersamanya.

Saya lulus dalam peperiksaan dengan jayanya dan mengambil keputusan kembali dengan segera kerana terlalu rindukan tanahair serta bencikan cara orang "warna" hitam dihina di England. Sering kali saya dihalau dari menyewa rumah pangsapuri atau mendapat kerja kerana dianggap "berwarna" dan bertaraf rendah.

Saya adalah wanita Melayu kedua kelulusan undang-undang di Malaya pada 1965. Saya disambut dengan penuh publisiti dan digemari oleh pemberita. Kerajaan Kelantan tidak dapat menawarkan pekerjaan kepada saya. Oleh itu saya dilepaskan kepada Kerajaan Persekutuan di mana saya mula bekerja sebagai Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. Ketua Pendaftar pada masa itu ialah Raja Azlan Shah, sekarang Duli Yang Maha Mulia, Yang DiPertuan Agong Malaysia. Bila beliau dilantik sebagai Hakim, saya terus berkhidmat sebagai Pendaftarnya, bertugas semasa Hakim bersidang Dalam Kamar Hakim. Selepas dua tahun bertugas sebagai Pendaftar saya dilantik sebagai Pengadil. Wanita Melayu pertama memegang jawatan ini. Banyak kontroversi timbul atas perlantikan ini, tetapi ini tidak menghalang saya dari terus menjalankan tugas saya dengan tekun, adil dan tidak berbe-lahbagi. Pada masa itu saya telah melahirkan anak ketiga. Penyelewengan suami saya berterusan yang menyebabkan kami bercerai. Pada masa itu saya berkerja diPejabat Pemegang Amanah Raya sebagai Peguam Jabatan.



*Bersama Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Toh Puan Rahah
di Pesta Wanita di Kuala Lumpur pada 1973.*

Peristiwa berdarah, 13 haribulan Mei, tercetus. Saya terpaksa melindungi dan memelihara ketiga-tiga orang anak saya tanpa bantuan. Pertama kali dalam sejarah hidup baru saya kenal perasaan takut. Lutut saya mengeletar bila kedengaran tembakan berdekatan dengan tempat kediaman saya dekat Ampang New Village. Saya berdoa pada masa itu agar generasi Malaysia akan datang tidak lagi mengalami suatu peristiwa yang begitu mendukacita dan menakutkan. Setiap rakyat Malaysia juga mesti berazam begitu. Beberapa bulan kemudian saya ditukarkan ke Butterworth sebagai Presiden Mahkamah Session. Selepas beberapa bulan saya meletakkan jawatan untuk menerima tawaran dari Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebagai Penasihat Undang-undang pada 1971. Saya berjaya mendapat jawatan ini selepas bertanding dengan beberapa pemohon lelaki yang lain.

Ketika baru mulakan tugas dalam Bank ini, Datuk Senu Abdul Rahman (selaku Setiausaha Agung UMNO pada masa itu) cuba memujuk saya supaya menerima tawaran sebagai Setiausaha Politik kepada Fatimah Hashim (sekarang Tan Sri), Ketua Wanita UMNO dan Menteri kabinet. Saya enggan menerimanya. Selepas itu Tun Razak Hussein, Perdana Menteri menghantar Datuk Hanafiah Hussein (sekarang Pengerusi baru Bank Bumiputra) supaya memujuk saya menerima tawaran sebagai EXCO Wanita UMNO. Atas beberapa desakan dan rayuan saya menerima tawaran ini. Tan Sri Fatimah melantik saya sebagai Pengerusi Biro Undang-Undang dan Hak-Hak Wanita. Biro ini mendapat sambutan hebat seluruh Malaysia kerana saya memberi tunjuk ajar kepada wanita tentang hak-hak mereka mengenai penceraian, nafkah, hak menjaga anak dan hak-hak dalam harta, dan saya menengesa wanita supaya menubuh biro masing-masing di tiap-tiap negeri. Saya mencadangkan supaya menempatkan pegawai wanita di tiap-tiap pejabat Kadhi sebagai satu kemudahan untuk wanita yang sukar membuat aduan kepada pegawai lelaki di pejabat Kadhi. Usaha itu dibuat supaya layanan baik dan adil juga memudahkan proses pengaduan untuk wanita yang pergi ke pejabat Kadhi untuk membuat aduan. Saya juga telah membuat deraf Memorandum untuk dihantar ke Jabatan Agama mengesyorkan beberapa cadangan dan perubahan untuk kebaikkan.

Saya berkerja keras menjalankan tugas di Bank sehingga jauh malam kerana diberi tugas tambahan sebagai Pengurus Kakitangan pula.

Dalam bidang politik saya tidak dapat meneruskan tugas saya dalam Jawatankuasa Undang-undang dan Hak-hak Wanita kerana pada 1972 Aishah Ghani telah mengalahkan Fatimah Hashim sebagai Ketua Wanita UMNO. Saya dipilih sebagai Naib-Ketua Wanita, tetapi Aishah Ghani segera membubarkan jawatankuasa saya supaya saya tidak boleh meneruskan kerja saya. Untuk menetupi perbuatan ini Aishah Ghani melantik saya sebagai ahli biasa dalam Biro Agama yang jarang-jarang bermesyuarat. Aishah berjaya menyekat segala aktiviti yang telah mengharumkan nama saya. Aishah dan kuncu-kuncunya menyebarkan khabar angin serta fitnah malah berkempen keseluruhan negara untuk menggantikan saya dengan sahabat karibnya Fatimah Majid. Caranya ialah dengan membeli undi. Di pagi pemilihan tersebut saya melihat duit sepuluh-sepuluh ringgit diberikan kepada perwakilan wanita. Akhirnya saya faham bahawa pembelian undi telah berlaku. Saya gagal mempertahankan kerusi Naib Ketua Wanita tetapi kekal sebagai EXCO Wanita.

Pada tahun 1972 juga, Perdana Menteri (Tun Razak) melantik saya ke Majlis Tertinggi UMNO. Pada tahun yang sama juga Dr. Mahathir dibenarkan masuk semula kedalam UMNO dan dipilih menduduki Majlis Tertinggi UMNO (dengan pertolongan Datuk Harun).

Pada 1973 saya berjaya sekali lagi mencatat sejarah sebagai Wanita Melayu pertama yang membuka pejabat guaman sendiri. Saya merasa bosan kerana mendapati pekerjaan wanita senantiasa diperkecilkan dan ingin membuktikan bahawa wanita boleh berjaya atas dayausaha sendiri. Saya digalakkan untuk berbuat demikian oleh Datuk Yaakub Hitam, pada masa itu Pengerusi UDA yang telah ditugaskan oleh Perdana Menteri (Tun Razak) untuk mengalakkan Melayu berniaga di bandar-bandar.

Surat beracun Aishah Ghani dan penindasannya terhadap

aktiviti saya menyebabkan saya letak jawatan dalam EXCO Wanita UMNO pada 1975. Pada masa itu saya membuat keputusan untuk meninggalkan bidang politik .

Pembelaan kes Datuk Harun di Mahkamah oleh saya membawa saya kembali ke arena politik. Pada masa itu tiada sesiapa pun berani menyebut nama Datuk Harun secara terbuka. Saya muncul ke hadapan untuk membela Datuk Harun kerana apabila hampir dibebaskan, Peguam Negara, Abu Talib Osman (sekarang Tan Sri), telah melanjutkan tempoh penjaranya dengan alasan bahawa hukuman penjara sepatutnya dijalankan selari dan bukan selaras. Sebagai bekas Pengadil dan Presiden Mahkamah Session saya sedar bahawa ini adalah satu penindasan politik dan satu ketidakadilan dilakukan terhadap Datuk Harun.

Pada 1981 apabila saya telah dicalonkan untuk bertanding sebagai Ahli Tertinggi UMNO, Aishah Ghani mengeluarkan arahan kepada Wanita supaya tidak mengundi saya. Saya tidak berkempen untuk diri saya tetapi berkempen untuk Datuk Harun yang masih dalam penjara. Saya berjaya mendapat tempat nombor dua belas dengan mendapat 678 undi. Datuk Harun berjaya memenangi kerusi sebagai Naib Presiden UMNO. Saya memohon dan mendapat persetujuan dari Menteri Dalam Negeri (Datuk Musa) untuk membolehkan Datuk Harun memegang jawatan Naib Presiden UMNO yang dimenangnya mengikut syarat dalam Akta Pertubuhan yang baru dipinda (menyebabkan banyak bantahan dari rakyat dan diakhiri dengan ramai peguam diheret ke mahkamah) bagi tujuan menghalangnya dari memegang sebarang jawatan dalam parti. Tetapi apabila saya pergi ke pejabat Datuk Musa dan berbincang dengannya dengan panjang lebar, beliau bersetuju membenarkan Datuk Harun memegang jawatan itu.

Yang anihnya, saya sudah nampak peristiwa ini dua tahun terdahulu semasa saya berada di Mekah pada 1979.

Saya mengetuai satu delegasi meminta Tunku Abdul Rahman memohon pengampunan daripada DYMM Yang diPertuan Agong

untuk Datuk Harun. Saya juga berjumpa sendiri dengan DYMM Yang Di Pertuan Agong (DYMM Sultan Pahang yang saya kenal sebelum Tuanku menjadi Sultan) di padang polo dan membuat permintaan yang sama. Tuanku berjanji mengurangkan hukuman penjara dan akan diikuti dengan pengampunan. Tuanku menunaikan janji itu. Datuk Harun mendapat pengampunan penuh dari DYMM Yang Di Pertuan Agong (Sultan Pahang).

Pada masa yang sama Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri apabila Tun Hussein Onn meletak jawatan atas sebab-sebab kesihatannya.

Pada tahun 1984 saya sekali lagi dicalonkan untuk bertanding dalam Majlis Teringgi UMNO. Sekali lagi Ketua Wanita UMNO mengarahkan wanita supaya tidak mengundi saya tetapi hanya mengundi ketiga-tiga calon pilihannya sahaja. Ketiga-tiga calon Wanita-nya kalah. Saya menang.

Pada tahun 1987 sokongan terbuka dari saya terhadap pencalonan Tengku Razaleigh sebagai Presiden parti menyebabkan Dr. Mahathir begitu marah dan menentang saya. Tetapi sekali lagi saya berjaya mengekalkan kerusi saya sebagai Majlis Tertinggi UMNO.

Dari 1972 ke 1987 saya menyanggah beberapa jawatan seperti Ahli Jawatankuasa Majlis Peguam, Timbalan Presiden Persatuan Peguam Wanita, Penasihat Majlis Belia Wilayah, Penasihat GPMS, Pemegang Amanah Tabong Aminuddin Baki (dipengerusikan oleh Syed Nasir) dan beberapa persatuan dermabakti. Pada 1984 saya dilantik ke Majlis Universiti Malaya.

Selepas enam bulan, saya dilantik oleh Majlis Univeriti Malaya sebagai Pengerusi Universiti Hospital untuk membaiki imej dan prestasi hospital yang sudah terjejas. Sejak hari pertama lagi tanpa memberi tahu sesiapa, saya membuat lawatan perseorangan secara rahsia dan melawat keseluruhan hospital ini untuk melihat sendiri keadaan yang sebenarnya tanpa di-iringi oleh mana-mana pegawai

Hospital. Apabila saya tahu keadaan sebenarnya, saya bekerja keras untuk memulihkan Hospital ini dari segi fizikal dan moralnya. Saya berjaya meyakinkan Perbendaharaan untuk memberi peruntukan tambahan sebanyak \$ 20 juta untuk membaiki hospital itu. Saya mendapat duit itu di saat-saat terakhir sewaktu bumbung hospital itu runtuh! Dalam jangka masa dua tahun saya berjaya memulihkan imej dan prestasi Hospital itu. Malangnya, apabila tempoh khidmat saya dalam Majlis Universiti Malaya tamat, Menteri Pelajaran, Anuar Ibrahim enggan membaharui perlantikan saya walaupun orang lain dibaharui tempohnya. Oleh kerana itu saya tidak dapat meneruskan tugas-tugas saya di Hospital itu. Walaubagaimanapun saya puas hati atas kejayaan yang dicapai dari segi memulihkan imej hospital setakat itu. Dengan tidak membaharui perlantikan saya, bukan Anwar yang rugi tetapi mereka yang memerlukan perkhidmatan saya yang rugi. Saya menganggap keengganan Menteri berkenaan membaharui perlantikan saya adalah atas sebab-sebab politik dan perasaan cemburunya dengan kejayaan saya semasa menjalankan tugas di Hospital. Jawatan ini memberi kepada saya terlalu banyak publisiti yang mungkin menyebabkan dia sakit hati.

Semasa berkhidmat di Hospital Universiti, saya mendermakan balik elaun-elaun yang sepatutnya dibayar kepada saya sebagai ahli Lembaga Hospital kepada Tabung Kebajikan Pesakit. Saya tidak mengambil apa-apa tetapi memberi segala dayausaha saya dalam dua tahun setengah itu. Saya juga berusaha dengan gigih untuk mendapat persetujuan Majlis Universiti untuk memulakan Unit Pemindahan Tulang Sum-Sum. Sering kali saya bertengkar hebat dengan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan yang menentang cadangan itu. Saya melobi kepada Dr. Mahathir dan beberapa menteri kabinet untuk mendapat sokongan kepada cadangan ini. Akhirnya saya mendapat sokongan dan kelulusan. Saya tidak menggunakan wang kerajaan kerana peruntukan tidak ada tetapi berusaha mendapatkan derma awam bagi memulakan unit ini. Sebelum meninggalkan Hospital ini saya berjaya mengekalkan janji-janji daripada beberapa pihak untuk terus menderma supaya dapat jayakan projek ini. Hari ini saya turut merasa bangga dan gembira apabila mendapat berita bahawa satu kompleks khas berharga \$78 juta

akan dibina untuk unit ini . Sejak mulanya unit ini pada awal 1987 sehingga bulan Mac tahun ini lebih daripada 33 pesakit sudah jaya diubati. Perubatan disini hanya memakan belaja antara \$ 20,000 dan \$ 40,000 sahaja jika dibandingkan dengan \$ 70,000 ke \$150,000 (tidak termasuk tambang, dan bayaran tempat duduk di Australia . Tiap-tiap tahun sekurang-kurang 60 kanak-kanak memerlukan perubatan ini). Kejayaan dalam bidang ini mencatat satu rekod cemerlang bagi doktor-doktor yang begitu dedikasi di Hospital Universiti serta sejarah cemerlang dalam rekod perubatan.

Saya juga akui bahawa saya berusaha dengan gigih dan membuat segala pengorbanan untuk memberi pendidikan yang sempurna untuk membesarkan kelima-lima anak saya, Ida Nerina, 26 tahun, Nasruddin 25 tahun, Razak Al Malique, 24 tahun, Selina 14 tahun, dan Kazman 12 tahun. Saya berazam menyediakan kepada anak-anak saya pelajaran yang terbaik yang saya mampu. Falsafah saya ialah kekayaan boleh dihabiskan, tetapi pendidikan dan bimbingan yang baik adalah harta yang tidak boleh dicuri oleh sesiapa daripada anak-anak kita.

Saya berpendapat perlu menghantar anak-anak saya ke England untuk meneruskan pelajaran mereka oleh kerana pada masa itu lagi ahli-ahli politik terlalu banyak membuat perubahan dengan sistem pendidikan sehingga menjejaskan pelajaran murid-murid.

Dasar dan keputusan dibuat tanpa mengambil kira keperluan murid-murid sekolah, keperluan sekolah dan negara, tetapi semata-mata untuk mendapat sokongan politik dan menaikkan imej Menteri berkenaan. Pada masa itu penukaran segera daripada kegunaan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia menyebabkan kemelesetan mutu pelajaran. Saya membuat keputusan untuk mengorbankan segala wang ringgit yang ada untuk menghantar anak-anak saya ke luar negeri bagi meneruskan pelajaran mereka. Dengan sistem yang ada sekarang saya merasa bimbang tentang mutu pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan. Apakah akan terjadi kepada generasi akan datang yang akan menjadi mangsa Menteri Pelajaran yang bercita-cita tinggi dan menggunakan Kementerian Pelajaran sebagai batu loncatan untuk mencapai cita-cita

politiknya.

Generasi baru murid-murid sekolah hari ini tidak boleh bertutur bahasa Inggeris dengan fasih dan bahasa Melayu mereka pun tidak bermutu tinggi. Kelemahan itu menyebabkan mereka tidak berkeyakinan dan tidak berjaya menyertai forum-forum antarabangsa dengan cemerlangnya. Mutu pendidikan sudah meleset.

Selepas skandal pemecatan Tun Salleh dan dua Hakim yang lain, dan "kehilangan" fail-fail mahkamah termasuk kes yang telah saya failkan di mahkamah terhadap Najib Tun Razak (Ketua Pemuda UMNO Baru sekarang) kerana membuat tuduhan palsu dan buruk sangka terhadap ahli Lembaga Koperasi Usaha Bersatu (yang dikuasai oleh ahli-ahli Semangat 46). Saya tidak lagi dapat menaruh kepercayaan terhadap pentadbiran Mahkamah dalam keadaan sekarang. Saya telah menamatkan perkhidmatan guaman saya yang telah saya bina selama 16 tahun. Oleh kerana dihalang oleh bank-bank dari meneruskan projek pembinaan saya yang bernilai berjuta-juta ringgit bagi melumpuhkan saya dalam bidang ekonomi serta menjejaskan gerakan politik saya. Maka saya menerima tawaran Datuk Harun (Pengerusi Syarikat) untuk menjadi Pengarah Urusan di Idris Hydraulic (M) Bhd, sebuah syarikat awam dibawah kumpulan Koperasi Usaha Bersatu, untuk memulihkannya kembali. Pada masa itu Syarikat Idris berada dalam keadaan tenat kerana terlalu banyak hutang lapuk tetapi sekarang sudah mula pulih kembali. Walaupun menerima berbagai tekanan daripada pihak berkuasa, terutama Menteri Kewangan, Daim Zainuddin, syarikat sudah mula mencatat kejayaan. Beberapa anak-anak syarikatnya sudah mulai tunjuk keuntungan.

Saya juga telah memulih dan memperbetulkan beberapa masaalah Koperasi Usaha Bersatu serta mengemaskan pentadbirannya. Tetapi kesan daripada perbuatan khianat Najib telah menjejaskan imej dan kepercayaan ahli-ahli. Kenyataan palsu Pemuda UMNO Baru oleh Najib Tun Razak, yang mendapat liputan terbesar oleh media yang dikuasai oleh UMNO Baru telah menyebabkan banyak ahli menarik balik pelaburan mereka. Kini Koperasi ini masih membayar balik pela-



NEWS "In front and
inspiring the 'New Era'"

Marina Yusoff is Woman of the Year

ITALIA LONDON, 24 — A leading Greek named pollster, Marina Yusoff, has been named Woman of the Year by *Jette* magazine in its latest issue.

The 45-year-old lawyer, who is also a humanitarian, received seven pollster in 1975 after having spent three years in a decade earlier.

"Marina's ability to achieve a career as a lawyer, to police and business, as well as mother and community activities matches what you see most clearly in the eye," said *Jette*, a Swiss magazine.

"Marina stands proud representing the letter and showing a capacity to move through trouble with the men," it added.

Jette described her election into the Greek magazine *Demokratia* this year as her "triumph achievement" due to the role women in the public-making body.

"In business," it said again she not only leads other women but can think with the men.

"Marina's courage and courage is not confined to politics, the legal profession, business and social issues.

"She gives 1945 women who become both mother and father to her children. She organized, she is able to carry on tasks which other parents often fail to perform," the magazine said. — (AP)

Marina is Jelita's 'Woman of the Year'

ITALIA LONDON, 24 — Marina Yusoff, a public figure, has achieved pollster's honor distinction and named Woman of the Year in the latest issue.

Marina's ability to achieve a career as a lawyer, to politics and business, as well as mother and community activities matches what you see most clearly in the eye.

"Marina stands proud representing the letter and showing a capacity to move through trouble with the men," it added.

The feature she sharing a capacity to move through trouble with the men, the one, public affairs and other, a prominent feature.

Marina Yusoff is also magazine, including her election into the Greek magazine *Demokratia* this year as her "triumph achievement" due to the role women in the public-making body.

"In business," it said again she not only leads other women but can think with the men.

"Marina's courage and courage is not confined to politics, the legal profession, business and social issues.



PUAN HAJJAH MARINA YUSOFF — IN APPRECIATION

by Dr Lim Say Wan



1977, the University Hospital Kuala Lumpur was opened public. At that moment of time, the University Hospital is the top public hospital in the region in terms of facilities, equipment and personnel. The University certainly lived up to needs of patients in it

Board of Management of the University Hospital. A legal practitioner by profession, an expert politician and outstanding personality, Puan Hajjah Marina Yusoff did not allow any grain to grow under her feet. There was no problem she would not attend to, and those which she could resolve through her expertise and influence, she attended to.

Under Puan Hajjah Marina's stewardship, the University Hospital received about M100 million from the Government plus M100,000 as a donation from the National Health Fund. These funds enabled major renovations to be carried out which included complete upgrading of 4 floors of the tower block, installing 10 new lifts to replace the old ones, major repairs to upgrade 5 operating theatres and replacement of outdated equipment.

She was also responsible for the expansion of 2 new units — Cardiothoracic and Cardiovascular, recruitment of additional medical staff and also played a major role in starting the bone marrow transplant programme, amongst other accom-

The Malay Mail, Wednesday, November 21, 1977

Organ for a blind band

A LAWYER has offered an abandoned organ to the Blind Association band.

The band, called The Muzik, has been using some equipment which are older than 10 years old.

The 10-year-old drum set has had to be pushed up and had to be replaced with the bass guitar and the amplifier are in poor condition.

The band also lacks a public address system.

Donor Mr. Marina Yusoff said "I was planning to use the organ but when I saw a report in the *Malay Mail*, I decided to give it to them."

"The organ has lasted about a year ago for \$2,000 as a

present for my children.

"When my children left for school, naturally, as they, except for my youngest at although, has played the organ."

"I feel more people will benefit from my giving the organ to the band than from selling it unless I do."

Meanwhile, at least one donor is considering donating some grand old instruments in the band.

A spokesman for the company in Kuala Lumpur said he is for a similar organ and may give the band a few instruments.



MR MARINA... it's better than anything anyone could do.



THE Muzik in action

Sumbangan Marina berterusan

buran ahli-ahli yang telah menarik diri selepas kenyataan Najib yang telah menghasut mereka supaya menarik balik pelaburan mereka.

Kumpulan dalam UMNO Baru cuba mengambil alih Koperasi ini menerusi Pengarah Koperasi. Berbagai siasatan telah dijalankan untuk mencari helah untuk mambatalkan koperasi ini tetapi tidak berhasil. Pihak berkuasa Koperasi dapati Koperasi Usaha Bersatu tidak tenat, tetapi sebaliknya Kobena yang dikuasai oleh kuncu-kuncu Najib didapati tenat dan terpaksa diambilalih oleh pihak berkuasa. Hari ini Koperasi Usaha Bersatu masih dapat dipulihkan dan akan berjaya dengan cemerlangnya di masa akan datang.

Women will react furiously if population policy is forced on them: Marina

MALAYSIANS are over-reacting to the 70 million population policy, which, in principle, should not affect their normal way of life, says lawyer Marina Yusoff.

"But," she warns, "women will react furiously if it is forced on them, and they are made to look like factories."

"To have or not to have children is a basic human right, a very personal matter. If you ask me, I'd say people should have as many children as

take no-pay leave for up to one or two years, flexible work hours, a five-day week, paternity leave, and family education for men.

"Some poor women don't even get paid when on maternity leave. The Government has done very little to provide child-care facilities for the poor, when it should be doing this in a big way.

"Women should be given the right to take one of two years' no-pay leave to care for the

people work better on a five-day week."

She also called for paternity leave for men — "bringing up children is a job for both father and mother. Fathers too keep awake with the baby. Why shouldn't they be entitled to leave?"

Puan Marina said men need to be educated to realise that the father too has an important role in child-rearing — "There are many cases where men with large families abandon their wives and kids.



PUAN MARINA YUSOFF

opinion/letters 21

THE STAR, THURSDAY, 28 SEPTEMBER 1984

Have fewer children for the sake of their future

I AM a 17-year-old student and would like to voice my opinion on the 70 million population policy. Also, my secondary school has told me that the population grows by geometric progression, and by applying a mathematical formula, the population in 115 years can be calculated. Taking the present population as 14 million (actually it is more than that), the growth rate is 2.5 per cent per year.

I hope that, according to the formula $T = \frac{1}{r} \ln \frac{P}{P_0}$, where T is the time in years, P_0 is 14 million, r is 0.025 and P is 70 million, the population in 115 years will be 263.1 million.

I am not against, according to the 70 million

policy envisaged at the moment (I have a friend who is the 13th — his father had a second wife's son had to abort, so he had a grand total of 21 children).

Lastly, I hope that all married couples will stop at two for the sake of their children's future and that responsible parents take steps to reduce the population growth rate in order to achieve the 70 million population target.

THE JACKAL '84
Kuala Lumpur

Having children means heartache

WITH reference to Wanita Yusoff's article in the 18th or 19th issue of the magazine, I wish to say that I am strongly against it.

I sincerely hope that she knows what she is talking about. I also hope that she has teenage children of her own, and will realise the problems parents are facing today in coping with their children.

I hope she also realises that the education of our children does not end at the age of 18 or 19. In fact, it is only beginning.

I feel children should not marry until they are 21 or 22 years old. Our children are so much different from the children of yesterday. Today, I hear from parents who are facing heartache because of the resistance of their children over matters concerning their welfare and education, among others.

SAD

Children of today, even at the tender age of nine or three, are arguing with their parents. They sometimes want to parents to know that they know

QUOTE

To have or not to have children is a basic human right, a very personal matter. If you ask me, I'd say people should have as many children as they can. Children are wonderful. I have five kids, and come from a family of 13.

more than we do. How very sad.

Give me the days when children would respectfully obey their parents without asking "WHY?" Little do the children of today know that in whatever way a parent chooses to discipline a child, it is always for the benefit of the child.

As the tender age of 14 and 20, our children are not mature enough to make their own decisions, least of all a decision on the subject of marriage. They still need the guidance of their parents.

I hope that Datin Puan Marina Yusoff realises that the body requires at least a year or two to recover from childbirth. Over-allowing the body by too close pregnancies will result in a lot of sufferings and heartache.

K.H. TAN

BAB 1

MASA UNTUK PERUBAHAN

Pada 14 haribulan Februari 1987, akhbar Star telah menyiarkan kenyataan saya bahawa saya tidak lagi menyokong Dr. Mahathir sebagai Presiden parti dan mendesak Tengku Razaleigh supaya bertanding jawatan itu. Reaksinya berbagai. Ada yang terkejut. Ada yang hairan. Ada yang ingat saya gila. Ada yang menentang kenyataan saya. Ada yang gembira. Ada yang kagum dengan saya. Ada yang menyokong tetapi tidak banyak yang sanggup menyokong secara terbuka.

Kenyataan itu bukan dibuat secara tergesa tetapi selepas berfikir sedalam-dalamnya. Sebelum itu saya telah cuba selama tiga bulan setengah untuk berjumpa dengan Dr. Mahathir kerana hendak bincang mengenai beberapa perkembangan penting dan pertandingan yang pasti akan berlaku di antaranya dengan Tengku Razaleigh sekiranya dia tidak berjumpa Tengku Razaleigh untuk perbincangan hati ke hati. Saya berusaha mengatur perjumpaan ini atas daya inisiatif saya sendiri oleh kerana jelas sekiranya ada pertandingan seperti yang berlaku di antara Tengku Razaleigh dan Datuk Musa pada 1981, maka akan ada banyak lagi "kecederaan" dan mangsa-mangsa. Lagi ramai orang-orang yang tidak berdosa akan menderita. Saya mendapat tahu bahawa kuasa Tengku Razaleigh dalam Kementerian Perdagangan dihakis sedikit demi sedikit sehingga dia merasa tidak senang hati. Ini satu petanda perkembangan yang tidak sihat.

Marina: Time to change those at the top

By L.C. NG

PETALING JAYA, Fri. — The Umno election campaign heated up today with supreme council member Hajjah Marina Yusoff publicly denouncing the present leadership and urging Tengku Razaleigh Hamzah to challenge Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad for the party presidency.

Hajjah Marina also described as "timely and appropriate" Datuk Musa Hitam's decision to seek reelection as deputy president.

She charged that party leaders in government had violated the Umno constitution by not getting the approval of the supreme council before implementing government policies and that there was "too much government control" over the party.

Hajjah Marina was speaking to reporters at a prize presentation ceremony at the University Hospital here. She is also chairman of the hospital.

She said that it was time for Tengku Razaleigh, the Trade and Industry Minister, to challenge Dr Mahathir for the presidency at the April 24 Umno election.

"The situation in the party and country has required critical proportions and it is time for party members to change those in certain top positions in the party, which will lead to changes

Too much control over party: Marina

● FROM PAGE ONE

were Prime Ministers.

"If he contests for the presidency, it will reflect his willingness to serve the country, the party and the people and — should he lose — it will prove to the party that he is not afraid to lose for the sake of its members," she said.

On Datuk Musa's bid to retain the deputy presidency, she said "If Datuk Musa wins, there will be a more even distribution of power in the party, which will lead to more party members having more control over the Government's direction."

Hajjah Marina said that many Umno members felt there was "too much government control" over the party.

"There are supreme council members whose views or advice is repeatedly ignored by the present leaders.

"Also, views given by certain supreme council members are not fully reported by the Press because the media is all government controlled and statements which are not in favour of government leaders are automatically censored while those in favour are amplified.

"Government policies are being implemented without the approval of the council, which is a violation of the party constitution.

"This has also resulted in the council having to carry the burden of policies which are implemented

Marina: I have no quarrel with Dr M

KUALA LUMPUR, Wed. — Umno Supreme Council member Hajjah Marina Yusoff said today that her recent criticism of the party leadership does not mean she has a misunderstanding with Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"The criticism does not mean I disagree with the party president's leadership. In fact, I regard Dr Mahathir to be a capable leader," she said.

"Unfortunately however, the actions of certain people around the Prime Minister have brought about several disturbing developments," she claimed.

"It is as a result of this that I expressed my fears about these matters, such as the question of the party to government relations, all for sake of the party's well-being." She supported former Prime Minister Tun Hussein Onn's view that a change in the existing party leadership did not mean members would be divided and the party destroyed.

She said every contest, including at top party level, was a healthy process, especially in fulfilling the expectations of the new generation and further strengthening the party.

Hajjah Marina regretted the attitude of certain party leaders who she claimed were afraid of being challenged and used their powers and influence to ensure their position was not threatened. — Bernama.

Sta 19/2/87

Serangan pertama Marina terhadap kepimpinan Dr M, menyebut cara diktatornya daripada beberapa sebab

Saya juga hendak mengambil kesempatan memberitahu Dr. Mahathir apa yang saya perolehi tentang kegiatan Daim dan apa yang dia telah buat dengan harta UMNO. Saya telah dilantik dalam Jawatankuasa Harta Benda UMNO yang dipengerusikan oleh Datuk Rais Yatim untuk meneliti dan menjaga harta UMNO serta melaporkannya kepada Presiden parti.

Pada bulan Oktober 1986 Mahathir mengarah semua Majlis Tertinggi UMNO serta beberapa pakar hadir di Kem Bina Semangat di Port Dickson. Kami digalakkan supaya bercakap terus terang. Saya berbuat demikian. Saya memberitahu beliau dengan sejelas-jelasnya bahawa beliau terpaksa mengeneipkan beberapa sahabat karib dan kenalan beliau yang akan menghancurkan parti sebagai sokong membawa rebah.

Pada masa itu tindakan Megat Junid, dalam kes John Bethelsen, seorang warga negara Amerika yang menjadi pemberita *Asian Wall Street Journal*, dengan menghalaunya keluar negeri tanpa notis yang cukup adalah menyalahi undang-undang dan peraturan. Tindakan ini disifatkan sebagai tindakan bodoh yang merugikan Negara kita, kerana pada masa itu Perdana Menteri sedang berada di Amerika untuk menarik pelaburan asing. Tindakan Megat menyebabkan lawatan itu gagal kerana sabahagian besar daripada masa Perdana Menteri digunakan untuk menjawab soalan-soalan yang timbul mengenai tindakan Megat terhadap rakyat Amerika itu.

Ketika itu, banyak kedengaran desas-desus tentang pembaziran wang UMNO oleh Daim untuk kepentingan peribadinya. Perkara ini saya keberatan hendak memberitahu Dr. Mahathir di hadapan peserta-peserta lain. Oleh itu saya minta suatu temujanji untuk berjumpa dengannya. Dia memberi temujanji itu tetapi tidak menunaikannya.

Saya merasa amat penting untuk berjumpa dengan Dr. Mahathir. Dia telah bersetuju nak berjumpa dengan saya keesokan hari ketika kami pulang dari Kem Bina Semangat di Port Dickson. Oleh

LEADERS MUST LISTEN TO VIEWS: MARINA

PUTRAJAYA, Sun. — There is a "wide acceptance" amongst the 110 leaders of the UMNO and UMCA who are meeting the more and confidence of each other, party approach towards another Najib Razak to still exist today.

"People will see what I would mean. I have just met and Prime Minister Tun Razak for the first time. He is not, it's not surprising that he is not surprised because I've met him before. He is not surprised because he has met me before."

He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night. He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night.

He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night.

He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night.

He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night.

He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night.

He was speaking at a press conference after a meeting with the UMNO and UMCA leaders in Kuala Lumpur last night.

DR M: I'M WILLING TO LISTEN

MARSDI TAHAH, Sun. — Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad said today that he was prepared to listen to the views of a compromised if would a contest among the "Big Five" in the UMNO Executive but he would first show the terms involved.

The Prime Minister said that he was prepared to listen to the views of a compromised if would a contest among the "Big Five" in the UMNO Executive but he would first show the terms involved.

Chatter Baha and three deputy president (Datuk Mohd Yusoff, Datuk Yusoff Yusoff and Datuk Yusoff Yusoff) in response to challenges by Mahatir for the leadership within UMNO circles as suggested to try and seat Datuk Baha from the deputy presidency.

Dr Mahatir said that he would not comment any further on a possible compromise as "I must first know the terms involved."

"If it then I would not proceed for one year, and then there is another president, and another at the back of this president."

"If I do not have president, then one and president, another and all kinds of things can happen," he said.

Asked if he was willing to help any one of them and offered, he replied "I will listen. I always listen."

To another question, he replied that he was not aware of any compromise before. "I had not an idea of the question of compromise (before)," he said.

Dr Mahatir also said he was not aware of those who were running for the deputy presidency. He was willing to pull up from the race for a new presidency to ensure a time process ending the "Big Five" issue.

"I hope I can't do it, I don't know after that," he replied.

Dr Tunjaja Rangkang's announcement yesterday that he was working with Datuk Mohd Yusoff to help solve problems facing the nation, Dr Mahatir said "It has every right" for to be the Government.

"Tunjaja Rangkang is offering the problems to the Government."

He is a member of the UMNO Executive.

Barlow, Dr Mahatir said that he was prepared to listen to the views of a compromised if would a contest among the "Big Five" in the UMNO Executive but he would first show the terms involved.

Dr Mahatir said that he was prepared to listen to the views of a compromised if would a contest among the "Big Five" in the UMNO Executive but he would first show the terms involved.



Dr Mahatir Mohamad

On pages 2,3,4

- Ghalar: The more we borrow the better
- Razaleigh: Better fighting under Dr M
- Practice what you preach, says Musa
- Sanusi: Margin of victory not important
- Selangor Menteri: Big majority needed at Rasah UMNO meeting
- Latest on the appointments
- Mahatir should step down, Marina
- Choose efficient leaders, says Dain
- Control your supporters, Dallah tells leaders

Dr M. kata dia sanggup dengar tetapi satu usaha untuk menipu

kerana dia dalam keadaan baik hati saya berani meminta kebenarannya untuk menumpang helikopternya pulang dari Port Dickson ke Kuala Lumpur.

Pada pukul tiga pagi itu, bapa tiri saya meninggal dunia. Saya memandu kereta ke Kuantan untuk menghadiri upacara pengebumiannya. Oleh kerana temujanji dengan Perdana Menteri juga pada hari itu pukul empat petang, saya terpaksa bergegas balik walaupun dalam keadaan sedih dan berkabung. Saya membawa kereta dengan begitu laju kerana tidak mahu terlambat dan tidak mahu terlepas temujanji ini. Tetapi hampa apabila sampai di pejabat Perdana Menteri bilik tetamu penuh dengan orang-orang Jepun yang menunggu hendak berjumpanya. Saya berjumpa dengan kedua-dua Setiausaha-nya Aziz Zakaria dan Aziz Shamsuddin.

Selepas menunggu lebih satu jam saya diberitahu oleh Aziz Zakaria bahawa mustahil bagi saya dapat berjumpa dengan Dr. Mahathir pada hari itu. Beliau berjanji akan menalipon saya dan memberitahu saya tarikh baru. Dukacita selepas itu dia langsung tidak berusaha untuk menelefon saya. Saya menelefon beliau beberapa kali dan berbagai alasan diberinya tetapi beliau tidak dapat memberi tarikh baru. Saya hairan, dulu setiap kali saya membuat temujanji dengan Perdana Menteri, saya dapat berjumpanya dengan segera. Kami biasa berbincang beberapa perkara dengan serius dan panjang lebar yang saya percaya ada memberi manfaat. Pada satu ketika Datuk Musa, pada masa itu Timbalan Perdana Menteri, begitu marah kerana terpaksa menunggu begitu lama di luar pejabat dan ketika saya muncul dia tambah meradang bila dia mendapat tahu bahawa yang menyebabkan dia menunggu "hanya Marina"!

Bila saya tidak dapat temujanji untuk berjumpa Dr. Mahathir, saya menulis satu surat atas nasihat kawan baiknya, Datuk Khalid Hj. Abdullah (Utusan Malaysia) meminta tarikh untuk berjumpa dengannya. Tetapi agak mendukacitakan apabila orang semacam Sanusi Junid mentafsirkan surat ini sebagai surat "cinta" dan lantas berkempen memburuk-burukkan saya dan memutarbelitkan tujuan surat ini seolah-

Hussein: Reject the 'super leaders'

By JUNE H.L. WONG

KUALA LUMPUR, Thurs. — Umno must reject "super leaders" who will move the party away from a moderate stance and turn it into an organisation with extremist views on religion and nationalism.

Tun Hussein Onn said today. The former Prime Minister and Umno president said there was growing pressure on the party to "change its colour" from one of moderation to an extreme one.

He said such pressures were mounting because "people want to offend each other."

Tun Hussein said Umno could survive as a credible party, supported by the orthodox community, with moderate policies.

"But the party leaders are being put in an awkward position as a result of certain religious and nationalistic pressures from some quarters," he said.

"On the question of whipping, do you

Hussein: I foresaw the split

● FROM PAGE ONE

say they are bound by constraints," he said.

On the rift between Prime Minister Dato Sri Dr Mahathir Mohamad and Umno deputy president Dato Mosa Hilman, who stepped down as Deputy Prime Minister last year, Tun Hussein said he foresaw the split "a long time ago."

"When the newspapers started labelling them as the JMA, I voiced concerns, because

in our system, there can be only one leader. You can't put the number two on par with the number one.

"The number two cannot assume that he is on the same level as the number one because he is a human being, he can get carried away unconsciously and no number one would ever take it.

"If Dr Mahathir had tried to do that when I was in office, I would not have tolerated it," he added.

Marina Yusof agrees with Hussein Onn

KUALA LUMPUR, Wed. — Umno supreme council member Hajah Marina Yusof today said she fully supported the statement made by former Prime Minister Tun Hussein Onn last week.

Tun Hussein, had last week, declared there was no guarantee that if the top party leaders were unchallenged a split in the party would not occur.

She said Tun Hussein had been honest and had made a practical statement.

"The fears that the party will be split if there are challengers for the top post is unfounded. The party will in the contrary emerge stronger after the elections.

Hajah Marina said she had no bad intentions against the Prime Minister, but was instead speaking up in sincerity.

Hajah Marina had last week, publicly declared that Tengku Razaleigh Hamzah should contest the party presidency.

Apa yang di perkatakan oleh bekas Perdana Menteri ketiga Tun Hussein Onn tentang pemimpin yang memening diri sendiri.

olah saya hendak berjumpa dengan Dr. Mahathir atas sebab peribadi! Lebih mendukacitakan apabila saya mendapat tahu bahawa Dr. Mahathir sendiri tidak mempunyai sebarang etika dan prinsip apabila beliau sendiri membuat salinan surat-surat sulit dan menyebarnya kepada pihak awam semata-mata hendak merosakkan nama baik saya. Sekiranya mereka betul-betul berminat untuk menyebarkan surat-surat yang pernah saya tulis, memang ada banyak surat yang saya tulis mengenai masalah negara.

Satu daripadanya menasihatinya supaya jangan mengheret peguam-peguam ke Mahkamah semata-mata kerana mereka telah pergi ke Parlimen untuk menyerahkan memorandum berhubung pindaan kepada Akta Pertubuhan. Saya telah menerangkan bahawa tujuan mereka itu adalah mulia tetapi dia tidak pedulikan surat ini dan terus mengheretkan peguam-peguam ke Mahkamah. Tindakan beliau ini tidak memberi sebarang manfaat atau keuntungan melainkan merosakkan lagi perhubungan parti pemerintah dengan Majlis Peguam.

Memang dalam pengetahuan umum bahawa beliau benci peguam-peguam. Seringkali apabila kami, peguam-peguam yang berada didalam Majlis Tertinggi berbeza pendapat, beliau biasa mengatakan " Semua peguam-peguam patut dibariskan di hadapan dinding dan ditembak!" Jelas beliau berperangai tidak baik apabila berhadapan dengan peguam-peguam. Beliau mungkin merasa tidak cekap hendak menyelesaikan masalah-masalah yang sulit mengenai undang-undang dan peraturan. Oleh kerana beliau doktor perubatan, tidak terlatih dalam undang-undang dan Perdana Menteri yang lalu semuanya terdiri dari peguam-peguam. Saya memerhati apabila Dr. Mahathir berhadapan dengan orang yang lebih penting atau lebih pandai daripadanya beliau kadang-kadang sengaja memperli dan memperkecilkan orang itu. Beliau tidak mahu mengaku bahawa dalam dunia ini sudah tentu ada orang yang lebih pandai daripadanya. Tetapi beliau sentiasa cuba menunjukkan bahawa beliau lebih tahu tentang apa jua perkara dan boleh berbincang tentang apa saja. Dia kelihatan begitu bodoh ketika dalam satu ucapan untuk peguam-peguam dalam persidangan Peguam, beliau tidak tahu membezakan antara Kehakiman dan Peguam.



*Di perhimpunan Agong UMNO pada September 1986 [Di sebelah kiri Dr Mahathir,
di kanan Marina Yusoff ialah Rahmah Osman]*

Akhirnya saya mendapat tahu bahawa penerbangan helikopter itulah yang menyebabkan masalah sehingga saya dihalang berjumpa dengan Dr. Mahathir selepas itu. Bila saya memikirkan semula, saya dapati ketika saya turun dari helikopter dengan Dr. Mahathir, muka Siti Hasmah berubah menjadi pucat menunjukkan dia begitu terkejut, mungkin kerana kami semua berada di Kem Bina Semangat selama tiga hari tiga malam (bersama sekurang-kurangnya seratus orang lain!) dan selepas itu melihat suaminya keluar dari helikopter dengan perempuan lain! Mungkin inilah ini mengejutkan dia. Saya diberitahu selepas itu pergaduhan besar berlaku di antara mereka.

Saya tidak menyalahkan dia kerana cemburu kerana memang perkara biasa bagi isteri-isteri berperasaan cemburu. Tetapi sebagai isteri Perdana Menteri dia mesti sedar bahawa dalam tugas suaminya sebahagian besar ialah untuk berjumpa orang awam termasuk kaum wanita. Beliau mesti sedar dia tidak sepatutnya masuk campur dalam hal kerja suaminya atau meneliti buku temuannya dan membatalkan temuannya dengan wanita-wanita yang dia anggap tidak ada sebab jumpa dengan suaminya. Keadaan memang teruk apabila seorang Perdana Menteri tidak boleh menahan isterinya dari mencampuri hal ehwal rasminya. Bukan dia tetapi negara yang rugi. Pemilihan menteri-menteri wanita pun nampaknya mesti mendapat persetujuannya. Ada seorang menteri hilang kerjanya seketika kerana isterinya telah bergaduh dengan Dr. Siti Hasmah. Jelas bahawa Perdana Menteri kita takut kepada isterinya.

Dr. Siti Hasmah tidak sedar bahawa wanita seperti Napsiah Omar yang sanggup berbuat apa sahaja untuk mendapat pangkat. Pada satu ketika dia secara tidak langsung mendakwa Dr. Mahathir dan semua menteri kabinetnya ada hubungan sulit dengan saya. Dalam satu ceramah Pilihanraya kecil Ampang pada Januari 1989, semasa berceramah dengan sekumpulan wanita di kampung Datuk Keramat yang sepatutnya digunakan untuk berbincang isu Pilihanraya ataupun tentang calonnya beliau mengambil kesempatan itu untuk memburukkan nama baik saya. Dia berkata antara lain bahawa Perdana Menteri dan Kabinetnya semua "kenal tiap-tiap tahi lalat" atas tubuh badan saya. Apa

kata Siti Hasmah tentang perkara ini? Kenapa Siti Hasmah tidak menyoal Dr. Mahathir tentang tuduhan itu.

Ini menunjukkan mentaliti sempit dan kotor Menteri Wanita ini.

Ada satu ketika sebelum pemilihan parti dalam tahun 1987, apabila beberapa orang wanita berbincang mengenai beberapa skandal yang melibatkan Daim dengan Roxy. Juga bagaimana Tan Sri Basir mengkhianati peniaga-peniaga Melayu dan menjejaskan Bank Bumiputra dengan cara pentadbiran yang tidak betul, beliau turut menyertai perbincangan ini, tetapi selepas itu lari membuat "aduan" kepada Rafidah. Rafidah pun melatah dan membuat tuduhan melulu di dalam akhbar terhadap saya.

Dalam satu lagi peristiwa yang lain beberapa orang Timbalan Menteri mengadakan perbincangan di antara mereka tentang pertandingan yang akan berlaku di antara Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir. Napsiah menyertai perbincangan itu, tetapi selepas itu berlari kepada Mahathir dan membuat aduan menggambarkan orang lain jahat, dia seorang sahajalah yang baik.

Seperti yang dijangkakan pengikut-pengikut Tengku Razaleigh telah dijadikan mangsa politik. Kemudahan-kemudahan, lesen-lesen dan kerja-kerja tidak diberi kepada mereka. Mereka yang menikmati kemudahan tiba-tiba ditamatkan begitu sahaja. Bagi mereka yang mempunyai pekerjaan tetap dan tidak boleh diberhentikan, orang-orang ini dihantar atau ditukarkan ke tempat jauh. Malah ada yang terpaksa dipisahkan dari keluarga mereka oleh kerana isteri mereka bekerja atau anak mereka bersekolah atau disebabkan masalah ekonomi. Kesusahan dan kesengsaraan dihadapi oleh ramai orang yang tidak berdosa. Penindasan seperti ini bermula apabila Datuk Musa berjaya dalam pertandingan dengan Tengku Razaleigh pada 1981 dan diturunkan oleh Dr. Mahathir terhadap musuh politiknya.

Beliau terus menggunakan berbagai strateji untuk mengkhianati

segala kegiatan ekonomi musuhnya . Seterusnya berusaha untuk menghancurkan segala pengaruh politik dengan cara merosakkan nama baik kita. Dan sengaja menyebabkan berbagai penderitaan disemua kalangan masyarakat. Banyak tenaga dan masa keemasan dibazirkan untuk menentang segala tindakan buruk ini sehingga menjejaskan segala usaha dan kerja membina. Sedikit sebanyak ianya telah menjejaskan pencapaian ekonomi orang Melayu . Tidak hairanlah apabila kita membaca berita baru-baru ini yang menyatakan bahawa kita GAGAL mencapai matlamat penyertaan orang Melayu sebanyak 30% dalam bidang ekonomi seperti yang dirancang dalam Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya ada pencapaian oleh orang Melayu dalam bidang ekonomi selepas ini , hanya Daim , nominee nya, ipar dan kawan-kawan Mahathir sahaja yang akan merasainya, jika mereka terus berkuasa.

Kebanyakan daripada kalangan kita merasakan perkara seperti ini mesti dihentikan. Kompromi mesti dibuat dengan segera. Dengan adanya pertandingan dalam parti kita mengharapkan supaya dapat meninggikan lagi taraf dan prestasi parti kita, tetapi dukacita nampaknya pemimpin Melayu mengambil kesempatan ini untuk mengkhianati sesama sendiri dalam pencapaian objektif ekonomi. Sekiranya orang Melayu gagal dalam pencapaian matlamat ekonomi mereka, mereka tidak boleh menyalahkan orang lain tetapi diri sendiri. Mereka dihidangkan dengan segala kemewahan di atas pinggan perak tetapi kerana kepentingan diri dan politik mereka sanggup menghancurkan segala-galanya.

Oleh kerana saya tidak dapat berjumpa dengan Mahathir, saya terpaksa menulis surat kepadanya tentang kumpulan Fleet dan menerangkan bagaimana Daim menggunakan wang UMNO untuk menebuskan syarikat-syarikatnya yang tenat dan muflis. Boleh dikatakan semua duit, saham-saham dan harta UMNO yang telah diserahkan oleh Tengku Razaleigh kepadanya selaku Bendahari UMNO lesap. Hanya Daim muncul lebih kaya lagi. Dia mengugut hendak mendakwa saya dalam satu majlis tertutup dengan para perwakilan semalam sebelum pertandingan parti pada bulan April 1987. Tetapi sehingga sekarang dia tidak berbuat demikian. Saya memang menunggu peluang untuk membongkarkan segala cerita yang benar kepada umum.

**YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad,
Presiden UMNO Malaysia,
Ibu Pejabat UMNO,
Tingkat 38, Menara Dato Onn,
Jalan Tun Ismail,
Kuala Lumpur.**

14hb. April 1987.

FLEET HOLDINGS SDN BHD

Dato' Seri,

Bagi pihak ahli-ahli UMNO yang telah memilih saya ke Majlis Tertinggi UMNO, izinkan saya menyampaikan beberapa perkara menyentuh dengan syarikat-syarikat kepunyaan UMNO yang dinamakan Fleet Holdings Sdn. Bhd. Oleh kerana saya tidak berjaya berjumpa dengan YAB walaupun saya sudah cuba beberapa kali sejak awal November 1986 saya terpaksa berhubung menerusi surat.

Beberapa tahun dahulu saya telah dilantik bersama YB Datuk Rais Yatim dalam Jawatankuasa Harta Benda UMNO. Kami telah ditugaskan untuk menyelidik dan menyenaraikan semua harta benda UMNO. Beberapa soalan telah dikemukakan keadaan YAB Dato' Seri tetapi sehingga hari ini tidak mendapat sebarang jawapan.

Fleet Holdings Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 1972 oleh YBM Tengku Razaleigh Hamzah selaku Bendahari UMNO atas arahan Allahyarham Tun Abdul Razak. Syarikat ini ditubuhkan dan dimulakan dengan wang Tengku Razaleigh sendiri dan ditadbirkan dengan baik dan bijaksana. Tujuan asalnya ialah untuk menguasai akhbar-akhbar tempatan yang dikuasai oleh orang-orang asing baik dari segi modal atau pengurusan. Dengan ini Fleet Holdings diberi tugas untuk menguasai kumpulan akhbar yang ulung dan terbesar di negara ini iaitu Kumpulan Straits Times Press (M) Bhd.

Fleet Holdings mula bergerak dengan tegas menguasai dan mengambil alih kuasa Kumpulan Straits Times Press (M) dan menceburi bidang

bank, insuran, leasing, car rental, komunikasi, perfileman dan sebagainya.

Apabila YBM Tengku Razaleigh menyerah kuasa Fleet Holdings Sdn. Bhd. kepada YB En. Daim Zainuddin dalam tahun 1983, nilai harta-harta dan saham-saham Fleet Holdings ini berjumlah lebih kurang \$500 juta dengan tanggungan hutang sebanyak \$56 juta sahaja. Tetapi pada hari ini hutang Fleet Holdings dan anak-anak syarikatnya menjangkau ke \$448 juta. Kami diberitahu pada masa kini Fleet Holdings tidak mampu membayar bunga yang berjumlah 3 juta sebulan. Besar kemungkinan hutang pokok yang agak besar ini tidak boleh dibayar. Kami Ahli UMNO memandang berat kepada kemungkinan yang syarikat-syarikat ini akan dikuasai oleh kepentingan Asing kelak.

Seperti YAB sedia maklum Straits Times Press (M) Bhd. telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan Singapura dan pada tahun 1974 namanya ditukar kepada New Straits Times Press Bhd. Fleet Holdings telah membayar \$32 juta untuk menguasai 80% saham Straits Times Press (M) Bhd. tersebut dengan pinjaman daripada Bank Bumiputra. Selepas itu Fleet Holdings telah menjual 25% daripada saham tersebut untuk membayar sebahagian daripada pinjaman Bank itu.

Selain daripada Fleet Communications semua anak-anak syarikat Fleet Holdings menunjukkan keuntungan. New Straits Times Bhd. menunjukkan keuntungan sebanyak \$43 juta dari modal berbayar \$21 juta pada tahun 1983. Apabila YB En. Daim Zainuddin dan rakan-rakannya mengambil alih pada awal 1983 mereka telah menukar corak kepentingan perniagaan. Mereka juga telah menutup dan menjual beberapa anak syarikat di samping membeli beberapa syarikat lain termasuk yang ada hubung kait dengan YB En. Daim sendiri.

1. FABER MERLIN

Kami merasa muskhil dengan pembelian saham Faber Merlin dan

gan harga yang terlalu tinggi. Untuk membiayai pembelian ini sebahagian daripada saham-saham NST dikeluarkan daripada Bank Bumiputra dan dicagarkan pula kepada Malayan Banking dan Overseas Union Bank. Sebahagian lagi saham NST ini dicagarkan kepada Malayan Banking berhad untuk mendapat pinjaman sebanyak \$90 juta.

Pembelian saham-saham Faber Merlin ini dibuat melalui firma broker Rashid Hussain di Kuala Lumpur. Thong dan Oh di Pulau Pinang dan Kay Hin Securities di Singapura atas nama Citivest Sdn. Bhd. Kami diberitahu bahawa saham-saham Faber Merlin Bhd. yang dibeli oleh Fleet Holding Sdn. Bhd adalah saham-saham kepunyaan YB En. Daim dan rakan-rakannya sendiri. YB En. Daim dan rakan-rakannya sendiri membeli saham-saham ini dengan harga di antara \$1.37 dan \$1.80. Kami juga diberitahu harga jualan kepada Fleet Holding Sdn. Bhd. ialah \$3.00 sesaham. Kesimpulannya YB En. Daim dan rakan-rakannya mendapat keuntungan tidak kurang dari \$50 juta.

Butir-butir lanjut tentang penjualan saham-saham ini boleh diperolehi dari firma-firma broker yang disebut di atas. Kredibiliti salah satu dari Kumpulan Broker telah menjadi tanda tanya, apabila salah seorang rakan perkongsian Kay Hin Securities, Mr. Peh, dirampas pasportnya oleh Kerajaan Singapura.

2. TAMAN BUKIT MALURI

Selepas Fleet Holdings menguasai Faber Merlin, YB En. Daim dan rakan-rakannya telah mengarahkan Faber Merlin membeli tanah kepunyaan Bukit Maluri Sdn. Bhd. dengan harga \$86 juta. Sebelum itu En. Daim telah membeli tanah ini dari Syarikat Permodalan Kebangsaan (SPK) dengan harga \$16 juta. Ini bermakna YB En. Daim dan rakan-rakannya memperolehi keuntungan tidak kurang dari \$70 juta.

3. DAZA SDN. BHD.

Salah satu lagi perkara yang merugikan kita apabila YB En. Daim dan rakan-rakannya berunding dengan pihak Straits Times Singapura untuk membeli 25% saham-saham New Straits. Beliau membeli saham-saham bukan untuk Fleet tetapi untuk diri mereka sendiri, melalui syarikatnya bernama DAZA Sdn. Bhd. dengan pinjaman sebanyak \$56 juta dari Union Bank of Switzerland. Lepas itu YB En. Daim dan rakan-rakannya, mengarahkan Faber Merlin membeli saham-saham tersebut dengan harga \$136 juta. Dengan demikian YB En. Daim dan rakan-rakannya mendapat untung \$80 juta. Malangnya Faber Merlin hanya mampu membayar \$34 juta sebagai pendahuluan. Oleh kerana harga yang ditetapkan oleh YB En. Daim dan rakan-rakannya terlalu tinggi dan tidak munasabah Faber Merlin gagal mendapat wang yang cukup untuk membayar bakinya. Akibatnya Faber Merlin hanya diberi 5% dari saham-saham tersebut dan 20% lagi dikekalkan dalam DAZA Sdn. Bhd. Jelaslah dari penjualan 5% saham New Straits Times Press kepada Faber Merlin tidak cukup menampung pinjaman \$56 juta dari Union Bank of Switzerland oleh DAZA Sdn. Bhd. Untuk mengatasi masalah DAZA Sdn. Bhd. dan juga YB En. Daim dan rakan-rakannya, Fleet Holding dipaksa membeli DAZA Sdn. Bhd. dengan harga \$1 juta. Pada mata kasar murah harga penjualannya itu, tetapi disebaliknya, dengan pembelian ini Fleet Holdings terpaksa memikul hutang DAZA sdn. Bhd. yang berjumlah \$120 juta.

4. UNITED ESTATES PROJECT BHD.

YB En. Daim dan rakan-rakannya, telah berjaya menjual United Estate Project Berhada kepada Sime Darby. Sebelum syarikat ini diambil alih oleh Sime Darby YB dengan rakan-rakannya telah mengarahkan Faber Merlin membeli Subang View Hotel dengan harga \$56 juta dan wang ini telah dibayar dengan penukaran saham Faber Merlin sebanyak 36 juta saham yang dinilai pada harga \$1.60 tiap-tiap satu. Harga pembinaan hotel tersebut hanya \$26 juta. Ini bermakna YB dan rakan-rakannya telah mendapat keuntungan tidak kurang dari \$30 juta.

Pendapatan Fleet Holdings adalah dari dividen anak-anak syarikatnya. Oleh kerana semua anak syarikat kecuali New Straits Times mengalami kerugian, maka pendapatannya telah terjejas. Fleet Holdings telah gagal untuk menjelaskan pinjaman yang diambil dari Malayan Banking Berhad, Overseas Union Bank dan Bank Bumiputra. DAZA Sdn. Bhd. juga telah gagal membayar faedah dan hutang pokok dari pinjaman yang besar daripada Union Bank of Switzerland (UBS). Akibatnya Overseas Union Bank dan Malayan Banking Berhad ADALAH INSTITUSI YANG SEBENARNYA MENGUASAI SAHAM-SAHAM NEW STRAITS TIMES (M) BERHAD DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA TERMASUK TV3 PADA HARI INI.

Apakah akibat dari tindakan YB En. Daim dan rakan-rakannya terhadap nasib syarikat kepunyaan UMNO iaitu Fleet Holding? Dianggarkan YB En. Daim dan rakan-rakannya telah mendapat keuntungan bersih lebih dari \$200 juta dari segala manipulasi dan transaksi itu. Malangnya Fleet Holdings dan Faber Merlin kini mengalami kerugian besar. Tidak ada jalan lain untuk Fleet Holding mengurangkan hutang-hutangnya kecuali menjual sebahagian dari saham-saham NSTnya. Kini equiti Fleet Holdings dalam NST hanya 50.3% dari 55% yang pernah dimilikinya dulu.

5. TV3

Baru-baru ini seperti YAB Dato' Seri maklum New Straits Times telah diarah membeli saham-saham Sistem Television Malaysia Berhad yang dipegang oleh Utusan, Fleet Group dan Syed Kechik Holdings dengan harga \$77 juta. Tidak cukup dengan pembelian ini New Straits Times telah juga diarah membeli saham-saham Bank of Commerce dan American Malaysia, Insurance kepunyaan Fleet Holdings. Untuk membolehkan pembelian saham-saham tersebut New Straits Times telah meminjam wang daripada Bank-bank tempatan. Sepanjang riwayat, syarikat New Straits Times belum pernah meminjam wang. Berikutan dengan pinjaman ini serta kemerosotan keuntungan yang dialami semenjak tiga tahun yang lalu, kami sangat khuatir New Straits Times akan mengalami nasib yang sama dengan Fleet Holdings.

Bersama ini saya lampirkan satu senarai hutang piutang Kumpulan Fleet Holdings untuk tatapan YAB.

Jelaslah bahawa bank-bank yang memegang saham New Straits Times sebagai cagaran pinjaman tersebut di atas, boleh dengan sekelip mata mengambilalih kuasa Kumpulan New Straits Times Malaysia Berhad dan secara langsung hilanglah pegangan UMNO di atas syarikat-syarikat tersebut.

6. DAAN DAN DANI

Ingin juga kami nyatakan di sini bahawa Daan dan Dani (syarikat-syarikat kepunyaan YB En. Daim) juga mempunyai 2.5 juta saham dalam TV3. Patutkah ini berlaku walhal TV3 sepatutnya dipunyai oleh UMNO melalui Fleet Holdings dan bukan individu?

Sepatutnya YAB Dato Seri mengambil tindakan yang tegas tentang perkara ini sebelum ia menjadi parah. Malangnya Dato' Seri cuba menutup perkara ini dengan mengatakan ini adalah "rahsia". Lagi sekali kami ulangi bahawa sekiranya YAB Dato' Seri tidak mengambil tindakan yang tegas dan bijaksana dengan segera besar kemungkinan Fleet Holdings Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya akan dikuasai oleh kuasa asing kelak. Ini adalah bertentangan dengan dasar perjuangan UMNO yang sebenarnya.

Dengan rendah hati kami memohon agar sesuatu tindakan yang positif dan bermakna diambil dengan segera supaya maruah UMNO dan kepentingan Bangsa Melayu tidak diperjualbelikan oleh tokoh-tokoh tertentu dlama UMNO

Wassallam.

Yang benar,

Marina

~~Hajjah Marina Yusoff~~

Lampiran.

FLEET HOLDINGS SDA BHD

1. <u>MBB</u>		MS
Balance @ 28.02.87 89		102 520 00
2 <u>BBMB</u>		
Overdraft @ 28.02.87		72 101 107 00
2. <u>BBMB</u>		
Principal	US\$ 2 139 952 93	5 414 080 91
Interest [16.09.86 - 16.03.87]	US\$ 40 458 48	102 359 95
4. <u>BBMB</u>		
Principal	SFR 46 274 872 74	75 428 042 56
Interest [16.09.86 - 16.03.87]		
@ 6.437 % p.a	SFR 1497 747 31	2441 328 11

FLEET GROUP SDA BHD

1. <u>BBMB</u>		
Principal	SFR 50 000 000 00	81 500 000 00
Fixed interest @ 6.8% p.a.		
[21.01.87 - 02.07.87]	SFR 1 709 444 44	2 786 394 43

DAZA SDN BHD

1. <u>UBS</u>		
Principal	SFR 64 975 896 04	105 910 710 54
interest [17.10.86 - 21.04.87]		
@ 4.8125% p.a.	SFR 1 615 598 58	2 633 425 68
2. <u>OUB</u>		
Principal		10 000 000 00
interest [27.10.86 - 27.01.87]		
@ 13% p.a.		308 219 00
		<u>447 728 188 18</u>

BAB 2

KEJADIAN-KEJADIAN SEHINGGA UMNO DIHARAMKAN

Detik penting yang mengubah sejarah UMNO ialah pertandingan parti pada 1987. Inilah pertama kali pertandingan yang begitu serius diadakan untuk jawatan Presiden parti. Kebanyakan kita merasakan memang sudah sampai masanya untuk perubahan. Tengku Razaleigh adalah calon yang paling layak. Kempen dijalankan dengan begitu hebat. Daripada sokongan yang didapati di ceramah-ceramah, jelaslah bahawa rakyat inginkan perubahan. Masa sudah tiba untuk perubahan dalam pimpinan parti dan negara.

Sekiranya proses pemilihan dilaksanakan dengan adil tentulah Tengku Razaleigh menang. Semasa pengiraan undi cara kertas-kertas undi diasingkan, keadaan mengejut yang menggemparkan dewan yang dilakukan oleh "Kommando" dan bunyi pembesar suara dengan mengejut adalah usaha-usaha untuk memastikan bahawa Dr. Mahathir tidak boleh kalah. Yang anehnya, dalam pengiraan pertama untuk Jawatankuasa Majlis Tertinggi, tidak seorang pun dari penyokong Tengku Razaleigh yang berjaya, tetapi selepas bantahan dan pengiraan dibuat sekali lagi, lapan daripada penyokong Tengku Razaleigh telah berjaya.

Kertas undi Tengku Razaleigh dengan mudahnya boleh diletak di bawah kertas undi Dr. Mahathir oleh kerana kertas undi diikat dalam ikatan sepuluh. Yang anehnya empat puluh dari kertas undi Timbalan Presiden kosong!

LET'S STAY EVEN BY A VOTE



Dr Mahathir 'top card' among leaders

BANDAR SERI BEGAWAN, Mon. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today that he will continue

post," he said. The Prime Minister was addressing about 100 members of the Malaysian community at Inana Edinburgh here.

up that the country's leaders could speak up with firmness and courage. He said that in any elective, there was bound to be turbulence

cause we are on good terms with the Zionists, similarly I do not believe prices will drop because of our opposition to Zionism. Dr Mahathir said there were

Bukti keangkuhan Dr M dan tamak kuasa berterusan. Dia telah istiharkan dia akan kekal walaupun satu undi.

Apabila keputusan diumumkan keadaan menjadi begitu sunyi seolah-olah semua orang berkabung. Banyak yang menangis. Kita tidak percaya keputusan itu. Tetapi kita terpaksa menerima keputusan itu dengan hati yang tabah.

Mengikut tradisi UMNO, seperti yang telah berlaku selepas tiap-tiap pertandingan, kita menganggap selepas itu semua orang akan bertenang dan kembali bersatu. Tetapi keadaan ini tidak berlaku. Dulunya begitulah tradisi UMNO . Dr. Mahathir mengubahnya dengan segera. Walaupun Tengku Razaleigh dan Datuk Rais secara terhormat meletak jawatan, Dr. Mahathir tidak membenarkan perkara itu selesai begitu sahaja. Beliau hendak membalas dendam dan memecat semua Timbalan Menteri dan sesiapa sahaja yang menyokong Razaleigh atau Musa.

Senarainya semakin hari semakin panjang. Orang yang tidak berdosa dijadikan mangsa. Pekerja parti, guru-guru, pegawai kerajaan, ahli peniagaan, orang-orang dari berbagai jenis pekerjaan menjadi mangsa. Beberapa kali gambar saya tersiar di muka depan akhbar-akhbar utama yang dikuasai oleh mereka kononnya saya menerima "notis muflis".(yang sebenarnya tidak pernah diserahkan kepada saya) telah terbit. Ini menyeksa saya sehinggakan hari ini kebanyakan kawan-kawan saya memikirkan bahawa saya telah menjadi muflis walaupun perkara ini tidak benar. Keluarga saya juga mengalami berbagai penderitaan akibatnya.

Ketika kami masih dalam keadaan sedih dan berdukacita atas kekalahan Tengku Razaleigh, seorang daripada penyokong kita menghubungi saya dan memberitahu bahawa dia telah menerima satu salinan surat daripada Pendaftar Syarikat kepada Setiausaha Agung UMNO mengatakan Cawangan Padang Brown dari bahagian Tanjung telahpun dibatalkan pendaftarannya sebelum tarikh Penghimpunan Agung. Oleh itu, sekiranya ada sesiapa daripada Bahagian itu menghadiri dan mengundi, ini akan menyebabkan pemilihan dalam bahagian itu tidak sah. Dan perwakilan daripada Bahagian yang tidak sah ini sekiranya menghadiri Perhimpunan Agung akan menyebabkan perhim-

Perhimpunan Agung itu tidak sah. Kita dapati memang ada seorang perwakilan daripada cawangan yang tidak sah ini daripada sebelas perwakilan dari bahagian tersebut yang menghadiri Perhimpunan Agung itu.

Apa yang mengelirukan kita surat dari pejabat pendaftaran itu telah dihantar sebelum tarikh Perhimpunan Agung. Tetapi Setiausaha Agung UMNO berdiam diri dan tidak pernah membangkitkan hal ini. Tugasnya ialah untuk menghalang sebelas perwakilan bahagian yang tidak sah dari menghadiri Perhimpunan Agung dan pemilihan parti. Tetapi mereka adalah tidak sah. Penyertaan dan kehadiran mereka secara automatik menyebabkan Perhimpunan Agung menjadi tidak sah. Ini adalah penting memandangkan keputusan pertandingan 25 kerusi Ahli Majlis Perhimpunan Agung begitu sengit. Ada di antara mereka yang mendapat undi yang sama dengan undi yang lain jadi satu undi pun boleh menimbulkan perbezaan.

Mengapa Setiausaha Agung berdiam diri?

Kita mengesyaki bahawa dia sengaja berbuat demikian. Sekiranya Dr. Mahathir kalah dalam pemilihan ini dia boleh menggunakan surat dari Pendaftaran Pertubuhan untuk pergi ke Mahkamah dan mengisytiharkan Perhimpunan Agung ini tidak sah.

Satu persatu aduan ini sampai kepada saya. Saya mengkajinya dan menulis surat kepada Setiausaha Agung UMNO tentang perkara ini. Saya dengan jelas memberitahunya bahawa banyak bukti menunjukkan Perhimpunan Agung tidak sah oleh kerana adanya perwakilan-perwakilan yang tidak sah. Dengan mudah beliau boleh mengatasi masalah ini dengan cara mendaftarkan kesemua cawangan-cawangan ini. Atau mengeluarkan mereka. Lantas memanggil Perhimpunan Agung sekali lagi dan mendaftarkan cawangan yang telah dikeluarkannya. Anehnya beliau tidak berbuat apa-apa.

Dalam surat jawapannya kepada saya beliau dengan terang mengatakan sekiranya kita pergi ke Mahkamah, UMNO akan diisytiharkan tidak sah kerana adanya cawangan-cawangan yang tidak sah atau tidak berdaftar. Beliau tahu undang-undang tetapi beliau tidak



Marina bersama orang pendakwa-pendakwa sebelas sedang menyediakan kes mereka.

Beliau menghormatinya. Beliau tahu tentang adanya cawangan yang tidak sah tetapi membuat pilihan tidak mendaftarkannya. Sebelum perkara ini sampai ke Mahkamah lagi, dengan mudah beliau boleh dan sepatutnya mengambil tindakan mendaftarkan cawangan-cawangan ini. Beliau boleh membuatnya dalam masa satu hari sahaja memandangkan bagaimana cekapnya Pendaftar Pertubuhan membuat kerjanya apabila arahan oleh Mahathir ketuanya, Menteri Dalam Negeri. Tetapi beliau memilih untuk tidak membuat apa-apa dan terus membiarkan UMNO menjadi tidak sah. Sekiranya beliau membuat kerjanya dengan jujur dan ikhlas sudah tentu tidak sesiapa pun akan pergi ke Mahkamah. Tetapi beliau sengaja membuat pilihan tidak berbuat apa-apa oleh kerana bimbang dengan kehendak ketuanya Dr. Mahathir.

Akhirnya 12 orang muncul sebagai pendakwa. Ada beberapa orang lagi membuat aduan. Tetapi separuh jalan mereka merasa kecut dan takut. Lalu menghentikan aduan mereka. Duabelas orang yang mendakwa ini menjadi sebelas apabila Sultan Pahang masuk campur dan mengugut pendakwa dari Pekan. Pada satu malam, dia telah dipukul oleh beberapa orang yang rapat dengan keluarga diRaja sehingga dia terpaksa menarik diri sebagai pendakwa. Dia diserang sakit jantung dan dimasukkan ke hospital seketika. Apabila keluar dia meminta supaya dimasukkan semula sebagai pendakwa tetapi sudah terlambat kerana kes pun sudah bermula. Untuk meminda surat-surat Mahkamah akan memakan masa dan boleh melambatkan lagi proses undang-undang. Bagaimanapun, dia turut bersama sepanjang perbicaraan dan memberi segala sokongan moral walaupun ugutan-ugutan terus dibuat kepadanya.

Ketika keputusan hendak meneruskan kes ini dibuat, Tengku Razaleigh berada di luar negeri. Saya telah memberitahu sahabat karibnya supaya memberitahu beliau bahawa 12 orang ini sudah membuat keputusan untuk meneruskan kes ini. Apabila saya mengimbas kembali, saya sedar bahawa pesanan tersebut tidak sampai kepada Tengku Razaleigh kerana apabila beliau pulang dari luar negeri kes ini sudah pun berjalan dan dia baru diberitahu. Tuduhan Dr. Mahathir bahawa Tengku Razaleighlah yang menjadi dalang kepada 12 orang ini adalah

tidak benar samasekali dan tidak adil. Keputusan dibuat oleh 12 orang untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Mereka tidak sanggup menarik diri walaupun telah diugut dan dipaksa. Mereka tidak mahu digelar pengecut. Mereka membuat keputusan tanpa Tengku Razaleigh. Mereka miskin dari segi kemewahan tetapi kaya dengan semangat dan kegigihan.

Semasa perjalanan kes ini kita mengalami berbagai tekanan, telefon kita ditapis. Pegawai-pegawai "Special Branch" berada di merata-rata tempat dan mengikut kami ke mana-mana sahaja. Segala usaha untuk melambatkan kes ini ditentang sehingga akhirnya kita berjaya mendapatkan tarikh perbicaraan di Mahkamah. Dari segi undang-undang kita tahu kita tidak boleh kalah dalam kes ini kerana tiap-tiap fakta dan bukti yang kita kemukakan telah dipersetujui oleh kedua-dua belah peguam.

Keputusan bertulis oleh Hakim Harun Hashim, menegaskan fakta-fakta :-

"Ada 30 cawangan tidak berdaftar dalam 4 bahagian yang telah mengadakan Perhimpunan Agung mereka dan telah memilih perwakilan atau menghantar pemerhati kepada Mesyuarat Bahagian yang telah memilih perwakilan kepada Perhimpunan Agung pada 24hb April, 1987.

Aduan oleh pihak pendakwa-pendakwa tentang kesahihan mesyuarat-mesyuarat bahagian dan penyer-taan mereka daripada cawangan-cawangan yang tidak sah atau tidak berdaftar dan beberapa perkara yang tidak sah telah dibuat kepada Setiausaha Agung sebelum Perhimpunan Agung tetapi tidak diambil tindakan olehnya mengikut kehendak perlembagaan UMNO. Memang dalam kes bahagian Pasir Putih, menurut aduan daripada ahli-ahli cawangan yang tidak berdaftar itu telahpun menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat bahagian dan

Setiausaha bahagian telahpun mengeluarkan satu notis pada 27hb Mac, 1987 mengisytiharkan mesyuarat Pemuda Wanita dan Bahagian tidak sah dan memerlukan mesyuarat-mesyuarat itu diadakan semula. Tetapi Majlis Tertinggi pada mesyuarat pada 28hb Mac, 1987 telah memutuskan mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan pada 19, 20 dan 21 Februari, 1987 itu sah dan mengarahkan bahagian Pasir Putih supaya membatalkan cadangan hendak adakan mesyuarat semula pada 11 dan 12 April 1987. Oleh kerana itu ketua bahagian Pasir Putih dan 10 lagi ahli perwakilannya yang telah dipilih pada 21hb Februari, 1987 telah menghadiri Perhimpunan Agung. Antara lain yang menyalahi undang-undang ialah wanita yang belum cukup umur yang tidak sah menjadi ahli dan mereka yang bukan ahli menghadiri mesyuarat wanita, seorang pemuda yang lebih umur telah dipilih sebagai perwakilan pemuda dan 22 daripada 25 cawangan di Nibong Tebal telah tidak berhak menghadiri pemilihan perwakilan kepada Perhimpunan Agung."

Bahagian-bahagian terlibat ialah:-

- 1) Tanjung (Pulau Pinang)
- 2) Jelutong (Pulau Pinang)
- 3) Nibong Tebal (Pulau Pinang)
- 4) Pasir Putih (Kelantan)
- 5) Machang (Kelantan)
- 6) Rantau Panjang (Kelantan)
- 7) Pekan (Pahang)

Mereka memohon satu Pengisytiharan Mahkamah bahawa pemilihan pegawai-pegawai dalam Perhimpunan Agung tidak sah dan pemilihan baru sepatutnya diadakan .

Isu-isu yang hendak dibicarakan juga dipersetujui oleh kedua-dua pihak . Awal-awal lagi

mereka sudah bersetuju tidak mahu sentuh tentang kesahihan parti itu sendiri. Hakim dalam keputusannya berkata : " Pengesyoran dibuat supaya hanya cawangan yang tidak berdaftar saja diisytihar tidak sah dan bukan UMNO itu sendiri. *Vethaynayagam v. Karupiah & Ors* 1968 1 MLJ 283 , dan *Vethayanagam & Anor* 1969 1 MLJ 146 telah di sebutkan sebagai panduan kes pemisahan . Kes ini membabitkan cawangan yang tidak berdaftar dalam Malaysian Indian Congress (MIC) dimana satu "Injunction" telah dipinta untuk menahan ahli-ahli cawangan itu daripada terus bertindak. Dalam kes itu Mahkamah telah mengkaji section 12(3) dan memutuskan bahawa cawangan yang tidak berdaftar itu adalah tidak sah tetapi tidak mengisytiharkan MIC itu sendiri tidak sah. Fakta kes itu boleh dibezakan dengan kes ini kerana apabila perkara dalam kes itu dibicarakan pada hari yang kedua cawangan itu telah diubah kedudukannya kerana Pendaftar Syarikat dalam masa itu sudah pun meluluskan pendaftarannya yang menyebabkan cawangan itu menjadi sah . Apabila tiba masanya kes rayuan ini didengar di Mahkamah Persekutuan pemilihan baru sudahpun diadakan, jadi kes ini hanya kepentingan akademik saja.

Dalam kes ini sehingga tarikh perbicaraan , cawangan yang tidak berdaftar dibiarkan terus tidak berdaftar dan UMNO , bahagian-bahagian dan cawangan-cawangannya juga dianggap tidak sah oleh Akta tersebut . Seksyen 12(3) (c) begitu jelas dan terang dan tidak tepat sekiranya hanya cawangan yang tidak berdaftar saja diisytihar tidak sah tanpa melibatkan badan induknya. Dalam keputusan saya UMNO memang satu perbadanan yang tidak sah pada masa itu . Siapa yang mengambil bahagian dalam pemilihan tahun 1987 di cawangan, bahagian dan Perhimpunan Agong telah menyalahi undang-undang (seksyen 43 Akta) dan oleh kerana itu pemilihan

adalah tidak sah dan pegawai yang telah dipilih di tiap-tiap peringkat tidak menjadi pegawai yang sah. Keseluruhan pemilihan tidak sah. Oleh kerana itu semua pegawai-pegawai yang dipilih dalam Perhimpunan Agung yang ke-37 pada 1984 terus menjadi pegawai yang sah dalam UMNO "

Hakim mencadangkan supaya "pegawai-pegawai yang telah dipilih pada 1984 mengadakan pemilihan baru di tiap-tiap peringkat selepas mendapati kelulusan untuk cawangan-cawangan yang tidak sah daripada Pendaftar Syarikat."

Dukacita TIDAK ADA APA APA USAHA DIBUAT untuk membetulkan perkara itu disepanjang masa .

Apabila sampai ke saat akhir dalam perbicaraan kes ini , peguam bagi pihak Mahathir, G. Sri Ram menyedari bahawa beliau akan kalah kes . Beliau mengejutkan Mahkamah apabila meminta Mahkamah mengisytiharkan UMNO tidak sah. Kita semua terkejut.

Bagaimana peguam bagi pihak UMNO meminta supaya UMNO diisytiharkan tidak sah?

Memang di luar dugaan. Misalnya dalam kes pembunuhan, tiba-tiba peguam bagi pihak yang kena tuduh meminta supaya pelanggannya digantung. Peristiwa ini menjadi satu jenaka diantara peguam-peguam bahawa ianya akan dimasukkan ke dalam "Guinness Book of World Records" bahawa Sri Ram peguam yang telah meminta Mahkamah supaya membunuh pelanggannya. Sebagai peguam sudah tentu dia telah bertindak mengikut arahan pelanggannya . Mahathir pelanggannya dan Mahathir lah yang meminta supaya UMNO diisytihar mati.

Dukacita tidak ada satu pun akhbar atau media tempatan yang melaporkan perkembangan ini.



*Marina Yusoff sedang keluar Mahkamah bersama kumpulan pendakwa
sebelas yang menahan kesahlian pemilihan parti UMNO pada 1987.*

Tetapi perkara ini dilaporkan dalam media luar negeri khususnya *Asian Wall Street Journal* di Hongkong bertarikh 6 hb Februari 1988 :

“ PARTI PEMERINTAH MALAYSIA DIISYTIHARKAN TIDAK SAH .

Keputusan Mahkamah menyebabkan kekeliruan tentang kedudukan masa depan pemimpin. “ Ia juga menyebut Mahathir berkata “Saya tetap P.M.”

Akhbar itu melaporkan, “ Pada hari Rabu hari keempat perbicaraan cadangan awal yang dibuat oleh G. Sri Ram , peguam mewakili UMNO muncul sebagai perkara penting dalam perbicaraan itu .

Cadangannya mengubah corak perbicaraan dari hanya menentukan kesahihan pemilihan itu kepada menentukan kesahihan kedudukan parti induk.

Encik Sri Ram telah mengesyorkan supaya proviso yang disebutkan oleh pendakwa sepatutnya diambil kira bersama dengan seksyen Akta tersebut yang menganggap pertubuhan yang ada cawangan-cawangan yang tidak berdaftar sebagai tidak sah. Raja Aziz merayu kepada Hakim Harun supaya tidak ambil kira cadangan Sri Ram itu tetapi hanya membuat keputusan tentang cawangan-cawangan yang tidak sah dan bukan tentang kesahihan UMNO sendiri .

Raja Aziz pada hari Rabu telah mengatakan cadangan Sri Ram itu satu pembelaan “kamikazi” - berjaya atau mati . Dengan pemindahan corak perbicaraan terhadap perhatian Mahkamah kepada kesahihan UMNO kesannya akan menjadi luar jangkaan dengan kesan-kesan yang buruk. Raja Aziz berkata “ pembelaan seperti ini sangat merbahaya”.

Hanya beberapa ketika selepas itu baru saya dapat tahu bahawa Dr. Mahathir bersama empat penasihatnya termasuk satu peguam India telah merancang perkara ini . Sebelum itu juga Kadir Sheikh

Fadzil (bekas Timbalan Menteri yang menyokong Tengku Razaleigh dan dipecat oleh Dr. Mahathir , tetapi memasuki UMNO Baru dengan harapan mendapat jawatannya balik. Dia adalah penyokong kuat Datuk Musa) telah datang berjumpa saya dan meminta saya memujuk sebelas orang pendakwa supaya menarik balik kes mereka. Dia memberitahu saya bahawa dia sudah mendapat maklumat bahawa sekiranya kita berterusan dengan kes ini Dr. Mahathir sudah berkomplot menggunakan peluang ini untuk mengisytiharkan UMNO tidak sah . Menubuhkan parti baru dan tidak membenarkan Tengku Razaleigh serta penyokong-penyokongnya memasuki parti ini. Saya tidak percaya maklumat itu . Saya tidak percaya yang Presiden parti bercadang untuk membuat partinya tidak sah . Ini perkara gila !

Rupa-rupanya maklumat itu benar.

Keputusan Hakim Harun Hashim ialah Perhimpunan Agung 1987 tidak sah kerana adanya 30 cawangan tidak berdaftar yang menyertai perhimpunan itu. Untuk membetulkan perkara ini apa yang perlu di-buat ialah untuk mendaftarkan ketiga puluh cawangan itu, atau mengeluarkan mereka dan memanggil semula satu Perhimpunan Agung yang lain. Ini boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai yang dipilih pada 1984 .

Dukacita bagi UMNO, Mahathir tidak mahu mengakui atau menerima keputusan Hakim dan mengisytiharkannya secara terbuka . Dia membidas lagi Hakim Harun Hashim dan keputusannya. Jelas Mahathir telah sekali lagi menghina keputusan Mahkamah tetapi sekali lagi dia tidak dikenakan apa-apa tindakan.

Apabila kita sedar bahawa Mahathir tidak berniat untuk menghormati keputusan Hakim dan bertujuan mengenyepikannya . Kita tidak ada pilihan lain melainkan membuat tindakan terakhir iaitu merayu terhadap keputusan Harun Hashim dengan membawa perkara ini kepada Mahkamah Agung.

Dukacita peguam bagi pihak UMNO mahu menghancurkan

UMNO sama sekali. Dia meminta Mahkamah mengisytiharkan bukan saja pemilihan 1987 yang tidak sah tetapi kesemua pemilihan sebelum itu, termasuk pemilihan 1984 juga tidak sah. Ini bermakna sepanjang hayat UMNO tidak sah.

Memang hairan bagaimana kebenaran boleh diputarbelitkan oleh Mahathir yang menggambarkan seolah-olah Tengku Razaleigh yang bertanggungjawab membunuh UMNO.

Sebenarnya Dr. Mahathir lah yang merencangkannya.

Dia pernah bermegah mengaku dirinya sebagai ahli politik yang paling pintar dan bijak. Saya setuju mungkin ini benar tetapi dalam perancangannya dia tidak tahu hadnya, tidak mengambil kira tentang perasaan dan maruah sesiapa. Dia langsung tidak menghormati undang-undang, peraturan dan tradisi. Sekiranya itu kehendaknya dia akan membuat apa saja untuk mencapai cita-citanya. Dia begitu keras hati dan kejam.

Kepada dia UMNO sudah mati dan patut dikebumikan.

Asiaweek pada 19 haribulan Februari 1988 memberi laporan terperinci mengenai perkara ini :

“ UMNO TIDAK ADA LAGI .

Keputusan ini mengejutkan negara. Pada 4 hb Februari Hakim Harun Hashim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan bahawa UMNO adalah parti yang tidak sah - parti politik yang terbesar di negara ini dengan keahlian 1.4 juta dan mengetuai 13 ahli parti gabungan dalam Barisan Nasional. Keputusan ini menyebabkan keadaan menjadi kelam kabut. Tiba-tiba Perdana Menteri, Mahathir Mohamed tidak ada parti. Tetapi dalam beberapa jam dia mengumumkan bahawa kedudukan dia

dan kabinetnya tidak terjejas dengan keputusan ini .

Beberapa perkara kemudian menyulitkan lagi minggu lalu apabila Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman dan beberapa penyokong kuat parti menubuhkan satu jawatan kuasa protem. Tindakan ini mungkin boleh menyebabkan penubuhan parti lawan. Keputusan Mahkamah ini ekoran dari perbicaraan mengenai kesahihan pemilihan UMNO April lalu . Dalam pemilihan dalam perhimpunan itu Mahathir - Presiden parti dan Perdana Menteri sejak 1981 - hampir dikalahkan oleh bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dalam satu perlawanan pahit untuk jawatan pucuk pemimpin parti yang membawa kepada jawatan Perdana Menteri . Ini adalah kali pertama dalam sejarah 42 tahun parti itu yang mana satu pihak berkuasa dalam jawatan ditentang dengan hebat. Mahathir berjaya mendapatkan undi kemenangan 43 undi lebihan . Jumlah perwakilan 1479. Duabelas ahli " grassroot" parti memutuskan untuk mencabar keputusan ini di Mahkamah .

Kes ini dibawa kerana satu proviso dalam Akta Pertubuhan di Negara itu yang telah dibuat untuk menahan kominis daripada menyerapi pertubuhan sah mengatakan " pertubuhan berdaftar tidak boleh tubuhkan cawangan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar." Duabelas orang itu mengatakan tiga puluh cawangan tidak berdaftar mewakili 4 daripada 133 bahagian, menghantar 44 perwakilan kepada perhimpunan itu. Mereka mengatakan oleh kerana cawangan itu tidak sah ,bahagian dan Perhimpunan Agong juga tidak sah .

Satu pendakwa gugur Ogos lalu . Bila Mahkamah bersidang semula akhir bulan lalu , kesebelas orang UMNO mendakwa bahawa keputusan pemilihan itu berbeza sangat oleh kerana adanya perwakilan yang tidak

sah . Peguam mereka mengatakan memandangkan kemenangan Mahathir hanya dengan 43 undi hanya 22 perwakilan sahaja boleh menyebabkan kekalahan Perdana Menteri . Mereka mengesyorkan Mahkamah supaya mengisytiharkan pemilihan itu tidak sah dan memohon perintah untuk mengarah UMNO supaya mengadakan satu pemilihan baru dan satu Perhimpunan Agung yang baru untuk memilih para pemimpin.

Pihak yang didakwa bersetuju dan menerima bahawa memang ada cawangan-cawangan yang tidak sah yang menyertai pemilihan itu , tetapi G. Sri Ram, peguam bagi pihak yang didakwa menegaskan bahawa pendakwa-pendakwa tidak ada hak untuk mendakwa UMNO. Dia mengatakan bahawa mereka yang terlibat sahaja dengan keputusan itu - Razaleigh dan rakan pertandingannya , bekas Timbalan Perdana Menteri Musa Hitam - tidak ada di Mahkamah dan pendakwa-pendakwa berselindung di belakang "kain orang lain " . Tujuannya untuk mengaitkan peguam Marina Yusoff, yang telah menolong pendakwa-pendakwa mendapatkan nasihat undang-undang walaupun tidak mewakili mereka sebagai peguam mereka di Mahkamah. Walaubagaimanapun katanya sebelas orang in belum menghabiskan segala usaha penyelesaian yang ada dan beberapa daripada mereka telah mengambil bahagian dalam pemilihan itu dan oleh itu tidak bersih. Raja Aziz Addruse , seorang dari peguam bagi pihak pendakwa menjawab bahawa mereka sudah pun membuat aduan kepada pegawai pegawai UMNO tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang diambil .

Sehari sebelum keputusan di buat , corak percaraan berubah sekali. Sri Ram telah mencadangkan sekiranya Mahkamah mendapati cawangan tidak sah mengikut proviso Akta Pertubuhan ia juga patut menim-

bangkan satu seksyen yang telah menyebutkan bahawa satu pertubuhan yang telah menubuhkan satu cawangan "tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar" adalah satu pertubuhan yang tidak sah. Ini menjadi fokus penting bagi kes ini. Tiba-tiba Mahkamah bukan saja membuat pertimbangan tentang kesahihan kes itu tetapi juga tentang kesahihan parti itu.

Kawan-kawan Mahathir mengatakan bahawa Sri Ram menimbulkan perkara tidak sah parti itu kerana dia tidak percaya bahawa Mahkamah akan mengisytihar UMNO sebagai parti tidak sah. Raja Aziz mengatakan tindakan itu satu pembelaan "kamikazi". Kesannya, katanya, akan membawa padah yang teruk.

Dalam keputusan lisan yang mengambil masa tiga puluh minit Hakim Harun telah mengenyepikan permintaan bahawa dia hanya memutuskan tentang pemilihan sahaja. "Dukacita", katanya, "saya terpaksa membuat keputusan bahawa pada masa tersebut UMNO adalah satu parti tidak sah. Oleh kerana itu permohonan yang dibuat oleh orang sebelas ini tidak boleh dibenarkan".

Harun mengatakan bahawa Akta Pertubuhan adalah jelas dan UMNO patut sedar implikasinya. Walaupun keputusannya secara teknik menolak permohonan kesebelas itu, tetapi Harun mengatakan bahawa sebenarnya mereka berjaya dalam apa yang mereka kehendaki. Mereka mendakwa ada beberapa perkara yang tidak sah dan meminta supaya pemilihan itu diisytihar tidak sah. Mereka mendapat jawapannya tetapi tidak dengan cara yang mereka hendaki. Hakim menerangkan bahawa dia tidak boleh mengisytiharkan pemilihan itu tidak sah oleh kerana semuanya tidak sah.

Pada satu persidangan akhbar pada 5 hb Februari, Mahathir menegaskan bahawa dia tidak akan membuat rayuan . " Kita akan menghormati keputusan Mahkamah . " Apa yang penting ialah ini tidak menjejaskan kedudukan kerajaan yang dipilih oleh rakyat " . Walaupun dia mengaku "UMNO tidak ada lagi " dia mengatakan dia hanya akan berhenti jadi Perdana Menteri sekiranya dia tidak ada lagi majoriti di Parlimen . "Ini bukan satu krisis," kata Mahathir, "tetapi satu perkara teknik dan perkara ini boleh diselesaikan . " Apabila ditanya tentang masa depan parti katanya " kita ada beberapa option tetapi kita tidak akan beritahu apa dia . "

Orang-orang Melayu yang hampir separuh daripada rakyat Negara ini yang berjumlah 16 juta terkejut dengan keputusan ini . Politik di Malaysia bercorak perkauman . Sejak ia ditubuhkan pada 1946, UMNO diperlihatkan sebagai jagoh perjuangan orang Melayu. Sejak Merdeka pada 1957 parti ini telah mengetuai tiap-tiap gabungan parti politik yang mewakili Cina dan India dan termasuk beberapa kumpulan daripada dua negeri di Borneo - Sabah dan Sarawak . UMNO ada lebih kurang 8000 cawangan yang aktif diseluruh Negara. Kata Mohamed Sophe, bekas ahli parlimen UMNO yang sekarang menjadi penulis akhbar : " Memang sedih melihat UMNO, satu parti yang dianggap keramat oleh Melayu, diisytihar tidak sah . "

Ahli-ahli Barisan Nasional telah menyiarkan beberapa kenyataan berasingan mengatakan mereka akan terus menyokong Perdana Menteri . " Dr. Mahathir boleh mengatasi masalah kecil yang dia hadapi , " kata Ling Leong Sik , Presiden MCA , satu daripada parti penting dalam gabungan itu . "MCA bukan satu parti yang lari daripada kawannya"katanya lagi. Berbagai tindakan rancak berlaku dalam golongan politik UMNO selepas kepu-

tusan Mahkamah . Walaupun Razaleigh dan Musa secara terbuka menafikan penglibatan dalam tindakan Mahkamah itu . Tapi penyokong Mahathir tetap menuduh bahawa bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu di belakang kes itu. Keputusan bagi pihak pendakwa-pendakwa akan memberinya satu lagi peluang untuk bertanding sebagai pemimpin parti .

Mahathir menyalahkan beberapa orang yang dikatakan kecewa dan inginkan jawatan tetapi tidak mendapatkannya . Dia mengatakan mereka ini hendak menghancurkan apa yang mereka tidak dapat.

Penyokong-penyokong Razaleigh menjelaskan peguam UMNO Sri Ram yang mencadangkan supaya UMNO diharamkan . " Kenapa kita dipersalahkan bila peguam mereka yang memulakan bencana ini ?" di tanya oleh seorang yang rapat dengan Razaleigh . Para analisa percaya bahawa Razaleigh mungkin akan terjejas dengan keputusan Mahkamah oleh kerana berbagai tuduhan dibuat tentang siapa yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO diisytiharkan tidak sah .

Demokratik Action Parti (DAP) yang masih terasa dengan penangkapan ketuanya Lim Kit Siang dan sembilan lagi ahli Parlimennya di bawah ISA pada bulan Oktober 1987, mendesak Mahathir supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Bagi mereka Mahathir telah hilang haknya dari segi moral dan undang-undang untuk mengetuai kerajaan. " Sekarang oleh kerana UMNO telah diisytihar tidak sah , " kata pemangku ketua DAP , Lee Lam Thye, " keahlian UMNO dalam Barisan Nasional juga tidak sah dan menyalahi undang-undang."

Sumber undang-undang di Kuala Lumpur mengatakan gabungan itu masih sah kerana ahlinya masih

bebas untuk nak memilih hendak bersama atau tidak. 83 Ahli Parlimen UMNO bukan penyokong bebas gabungan 12 parti itu yang jumlahnya melebihi dua pertiga dari 177 jumlah ahli Parlimen di Dewan Rakyat. Lee menolak interpretasi itu. " Ia pelik dan tidak boleh diterima ," katanya , " bahawa kerajaan Barisan menerima Perdana Menteri yang tidak ada parti." Mahathir mesti " letak jawatan atau pun memanggil persidangan Parlimen

segera selepas membebaskan semua ahli Parlimen pembangkang... dan mendapatkan undi kepercayaan ." Parti pembangkang fundamentalis, Parti Islam Se Malaysia (PAS) juga membuat cadangan yang sama. Isu tentang kesahihan gabungan ini akan dicuba lewat bulan ini dalam pilihanraya kecil di selatan negeri Johor.

Pakar undang-undang mengatakan apabila satu organisasi di isytiharkan tidak sah , pendaftaran semula di anggap mustahil. "Sekiranya sebuah parti ada cawangan-cawangan yang tidak berdaftar," kata satu peguam terkenal , " ia dengan sendirinya menjadi tidak sah , dan tidak ada proviso bawah undang-undang yang ada yang boleh membuatnya sah ."

Walaubagaimanapun Mahathir masih ada beberapa option .

" Kerajaan boleh meminda Akta Pertubuhan untuk memberi kuasa kepada pendaftar atau Menteri Dalam Negeri, kuasa untuk mendaftar semula mana-mana organisasi , sah atau tidak , " kata lagi satu peguam perlembagaan. "UMNO boleh didaftarkan semula dan keadaan akan pulih seperti sedia kala" sebelum pemilihan parti bulan April. Mahathir juga Menteri Dalam Negeri.

Pentadbiran juga boleh membuat satu bil baru yang membolehkan kerajaan membuat parti politik yang tak sah menjadi sah. Proses ini akan capai dua tujuan : ia boleh menghidupkan UMNO semula , dan kelulusannya akan menjadi bukti bahawa Mahathir masih mendapat sokongan majoriti di Parlimen . Tetapi PM sudah mengatakan dia TIDAK akan mengesyorkan sebarang usaha membelakangkan tarikh undang-undang untuk menghidupkan UMNO . Sekiranya ada undang-undang menghidupkan UMNO ia akan memaksa Mahathir mengadakan satu pertandingan baru dalam beberapa bulan dan mungkin akan menyebabkan satu lagi pertandingan diantaranya dengan Razaleigh . Jelas pertandingan untuk kepimpinan parti akan berlaku. Tetapi kawan-kawan Mahathir percaya dia akan cari satu jalan yang akan memberi dia peluang yang banyak untuk berkempen.

Beberapa pihak mengatakan sekiranya parti dibiarkan tidak sah dalam jangka masa yang lama orang Melayu akan menyalahkan Hakim Harun dan akan mengatakan beliau telah menghapuskan dari mereka organisasi yang telah melindungi mereka selama 42 tahun , Mahathir boleh gunakan peluang ini untuk memperkuatkan tuduhannya bahawa kehakiman telah salah mentafsir undang-undang. Minggu

berikutnya PM mengatakan pandangannya terhadap kehakiman tidak berubah dan dia masih bercadang untuk mengetatkan lagi undang-undang untuk menjelaskan sempadan bidang kuasa di antara tiga bahagian kerajaan, eksekutif, kehakiman dan legislatif. " Betul satu kecelakaan sudah menimpa UMNO ," kata satu analis politik , " tetapi keadaan ini memberi peluang yang banyak kepada Mahathir untuk menggunakannya bagi kepentingannya. "

Alternatif lain untuk PM ialah menubuhkan satu parti baru yang akan memberinya masa yang lebih. Minggu berikutnya Timbalan Perdana Menteri Ghaffar Baba mengatakan ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga atau enam bulan sebelum satu jawatankuasa protem UMNO boleh ditubuhkan. Ghaffar menjelaskan bahawa, semua orang yang telah dipilih dalam pemilihan bulan April, berpeluang untuk memasuki jawatankuasa itu. Ini menggambarkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk membuat undang-undang untuk menghidupkan UMNO lama tetapi sebaliknya bercadang untuk menubuhkan satu parti baru yang akan melibatkan infrastruktur sekarang.

Dengan penubuhan parti baru Mahathir boleh menghapuskan Razaleigh dan penyokongnya. Dalam satu tindakan untuk menjaminkan perkara ini tidak berlaku, Razaleigh telah menyokong jawatankuasa protem yang telah ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman. Beberapa penyokong Musa ada dalam jawatankuasa itu, tetapi dia sendiri tidak bersama. Nampaknya bekas Timbalan PM telah menyokong Mahathir. Kata kawan baik Musa: "Ini adalah satu peluang terbaik untuk kawan lama berbaik semula demi untuk kebaikan orang Melayu."

Dalam satu ucapan pada pada 8 haribulan Februari Tunku Abdul Rahman telah membela sebelas pendakwa-pendakwa. Pemusnahan UMNO katanya telah dibawa oleh mereka yang berkuasa yang begitu tamak kuasa sehingga mereka lupa untuk menyelamatkan parti. Dia telah mengatakan dia telah menulis kepada Razaleigh sebelum krisis ini untuk meminta dia menghidupkan semula UMNO tetapi Razaleigh meminta beliau sebagai "Bapa Malaysia" untuk menyelamatkan parti, demi kepentingan ahli dan orang Melayu.

Pada hari yang sama peguam Marina Yusoff , bagi pihak jawatankuasa ini , telah memasukkan satu permohonan kepada pendaftar syarikat untuk mendaftarkan parti yang dinamakan Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Malaysia. Organisasi

ini melibatkan Tunku sebagai Presiden dan Tun Hussein Onn sebagai Timbalan Presiden, dan Rais Yatim sebagai Setiausaha Agung. Rais memberitahu satu sidang akhbar keesokan hari bahawa dia tidak akan memberi nama-nama ahli, tetapi yang lain akan dijemput untuk bersama Tunku.

“ Kita bukan bertujuan menjatuhkan Perdana Menteri,” katanya .

“memang cantik sekiranya Mahathir dan Ghaffar menyertai Jawatankuasa ini .”

Rais mengatakan Jawatankuasa ini ditubuhkan “bukan kerana hendak tubuh parti baru, tetapi kerana tidak mahu melihat UMNO mati.” Peluang jawatankuasa ini tidak terang.” Kita tidak boleh bertindak sesuka hati,” katanya. “ Kita terpaksa tunggu dan lihat apa Pendaftar akan buat. “ UMNO belum lagi dibatalkan pendaftarannya, tetapi tindakan ini dijangka berlaku tidak lama lagi.

Penyokong Mahathir berkata jawatankuasa ini tidak mengambil kira realiti politik semasa . “ Ini berbau satu usaha untuk menidakkan kuasa PM” kata penyokong lama Mahathir . Najib Razak mengisytiharkan pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO “ menyokong kepimpinan Mahathir dan Ghaffar dan menyokong usaha mereka untuk menghidupkan UMNO dan memimpin Bangsa Melayu. Bagaimanapun kita menentang rancangan Tunku Abdul Rahman dan Tengku Razaleigh untuk menubuh parti baru.” Kata Najib “ langkah ini akan mengakibatkan perpecahan yang berkekalan dalam masyar-

akat dan akan menghalang segala usaha untuk menyatukan Melayu. Kita merasa yang paling penting sekarang ialah untuk MENGHIDUPKAN UMNO ." Beliau menegaskan bahawa parti lebih besar dari seseorang dan yakin yang ia akan hidup.

Juga menjadi persoalan ialah kedudukan hal perniagaan kepunyaan parti dari segi undang-undang. Peguam-peguam mengatakan kewangan UMNO tidak boleh diserahkan kepada organisasi baru. Dunia perniagaan parti bagaimanapun dikuasai menerusi nominee-nominee. " Sama ada nominee-nominee dari pertubuhan yang tidak sah boleh memindahkan hartanya ke nominee-nominee parti baru mesti diputuskan oleh Mahkamah," kata seorang peguam. Mengikut Akta Pertubuhan , semua harta benda institusi tidak sah di serahkan ke Pendaftar Pertubuhan " untuk dihapuskan dengan apa cara yang difikirkan sesuai." Soalnya , adakah pemimpin Melayu sanggup mengorbankan beratus-ratus juta harta yang telah dikumpulkan lebih 40 tahun. Kata satu pemerhati "Saya fikir tidak. Kerana kepentingan politik dan kewangan , Mahathir dan penentangannya akan lebih minat mencari jalan bagaimana parti tidak akan hilang hak terhadap kewangan dan dunia perniagaannya .

Perdana Menteri mungkin dipaksa menyelesaikan masalah kesahihan UMNO lebih awal kerana beberapa syarikatnya dipercayai menghadapi kesulitan kewangan. Memanjangkan keadaan tidak tentu ini akan menjejaskan kepercayaan dalam firma-firma ini. Beberapa para analis berpendapat mungkin pemimpin UMNO akan sengaja biarkan syarikat-syarikat ini di tutup dan selepas itu beli balik hartanya dengan harga yang murah, sambil mengurangkan beban hutang parti baru. Bagaimana pun mungkin akan berlaku perebutan hebat untuk menentukan dari segi undang-undang pihak mana berhak atas harta berbillion itu."

BAB 3

UMNO BARU UMNO LAMA

SELEPAS keputusan Mahkamah dibuat UMNO lama masih ada didalam Daftar Pendaftar Pertubuhan. Apabila Dr. Mahathir ditemuduga dalam televisyen pada hari UMNO diisytihar tidak sah, dia terang-terang mengatakan sesiapa saja yang berminat untuk menghidupkan UMNO lama boleh berbuat demikian. Dia tidak peduli kerana dia tetap Perdana Menteri! Apabila Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia pertama dan pengasas UMNO) mendengar ini, dia merasa resah dan segera menghubungi Tengku Razaleigh supaya mengambil tindakan segera untuk mendaftarkan semula UMNO. Oleh kerana kita tidak dibolehkan mendaftarkan nama yang sama, kita menambahkan perkataan "Malaysia" kepada nama UMNO. Mengikut undang-undang apabila ada perbezaan sedikit kepada nama itu ia boleh didaftarkan. Dokumen-dokumannya telah diserahkan ke Pejabat Pendaftar pada 8 haribulan Februari 1988 sebelum Pejabat Pendaftar tutup lewat tengah hari itu.

Tunku Abdul Rahman bertujuan untuk menghidupkan parti dan menyatukan kembali semua orang supaya UMNO boleh bergerak seperti sediakala. Surat-surat jemputan untuk menyertai parti dihantar ke Dr. Mahathir, Ghaffar Baba dan Datuk Musa Hitam. Tetapi sebelum perkara ini boleh diteruskan Pendaftar Pertubuhan menghantar surat jawapan segera (terlalu segera sehingga menimbulkan keraguan) bertarikh 19 haribulan Februari 1988 mengembarkan Notis bertarikh 10

akat dan akan menghalang segala usaha untuk menyatukan Melayu. Kita merasa yang paling penting sekarang ialah untuk MENGHIDUPKAN UMNO ." Beliau menegaskan bahawa parti lebih besar dari seseorang dan yakin yang ia akan hidup.

Juga menjadi persoalan ialah kedudukan hal perniagaan kepunyaan parti dari segi undang-undang. Peguam-peguam mengatakan kewangan UMNO tidak boleh diserahkan kepada organisasi baru. Dunia perniagaan parti bagaimanapun dikuasai menerusi nominee-nominee. " Sama ada nominee-nominee dari pertubuhan yang tidak sah boleh memindahkan hartanya ke nominee-nominee parti baru mesti diputuskan oleh Mahkamah," kata seorang peguam. Mengikut Akta Pertubuhan , semua harta benda institusi tidak sah di serahkan ke Pendaftar Pertubuhan " untuk dihapuskan dengan apa cara yang difikirkan sesuai." Soalannya , adakah pemimpin Melayu sanggup mengorbankan beratus-ratus juta harta yang telah dikumpulkan lebih 40 tahun. Kata satu pemerhati "Saya fikir tidak. Kerana kepentingan politik dan kewangan , Mahathir dan penentangannya akan lebih minat mencari jalan bagaimana parti tidak akan hilang hak terhadap kewangan dan dunia perniagaannya .

Perdana Menteri mungkin dipaksa menyelesaikan masalah kesahihan UMNO lebih awal kerana beberapa syarikatnya dipercayai menghadapi kesulitan kewangan. Memanjangkan keadaan tidak tentu ini akan menjejaskan kepercayaan dalam firma-firma ini. Beberapa para analis berpendapat mungkin pemimpin UMNO akan sengaja biarkan syarikat-syarikat ini di tutup dan selepas itu beli balik hartanya dengan harga yang murah, sambil mengurangkan beban hutang parti baru. Bagaimana pun mungkin akan berlaku perebutan hebat untuk menentukan dari segi undang-undang pihak mana berhak atas harta berbillion itu."

BAB 3

UMNO BARU UMNO LAMA

SELEPAS keputusan Mahkamah dibuat UMNO lama masih ada di dalam Daftar Pendaftar Pertubuhan. Apabila Dr. Mahathir ditemuduga dalam televisyen pada hari UMNO diisytihar tidak sah, dia terang-terang mengatakan sesiapa saja yang berminat untuk menghidupkan UMNO lama boleh berbuat demikian. Dia tidak peduli kerana dia tetap Perdana Menteri! Apabila Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia pertama dan pengasas UMNO) mendengar ini, dia merasa resah dan segera menghubungi Tengku Razaleigh supaya mengambil tindakan segera untuk mendaftarkan semula UMNO. Oleh kerana kita tidak dibolehkan mendaftarkan nama yang sama, kita menambahkan perkataan "Malaysia" kepada nama UMNO. Mengikut undang-undang apabila ada perbezaan sedikit kepada nama itu ia boleh didaftarkan. Dokumen-dokumannya telah diserahkan ke Pejabat Pendaftar pada 8 haribulan Februari 1988 sebelum Pejabat Pendaftar tutup lewat tengah hari itu.

Tunku Abdul Rahman bertujuan untuk menghidupkan parti dan menyatukan kembali semua orang supaya UMNO boleh bergerak seperti sediakala. Surat-surat jemputan untuk menyertai parti dihantar ke Dr. Mahathir, Ghaffar Baba dan Datuk Musa Hitam. Tetapi sebelum perkara ini boleh diteruskan Pendaftar Pertubuhan menghantar surat jawapan segera (terlalu segera sehingga menimbulkan keraguan) bertarikh 19 haribulan Februari 1988 mengembarkan Notis bertarikh 10



Di pejabat Pendaftaran Pertubuhan di Kuala Lumpur pada 8hb Februari 1988 untuk mendaftarkan UMNO Malaysia selepas UMNO diistiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi.

24 JAMADILAKHIR, 1408

12 FEBRUARI, 1988



Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMED
PERDANA MENTERI MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
KUALA LUMPUR

Dato' Seri

JAWATANKUASA PENAJA (PROTEM COMMITTEE) UMNO MALAYSIA

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA BERKUASA SUKACITA SAYA MAKLUMKAN KEPADA Y.A.B. DATO' SERI BAHAWA SAYA DENGAN KERJASAMA Y.A.B. TUN HUSSEIN ONN DAN BEBERAPA ORANG YANG LAIN TELAH PUN MENGAMBIL LANGKAH MENUBUHKAN JAWATANKUASA TERSEBUT DIATAS SEMATA-MATA ATAS KEINSAFAN DAN KEIKHLASAN MEMULIHKAN UMNO YANG PADA MASA INI TELAH PUN DIPUTUSKAN TIDAK SAH DISISI UNDANG-UNDANG. SESUNGGUHNYA USAHA MEMULIHKAN UMNO INI ADALAH TERASAS KEPADA KONSEP BAHAWA KITA SEBENARNYA TIDAK MENUBUHKAN PARTI UMNO YANG BARU, MELAINKAN MENERUSKAN PARTI KITA SEPERTI SEDIKALA.

SAYA TIDAK ADA CITA-CITA LAIN DALAM HAL INI MELAINKAN UNTUK MENYATUPADUKAN SEMUA PIHAK SUPAYA KITA DAPAT BERJUANG DEMI BANGSA, AGAMA DAN NEGARA YANG DICINTAI. SAYA SENDIRI MENGANGGAP BAHAWA INI MUNGKIN BERUPA SUMBANGAN DAN TANGGUNGJAWAB SAYA YANG TERAKHIR. DENGAN NIAT SUCI DAN MURNI INI SUDILAH KIRANYA Y.A.B. DATO' SERI MENYERTAI JAWATANKUASA PENAJA UMNO MALAYSIA KITA INI. JAWAPAN KADAR YANG SEGERA DARI Y.A.B. DATO' SERI ADALAH DITUNGGU DAN DIHARGAI.

WASSALAM.

YANG IKHLAS,

(TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA)
PENERUSI JAWATANKUASA PENAJA
UMNO MALAYSIA

S.K. TUN HUSSEIN ONN
KUALA LUMPUR.

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJI (DMN. C11)

16, Jalan Tunku Abdul Rahman, 10150 Puteri Pasang, Tel. 374870

1, Jalan Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Tel. 2983914

TAR/MSA



PERDANA MENTERI
MALAYSIA

16hb Februari 1988

Yang Teramat Mulia
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,
Pengerusi Jawatankuasa Penaja
UMNO Malaysia.

Y.T.M. Tunku,

Patek mengucapkan terima kasih kerana jemputan
Y.T.M. Tunku untuk menyertai Jawatankuasa Penaja UMNO
Malaysia.

Oleh kerana patek dan rakan-rakan patek telahpun
menubuh sebuah parti yang bernama Pertubuhan Kebangsaan
Melayu Bersatu [Baru] (United Malays National
Organisation [UMNO]), yang mana parti ini sudahpun
berdaftar dan patek menjadi Presidennya, maka tidak
dapatlah patek menyertai Jawatankuasa Penaja UMNO
Malaysia.

Patek berdoa Y.T.M. Tunku sentiasa berada dalam
keadaan sihat walafiat dan dipanjangkan umur.

Dengan ingatan penuh ikhlas,



(DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

24 JAMADILAKHIR, 1408

12 FEBRUARI, 1988



Y.A.B. ENCIK GHAFAR BABA
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

Che Ghafar

JAWATANKUASA PENAJA (PROTEM COMMITTEE) UMNO MALAYSIA

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA BERKUASA SUKACITA SAYA MAKLUMKAN KEPADA ENCIK GHAFAR BAHAWA SAYA DENGAN KERJASAMA Y.A.B. TUN HUSSEIN DNN DAN BEBERAPA ORANG YANG LAIN TELAH PUN MENGAMBIL LANGKAH MENUBUHKAN JAWATANKUASA TERSEBUT DIATAS SEMATA-MATA ATAS KEINSAFAN DAN KEIKHLASAN MEMULIHKAN UMNO YANG PADA MASA INI TELAH PUN DIPUTUSKAN TIDAK SAH DISISI UNDANG-UNDANG. SESUNGGUHNYA USAHA MEMULIHKAN UMNO INI ADALAH TERASAS KEPADA KONSEP BAHAWA KITA SEBENARNYA TIDAK MENUBUHKAN PARTI UMNO YANG BARU, MELAINKAN MENERUSKAN PARTI KITA SEPERTI SEDIAKALA.

SAYA TIDAK ADA CITA-CITA LAIN DALAM HAL INI MELAINKAN UNTUK MENYATUPADUKAN SEMUA PIHAK SUPAYA KITA DAPAT BERJUANG DEMI BANGSA, AGAMA DAN NEGARA YANG DICINTAI. SAYA SENDIRI MENGANGGAP BAHAWA INI MUNGKIN BERUPA SUMBANGAN DAN TANGGUNGJAWAB SAYA YANG TERAKHIR. DENGAN NIAT SUCI DAN MURNI INI SUDILAH KIRANYA ENCIK GHAFAR MENYERTA JAWATANKUASA PENAJA UMNO MALAYSIA KITA INI.

JAWAPAN KADAR YANG SEGERA DARI ENCIK GHAFAR ADALAH DITUNGGU DAN DIHARGAI.

WASSALAM,

YANG IKHLAS


(TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA)
PENGURUSI JAWATANKUASA PENAJA
UMNO MALAYSIA

S.K. TUN HUSSEIN DNN
KUALA LUMPUR.

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL HAJI (DNN, CTE)
16, Jalan Tunku Abdul Rahman, 10150 Puteri Pagar, Tel. 374526
1, Jalan Tuanku, 40100, Kuala Lumpur, Tel. 2103944

TAR/MSA

(Pertubuhan 4)

MALAYSIA
AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 4
(Peraturan 6)

PEMBERITAHU MENGENAI PENOLAKAN PENDAFTARAN
PERTUBUHAN


MENGIKUT peruntukan-peruntukan seksyen 7 dalam Akta Pertubuhan 1966, maka adalah diberitahu bahawa saya telah menolak pendaftaran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia (UMNO MALAYSIA) (United Malays National Organisation Malaysia); Tingkat 5, Wisma Budiman, Persiaran Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

No. Penolakan 242 (Wilayah Persekutuan)

di bawah Akta.

Bertarikh pada 10 haribulan Februari 1980




ZAKARIA bin HAMID
Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia

Caritan - Di bawah seksyen 18 Akta Pertubuhan 1966, mana-mana pertubuhan tempatan, pemegang jawatan atau anggota pertubuhan itu atau mana-mana orang lain yang musykil dengan keputusan Pendaftar boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu dan atas pembayaran fee berupa setem sebanyak lima puluh ringgit.

MALAYSIA
AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984


BORANG 2
(Peraturan 4)

AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN

Pendaftaran Pertubuhan mengaku menerima untuk pendaftaran di bawah Akta Pertubuhan, 1966 permohonan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia
(UMRO MALAYSIA) (United Malays National Organisation (Malaysia)).
(Nama Pertubuhan)

Bertarikh pada 8 haribulan Februari, 19 88 dan akan memberitahu tuan mengenai keputusan atas permohonan tuan itu dengan secepat mungkin.

Bertarikh pada 9 haribulan Februari, 19 88


(Lau Chi Swee)
S.P. Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia

KEPADA:

Seliasaha Agung,
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu Malaysia,
Tingkat 5, Wisma Budiman,
Persiaran Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

Nota—Tuan diminta mengambil perhatian kepada subseksyen (2) dan (3) seksyen 6 Akta Pertubuhan 1966 yang berbunyi:—

Seksyen 6 (2) ... Selainsa sesuatu pertubuhan tempatan didaftarkan di bawah Akta ini, tiadalah siapa jua boleh, dengan tiada kebenaran bertulis daripada Pendaftar, menyusun atau mengambil bahagian di dalam apa-apa gerakan atau bagi pihak pertubuhan itu, kecuali hays untuk memohon kepada atau untuk berams-menysrat dengan Pendaftar.

Seksyen 6 (3) ... Selainsa yang melakukan pelanggaran terhadap seksyen-kecil (2) adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila diabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama.

Tuan adalah diminta supaya memberi akuan penerimaan borang ini.

haribulan Februari 1988, menolak pendaftaran UMNO Malaysia, dengan alasan satu pertubuhan dengan nama yang sama atau hampir sama masih ada dalam daftar dan belum lagi dibatalkan. Pendaftaran satu pertubuhan dengan nama yang sama atau hampir sama akan menggelirukan orang awam dan mungkin menipu orang awam atau ahli-ahli pertubuhan itu.

TETAPI di belakang tirai, Pendaftar Pertubuhan berpakat dengan Setiausaha Agung UMNO Datuk Sanusi Junid untuk mendaftar UMNO BARU. Pendaftar berpura-pura menghantar surat "tunjuk sebab" kepadanya supaya memberi sebab-sebab kenapa UMNO tidak boleh dibatalkan dari Daftar. Sanusi menjawab dengan mengakui tidak mendaftarkan beberapa cawangan dan menyerahkan perkara ini kepada Pendaftar. UMNO kemudian dibatalkan dari Daftar. Jelas bahawa beberapa surat itu dikebelakangkan tarikh-tarikhnya.

Pada 14 haribulan Februari 1988, di Dewan Jamuan Bangunan Parlimen, Mahathir mengumpulkan ahli-ahli Parlimen, khasnya penyokong-penyokongnya, untuk berikrar taat setia kepadanya. Dia mengisytiharkan di hadapan mereka bahawa, " Hanya Quran tidak boleh dipinda. Semua undang-undang manusia boleh dipinda". Ini memberi gambaran seolah-olah dia akan gunakan kuasa yang ada padanya mengikut undang-undang untuk menghidupkan UMNO. Dia jelas bercakap bohong kerana pada 13 haribulan Februari 1988 UMNO BARU sudah pun didaftarkan.

Banyak peluang terbuka kepadanya untuk menyelamatkan UMNO. Akta Pertubuhan memberi dia kuasa yang luas dan menyeluruh. Seksyen 70 Akta tersebut memberikan dia kuasa penuh untuk menghidupkan UMNO dengan mengecualikan UMNO dari mana-mana atau kesemua proviso-proviso Akta tersebut.

Seksyen 18 (f) Akta tersebut memberi kuasa kepada dia untuk menghidupkan UMNO. Beberapa usaha dibuat untuk memujuk Mahathir supaya berbuat demikian, tetapi rayuan ini tidak didengarnya. Datuk Harun melancarkan kempen keseluruhan Negara dan mendapatkan

ratusan ribu tandatangan, merayu Dr. Mahathir supaya menghidupkan UMNO di bawah seksyen ini. Tetapi Mahathir tidak peduli semua rayuan-rayuan yang dibuat.

Dia boleh menghidupkan UMNO dengan begitu mudah, satu contengan dengan pen sahaja dengan menggunakan kuasa yang ada padanya dalam Akta tersebut tetapi dia terang-terang enggan berbuat demikian.

Usaha terakhir untuk menghidupkan UMNO dibuat oleh Tengku Razaleigh di Parlimen. Pada 1988 beberapa pindaan dibuat kepada Akta Pertubuhan, antaranya Seksyen 12(3) yang mengatakan "walaupun ada cawangan yang tidak berdaftar, ia tidak akan menyebabkan badan induknya tidak sah". Sekiranya pindaan ini telah di kebelakangan tarikhnya ia akan secara automatik menghidupkan UMNO. Beberapa pindaan lain yang diluluskan pada masa itu di kebelakangan tarikhnya, tetapi tidak untuk yang penting ini. Oleh kerana itu Tengku Razaleigh berusaha membawa pindaan kecil itu kepada Seksyen 12(3) di Parlimen, supaya pindaan yang dibuat pada 1988 ini di kebelakangan tarikhnya ke 1987. Ia akan menghidupkan UMNO tanpa apa-apa masalah lagi.

Tengku Razaleigh membawa perkara ini ke Parlimen untuk menyelamatkan UMNO. Dia sedar bahawa sekiranya UMNO dihidupkan semula, Mahathir dan Musa secara automatik akan kembali menjadi pucuk pemimpin parti. Tengku Razaleigh tidak ada tempat dalam parti, tetapi kasihnya untuk UMNO lebih daripada cita-citanya untuk jadi Perdana Menteri. Dia sanggup berkorban untuk menyelamatkan parti. Tidak ada sebab Mahathir dan UMNO BARU menolak pindaan kecil ini di Parlimen yang akan mengakibatkan UMNO akan hidup semula dan hartanya dapat diselamatkan. Siapa yang begitu mementingkan diri sehingga sanggup menentanginya?

Mahathir dan UMNO BARU menentanginya dengan sekuat-kuat tenaga mereka. Memang ganjil kita menyaksikan di Parlimen dan memerhatikan mereka yang mendapat kuasa menerusi UMNO menen-

tang usaha untuk menghidupkannya. Memang sukar dipercayai!

Di sini kebenaran terpaku dengan tepat. Semua ahli Parlimen UMNO BARU dengan begitu tekun hadir di Parlimen untuk menentang pindaan yang boleh menghidupkan UMNO, dan kembalikan kita semua ke tempat asal. Pindaan itu boleh menyatukan kita semula, tetapi ini bukan yang mereka kehendaki. Semua kata-kata hendak kepada perpaduan tidak benar belaka. Yang sebenarnya tujuan mereka ialah PECAH DAN PERINTAH !

Yang anihnya semua ahli Parlimen DAP yang telah dicapkan sebagai "musuh Melayu" kesemuanya hadir, dan sama-sama bangun dengan tegas bersama ahli-ahli Parlimen kita (penyokong Razaleigh) untuk menyokong penuh pindaan itu yang boleh menghidupkan kembali UMNO. SIAPA sebenarnya yang telah memecahbelahkan Melayu? BUKAN Tengku Razaleigh atau Semangat 46 atau DAP, tetapi Mahathir, Ghaffar, Anuar dan semua ahli UMNO BARU dan ahli Barisan Nasional.

SEBENARNYA Mahathir TIDAK MAHU menghidupkan UMNO. Dia merancang ini semua kerana suara ahli UMNO dalam Perhimpunan Agung makin kuat. Terlalu banyak isu-isu dan masalah ditimbulkan di mana dia tidak dapat memberi jawapan. Sebelum tiap-tiap Perhimpunan Agung dia terpaksa menimbulkan krisis-krisis lain untuk memindahkan perhatian ahli-ahli perwakilan supaya soal-soal penting mengenai BMF, KEDAH CEMENT, MAKUWASA, MAMINCO, PERWAJA, PROTON SAGA, FLEET GROUP tidak boleh ditanya. Sekarang semua suara-suara lantang ini tidak kedengaran di mana-mana lagi.

"Bunuh UMNO, halang Tengku Razaleigh dan penyokongnya daripada memasuki, masukkan penyokong-penyokong awak sahaja, yang mana semuanya mesti menjadi "YES men ", lepas itu tidak ada lagi forum dimana ahli-ahli boleh menyoal awak." Inilah rancangan mereka.

Apabila pengumuman dibuat pada 16 haribulan Februari 1988, bahawa UMNO BARU sudah pun didaftarkan, Dr. Mahathir mula menyenaraikan siapa-siapa yang TIDAK boleh masuk partinya. Ia melibatkan Tunku Abdul Rahman, pengasas UMNO, Tun Hussein Onn, (kedua-kedua ini bekas Perdana Menteri Malaysia), Tengku Razaleigh, pendakwa-pendakwa sebelas orang, dan siapa yang cuba mendaftarkan UMNO Malaysia (termasuk saya sendiri). Senarai nama menjadi makin panjang. Pada 11 haribulan Mac 1988 di Dewan Datuk Syed Omar di Alor Star di hadapan 5000 penyokong UMNO Baru beliau mengatakan, "Tengku Razaleigh Hamzah dan orang-orang yang terlibat dengan usaha membentuk UMNO Malaysia selepas UMNO diharamkan tidak ada tempat dalam UMNO Baru." Sebelum itu dia juga telah mengatakan orang sebelas juga tidak boleh masuk. Inilah bukti yang jelas tentang siapa sebenarnya yang memecahbelahkan UMNO dan orang Melayu. Ia tak lain tak bukan, Dr. Mahathir ! Menyalahkan Tengku Razaleigh, atau orang sebelas kerana membawa kes ke Mahkamah, tidak akan pindahkan kesilapan itu kepada sesiapa. Kebenaran tidak boleh dilenyapkan.

Ia akan dicatit dalam sejarah bahawa MAHATHIRLAH YANG MEMBUNUH UMNO DAN MEMECAHBELAHKAN ORANG MELAYU.

Majalah *Far Eastern Economic Review* bertarikh 3 haribulan Mac 1988 meringkaskan peristiwa-peristiwa:

" LANGKAH BESAR YANG BIJAK

Mahathir berjaya dalam permohonan menubuhkan UMNO Baru

Orang Melayu memerhati permainan "chess" di antara peserta-peserta utama parti dominan UMNO, tentu sekarang merasa sangsi sama ada parti mereka akan selamat. Semasa usaha untuk menghidupkan UMNO di Mahkamah dalam rayuan, Perdana Menteri Datuk Seri

Mahathir Mohamed bergerak dalam program panjang lebar untuk membina " UMNO BARU ", jelas perpecahan dalam parti makin menjadi.

Walaupun ramai orang Melayu di luar bandar tidak memahami sepenuhnya apa yang berlaku kepada parti yang telah menjadi lambang kejayaan politik mereka yang dicintai, mereka yang terlibat dengan perlawanan untuk merebut kepimpinan menggunakan segala daya usaha untuk menang. Bendera dikibar oleh kedua pihak tetapi ia mungkin berakhir dengan menjadi rabak apabila perlawanan ini tamat.

Pengumuman Mahathir pada 16 haribulan Februari bahawa dia telah pun diberi kebenaran oleh Pendaftar Pertubuhan untuk memulakan proses mendaftar parti baru - untuk mengganti UMNO lama yang telah diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah dua minggu sebelumnya mengejutkan ramai pemerhati. Ini adalah suatu langkah yang begitu bijak oleh Perdana Menteri, kerana dua hari selepasnya dia telah mengumumkan bahawa dia akan mengambil tindakan yang mudah dengan cara meminda Akta Pertubuhan untuk memulihkan UMNO .

Mahathir memberitahu pemberita bahawa permohonan telah pun di serahkan kepada Pendaftar pada 13 Februari, apabila UMNO lama dibatal secara rasmi - langkah yang tidak diumumkan pada masa itu. Parti baru ini akan dipanggil Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru), atau UMNO BARU. Mahathir hendak parti baru ini dikenali sebagai UMNO lama. Bendera dan simbol parti baru ini hampir sama dengan yang lama.

Apabila ditanya sama ada semua daripada 1.4 juta ahli UMNO akan dibenarkan masuk ke dalam UMNO

Baru, Mahathir kata " siapa yang bekerja menentang kepentingan UMNO tidak akan di benarkan masuk. Pada analisa politik di sini, pendirian ini membuktikan niat Perdana Menteri. Musuhnya dalam "team B" UMNO , terutama sekali bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dan penyokongnya, akan dihapuskan daripada senarai parti barunya.

Apabila senarai penuh Jawatankuasa Protem Mahathir dibuat untuk mengawasi pendaftaran penuh UMNO Baru dikeluarkan, ia jelas menunjukkan bahawa Perdana Menteri tidak akan memberi peluang kepada musuh politiknya. Selain daripada beliau sebagai Presiden, Timbalan Perdana Menteri, Ghaffar Baba sebagai Timbalannya, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat sebagai Setiausaha dan Daim Zainuddin sebagai Bendahari, jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli Majlis Tertinggi yang lama kecuali : bekas Menteri Datuk Shahrir Samad, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan juga Marina Yusoff - semuanya ahli-ahli Team B.

Seorang ahli Team B yang berjaya memasuki jawatankuasa ini ialah Datuk Abdullah Badawi , bekas Menteri Pertahanan dan Naib Presiden UMNO.

Walaupun dia dalam kumpulan Team B , Abdullah tidak putus hubungan dengan Mahathir. Dia telah membuat beberapa kenyataan yang menunjukkan sokongan terhadap Perdana Menteri, menyebabkan spekulasi yang dia bersiap sedia untuk kembali ke pangkuan Mahathir.

Sekali gus Mahathir telah merebut inisiatif dari penentangannya dan dengan terang-terang menunjukkan dia akan membalas dendam. Ghaffar kemudian berkata

pendaftaran ini akan memakan masa satu tahun-atau dua. Mahathir tentu telah mengambil kira bahawa ini akan memberinya peluang yang luas dan bebas dari serangan musuh politiknya, sambil dia mengambil masa untuk menapis keahlian parti. Dia boleh menangkis segala ancaman dengan menyalahkan kumpulan pendakwa sebelas orang itu dan dengan sendirinya akan melibatkan Tengku Razaleigh yang dianggap ada kaitan dengan mereka.

Hanya pada 16 haribulan Februari, berita disiarkan bahawa permohonan lebih awal oleh musuh politik Mahathir untuk menubuhkan satu jawatankuasa protem UMNO Malaysia telah ditolak. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman sebagai Presidennya, dan juga seorang lagi bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, sebagai Timbalan Presiden. Mahathir menjelaskan bahawa permohonan ini dan juga oleh dia sendiri untuk mendaftar "UMNO 88" telah gagal kerana semasa mengemukakannya UMNO asal masih dalam pendaftaran.

Pendaftar Pertubuhan, Zakiah Hashim, nampaknya begitu minat hendak menolong Mahathir. Dia tidak memberi sebab segera kepada kumpulan UMNO Malaysia kenapa dia menolak permohonan dari mereka pada 10 haribulan Februari. Nampaknya hanya Mahathir dan kumpulannya sahaja (bukan penentangannya) yang tahu bila UMNO dibatal pendaftarannya. Ini membolehkan mereka memasuki semula permohonan yang sah untuk UMNO Baru. Zakiah yang berkerja dalam Kementerian Dalam Negeri, di bawah Dr. Mahathir, tidak dapat dihubungi oleh pemberita langsung.

Pengumuman Mahathir pada 16 haribulan Februari, selepas dia telah dilantik semula sebagai Presiden

Barisan Nasional, memang kena pada masanya, petang perayaan Tahun Baru Cina sebelum hari percutian selama dua hari. Tetapi Razaleigh dan leftenan-leftenannya sibuk semasa percutian itu kerana pada 19 Februari, pendakwa sebelas orang itu memasuki notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah mengisytiharkan UMNO tidak sah.

Apa saja pandangan dari segi undang-undang, ia dianggapkan sebagai tindakan "Razaleigh lawan balik". Apabila Hakim Mahkamah Tinggi Harun Hashim memutuskan oleh kerana UMNO mempunyai 30 cawangan yang tidak berdaftar, parti induknya dianggap tidak sah. Ini bermakna permohonan kesebelas orang itu ditolak.

Kumpulan sebelas ini telah membawa kes mereka ke Mahkamah dengan tujuan untuk mengisytiharkan pemilihan dalam Perhimpungan Agung UMNO pada April 1987 tidak sah. Dalam pemilihan ini, yang paling pahit dalam sejarah UMNO, Mahathir hampir dikalahkan oleh Razaleigh untuk jawatan presiden parti - dan seterusnya Perdana Menteri - dan Ghaffar mengalahkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden dengan majoriti yang kecil.

Oleh kerana kesebelas pendakwa ini, dari segi teknik, telah kalah kes, mereka berhak merayu terhadap keputusan itu. Mereka ada sebulan untuk menfailkan memorandum atau alasan sebelum rayuan ini didengar oleh Mahkamah Agung.

Beberapa peguam berpendapat kumpulan sebelas ini tidak mempunyai kes yang kukuh untuk berjaya. Mahkamah mesti terlebih dahulu memutuskan bahawa

pengisytiharan UMNO tidak sah adalah salah, walhal undang-undang bawah seksyen 12 Akta Pertubuhan jelas mengatakan demikian."

Laporan ini juga menerangkan :

"Sekiranya rayuan ini berjaya dan UMNO dihidupkan, bersama pemilihan baru yang diperintah oleh Mahkamah, Mahathir akan merasa malu bila dia terhanyut dengan UMNO Barunya. Sekiranya rayuan ini gagal, kata satu daripada kumpulan sebelas itu, mungkin satu permohonan baru untuk menubuhkan parti UMNO akan dikemukakan kepada Pendaftar, ataupun akan adakan lagi tindakan undang-undang untuk menghalang Mahathir.

Pemerhati mengagakkan tindakan undang-undang akan diteruskan, mungkin permohonan "Injunction" di Mahkamah Tinggi untuk menghalang proses pendaftaran UMNO Baru dan menghalang parti baru itu daripada mengambil harta UMNO lama. Saman malu terhadap beberapa penyokong Mahathir termasuk Menteri Pelajaran Anwar Ibrahim yang telah menggelar kumpulan sebelas sebagai "pengkianat" mungkin berlaku."

Laporan ini seterusnya membuat kesimpulan :

"Razaleigh seperti yang lain dalam Team B percaya Perdana Menteri merancang untuk memperkukuhkan kuasa peribadinya tanpa mengira prinsip-prinsip demokrasi dan dia bertujuan untuk mengekalkan dirinya selepas pemilihanraya yang akan datang, yang dijangka diadakan pada 1991.

Mahathir telah membuktikan bahawa dia boleh menjadi satu pemimpin yang kejam dan tidak meng-

hiraukan mereka yang dianggap golongan elite dari Barat yang telah mengetuai UMNO dan Negara sepanjang sejarahnya. Apabila dia mengalahkan pemimpin Team B pada pemilihan April 1987, tanpa membuang masa dia telah memecat kesemua daripada jawatan kerajaan mereka . “

Analisisnya terhadap Musa juga begitu tepat :

“Musa tidak mempunyai asas yang kuat. Bekas Timbalan Perdana Menteri ini, yang telah bersama Mahathir dalam pentadbiran “dua M” tidak kaya. Penyokong-penyokongnya kagum terhadap karisma dan kebolehannya. Tetapi dia nampaknya kuatir dengan lanjutan pertarungan Mahathir-Razaleigh politik Melayu menjadi tumpuan kepada peribadi tanpa mepedulikan masa depan parti. Mungkin dia dan penyokongnya akan dihalang dari memasuki UMNO Baru.

Musa seperti Abdullah, telah menyeru ahli UMNO supaya menyokong kepimpinan Mahathir dalam UMNO Baru. Tetapi dia menjelaskan ini “tidak sepatutnya diinterpretasikan sebagai kepentingan peribadi”, mungkin dia maksudkan Mahathir dan Razaleigh.”

Kedudukan terbaru aset-aset UMNO diringkaskan oleh Stephen Duthie dalam *Asian Wall Street Journal* pada 2hb Mei 1990:

**“ PARTI MAHATHIR MENGHIMPUNKAN
ASET-ASET BISNES**

**Transaksi untuk menubuh syarikat pegangan
besar, menguatkan asas politik**

KUALA LUMPUR - Parti politik dominan di

Malaysia telah menugaskan Renong Bhd. syarikat awam, supaya menguasai kebanyakan daripada harta korporat yang luas dalam satu perancangan kewangan yang terbesar dalam sejarah Negara ini.

Beberapa transaksi ini akan menjadikan syarikat tersederhana ini kepada satu syarikat pelaburan pegangan yang terbesar di kawasan ini, dengan menguasai lapan syarikat-syarikat yang disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Para analisa kata perancangan kompleks ini bertujuan menyatukan korporat-korporat kewangan UMNO yang dipunyai oleh Perdana Menteri Mahathir Mohammad di bawah satu syarikat pegangan. Mereka kata ia akan memudahkan hubungan perniagaan parti yang kompleks itu, tumpu kuasa dalam pelaburannya, dan menghapuskan saingan perniagaan dan kepentingan politik dalam pengurusan parti. Dalam mengakui UMNO mempunyai banyak hutang yang hendak diselesaikan, para analisa mencadangkan perancangan ini bertujuan menguatkan lagi kedudukan kewangan parti ini sebelum pilihanraya yang dianggap menjadi hebat dan memakan banyak belanja.

Transaksi yang diumumkan hari Isnin oleh pihak Renong oleh penasihat kewangannya, Bumiputra Merchant Bankers Bhd., tidak melibatkan wang tunai. Dengan penukaran mendapatkan saham Renong yang baru dikeluarkan, syarikat akan dapat menguasai saham dalam syarikat gergasi pembinaan dan bahan-bahan binaan, United Engineers (Malaysia) Bhd., dan juga kebanyakan syarikat-syarikat komunikasi dan kewangan yang menguntungkan dalam Fleet Group Sdn. Bhd. yang dipunyai oleh UMNO. Kebanyakan syarikat-syarikat ini diketuai dan kemungkinan bawah arahan Halim Saad, 36 tahun,

orang bawah lindungan Daim Zainuddin ,Bendahari parti dan Menteri Kewangan.

Pengumuman ini tidak mengejutkan. Dalam dua bulan yang lalu, pasaran kewangan Malaysia telah berbunyi berbagai spekulasi tentang beberapa langkah untuk menyatukan syarikat-syarikat UMNO yang begitu cepat membesar.

Renong muncul dalam spekulasi ini apabila diketahui pada bulan Mac satu syarikat yang tidak dikenali, Pacific Fleet Sdn. Bhd., telah membeli kuasa dalam syarikat hartanah ini. Selain daripada nama yang hampir sama - Pacific Fleet dan Fleet Group - firma guaman Kuala Lumpur, Zaid Ibrahim & Co., yang begitu terlibat dengan kewangan UMNO, telah dikenali sebagai bertindak bagi pihak Pacific Fleet.

Bumiputra Merchant Bankers mengesahkan penglibatan Pacific Fleet dengan UMNO dalam satu kenyataan akhbar yang telah dikeluarkan pada hari Isnin. Merchant Bank itu mengesahkan Encik Halim dan Anuar Othman sebagai orang Datuk Daim, pengarah dan pemegang saham Pacific Fleet. Halim dan Anuar juga pengarah dalam Fleet Group, United Engineers dan Hati-budi Nominees Sdn. Bhd. yang menguasai kumpulan United Engineers.

Para analisa sekuriti mengatakan memang dijangka Datuk Daim akan mengarah pengurus perniagaannya supaya menyatukan United Engineers dan Fleet Group, perkembangan kebelakangan ini menjadi tidak terkawal. Itulah rasional, katanya Bumiputra Merchant Bank.

Percantuman beberapa pelaburan bermutu tinggi

akan mengakibatkan Renong menjadi syarikat pegangan kumpulan yang kuat, dengan asas kewangan yang kuat, kata pegawai Merchant Bank ini.

Beberapa analisa politik mengatakan mungkin perancangan ini di buat kerana UMNO mesti membetulkan kedudukan kewangannya sebelum pilihanraya umum yang mesti diadakan sebelum Oktober 1991, tetapi dianggap lebih awal lagi.

Kata mereka dari segi maruah Melayu, UMNO mesti diperlihatkan sebagai berusaha mengawal harta koporatnya, terutama sekali sekarang apabila Dr. Mahathir menghadapi tentangan hebat daripada sebahagian UMNO yang diketuai oleh musuhnya Razaleigh Hamzah.

PERANAN PENTING

Para analisa mengagak pilihanraya ini mungkin akan menjadi paling sengit dan paling mahal dalam sejarah Malaysia. Kekuatan kewangan yang akan dibantu oleh kumpulan Renong, akan memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan untuk UMNO sokongan hebat orang Melayu seperti yang lalu.

Perancangan ini sekiranya diluluskan oleh pihak berkuasa dan pemegang saham Renong, akan menjadi satu garisan untuk hubungan antara parti politik dan perniagaan. Selain daripada Malaysia, tidak ada sistem politik di mana-mana di kawasan ini yang telah mengembangkan begitu besar dan luas dalam ekonomi negara, dengan parti pemerintah memegang kuasa.

Kenapa UMNO membuat persetujuan dengan Renong tidak begitu jelas, tetapi diperlihatkan bahawa

selepas beberapa tahun mengalami kerugian berjuta-juta ringgit dan memikul beban hutang yang berat, akhir tahun lalu syarikat ini disusun semula. Ini mengakibatkan Renong mengurangkan beban hutangnya, walaupun masih lemah, jadi mudah diambil alih, semuanya faktor-faktor menarik bagi tujuan UMNO.

Dalam pengumuman pada Isnin, Renong bercadang mengambil alih kesemua saham equiti dalam Fleet Group dari Fleet Holdings Sdn Bhd, termasuk kesemua saham-saham dalam Hatibudi Nominees, sejumlah besarnya dipegang oleh Halim. Renong juga akan mendapat 2 % dan 12.5 juta saham " convertible loan stock " dalam United Engineers.

Perancangan ini dinilai sebanyak M\$1.23 billion (US\$452 million) dan akan diselesaikan dengan mengeluarkan saham-saham Renong yang baru bernilai 50 sen satu dan diletak harga M\$1.00 sesaham. Fleet Group, yang sekarang mengalami susunsemula sendiri, akan mempunyai nilai yang berharga \$794.9 million dan bebas dari hutang, dan akan ditawarkan \$794.9 juta dalam bentuk saham Renong. Renong juga bercadang menawar hampir M\$245 juta dalam bentuk saham kepada Hatibudi Nominees dan M\$186.6 juta saham kepada United Engineers.

Akhirnya, modal saham yang dikeluarkan akan bertambah hampir 92% ke \$1.34 billion saham 50 sen sesaham, atau \$668.2 million. Pemegang terbesar saham-saham dalam syarikat itu ialah Fleet Holdings, dengan 28.5% ; En Halim dengan 17.7% dan Pacific Fleet dengan 6%.

Keperluan UMNO dari segi kepentingan sokongan kewangan yang kuat sudah dilihat beberapa ketika.

Sebelum United Engineers muncul tahun lalu sebagai "flagship" harta UMNO, beberapa syarikat kepunyaan UMNO berada dalam keadaan tenat selepas kemelesetan ekonomi pada 1985-1986. Beberapa syarikat ini masih dalam keadaan tenat, termasuk perniagaan hotel Faber Merlin Malaysia Berhad. Faber Merlin dan beberapa syarikat lain kepunyaan UMNO tidak dimasukkan ke dalam penyatuan di bawah Renong ini.

UMNO banyak hutang. Beratus cawangan-cawangan dan ibu pejabat bahagian telah berhutang beratusan juta dari bank-bank kerana membiayai pembelian hartanah dan kegiatan politik, mengikut peguam-peguam dan bank-bank.

Ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur, Putra World Trade Centre, berhutang dengan beberapa Bank di Malaysia yang berjumlah lebih daripada M\$369 million, kerana pembinaan pejabat dan pusat konvensyen yang terbesar. Perintah Mahkamah supaya bangunan ini dilelong masih ada, yang mungkin akan memalukan pemimpin UMNO sekiranya mereka hilang bangunan ini kepada pembeli yang menawarkan harga yang lebih tinggi.

Pakar kewangan mengatakan tidak lama lagi syarikat-syarikat kepunyaan UMNO ini akan membantu partinya untuk menyelesaikan hutang-hutang yang banyak. Tetapi tidak jelas bagaimana ini boleh dilakukan.

Walaupun begitu besar syarikat UMNO, ia mungkin tidak dapat menghasilkan keuntungan yang cukup untuk menyelesaikan hutang-hutangnya. Ia belum tentu sama ada saham-saham dalam Renong dan lapan lagi syarikat-syarikat awam tersenarai itu akan naik harga yang mencukupi untuk membolehkan parti itu menjual

sebahagian sahamnya untuk mendapatkan wang tunai.

Kumpulan United Engineers, walaubagaimanapun telah mendapat banyak keuntungan ekoran dari kontrak-kontrak kerajaan yang akan menyebabkan syarikat ini untung bertahun-tahun. Pada 1987 Syarikat United Engineers ini dibawa masuk ke dalam kekuasaan UMNO menerusi nominee-nominee Datuk Daim. Tahun berikutnya, dalam satu transaksi kontroversial, kerajaan memberi kontrak kerja raya yang terbesar kepada United Engineers : concessi 30 tahun untuk membina, mengurus dan mengutip berbillion ringgit dalam bentuk toll dan beberapa bayaran atas 900 kilometer lebuhraya Utara-Selatan dari Singapura ke sempadan Thailand.

Keseluruhan projek ini akan memerlukan modal M\$5.7 billion; United Engineers dijangka akan mendapat keuntungan 17% atau lebih dari toll dan bayaran penguasaan sahaja. Syarikat ini akan mendapat kutipan lebih sepanjang keduabelah 60 meter jalanraya menerusi pengiklanan, stesyen servis minyak, restoran dan peralatan komunikasi kabel.

Pada bulan September , kerajaan telah memberi surat khas kepada konsortium yang diketuai oleh United Engineers. Konsortium ini telah diatitkan untuk menerima perkiraan penswastan untuk membina jalan kedua ke Singapura, dan juga untuk memajukan satu estet seluas 26,000 hektar estet untuk perindustrian, komersial, dan perumahan sebelah sempadan di Negeri Johor.

Lain-lain di bawah Payung

Ini dan beberapa kontrak kerajaan telah menjadikan United Engineers suatu kuasa besar korporat dalam industri pembinaan. Sejak kontrak lebuhraya d

beri, United Engineers dan pemegang saham UMNO, Hatibudi Nominees telah merancang pengambil alih syarikat awam Time Engineering Bhd., kesemuanya akan ditakluki di bawah payung syarikat pegangan Renong.

Di bawah payung itu ialah syarikat-syarikat awam tersenarai Fleet Group: New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, usaha suratkhbar dan pencetak yang terbesar di negara ini; Sistem

Television Malaysia Bhd., atau TV 3, satu sistem television persendirian yang ulung di negara ini; Bank of Commerce Berhad., satu-satu daripada Bank yang banyak keuntungan; Hume Industries (Malaysia) Bhd., yang mana rakan perkongsiannya ialah kumpulan Hong Leong

Saham-saham dalam dua syarikat persendirian - South Iron and Steel Works Sdn Bhd., dan Projek Lebuhraya Utara Selatan Sdn Bhd., yang memegang konsessi perjanjian dengan kerajaan untuk lebuhraya utara-selatan akan dijadikan syarikat awam dalam tahun ini."



Marina berceramah dan menyeru rakyat supaya membawa perubahan.

BAB 4

KRISIS PERLEMBAGAAN

MALAYSIA ialah negara Raja Berperlembagaan. Perlembagaan Malaysia telah di derafkan oleh Suruhanjaya yang di ketuai oleh Lord Reid. Lain-lain dalam Suruhanjaya ini ialah Mr. H.P. Hall, Hakim Abdul Hamid (dari Pakistan), Sir Ivor Jennings (Britain), Sir William McKell (Australia), Mr. F.R. Hopkins (Kanada) dan Mr. B.P. Mullick (India). Tunku Abdul Rahman, selaku Ketua Menteri Malaya, ialah seorang daripada wakil tempatan dalam Suruhanjaya ini. Pemisahan kuasa di antara Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman dijelaskan dalam Perlembagaan.

Pada 15hb Ogos, 1957, Tunku Abdul Rahman semasa membentangkan bil Perlembagaan Federal, berkata:

“Ia mesti diingati bahawa kebebasan yang kita ingini ialah kebebasan untuk memerintah diri kita di bawah sistem di mana Insituti Parlimen ini sahajalah yang mewakili kehendak rakyat.”

Pada Ogos 1983, krisis Perlembagaan timbul apabila Dr. Mahathir hendak menghadkan kuasa Raja-Raja. Beliau menyuarakan perasaan bimbangnyanya apabila DYMM Sultan Johor bakal dilantik sebagai Agung ketika itu. Apa akan jadi sekiranya dia tidak setuju menanda tangani mana-mana Akta Parlimen yang telah diluluskan?

Oleh kerana itu Akta Pindaan Perlembagaan 1983 menjadi penca kontroversi. Antara lain, pindaan yang menyebabkan kontroversi ialah ialah:

- (i) Kuasa DYMM Yang diPertuan Agong memberi persetujuan keatas bil-bil.
- (ii) Kuasa DYMM Yang diPertuan Agong mengisytihar dharurat.
- (iii) Menghadkan kuasa Raja-Raja Negri di bawah Perlembagaan Negeri mengikut pindaan baru.

Pindaan hendak dibuat kepada Artikel 66 Perlembagaan Malaysia. Di bawah Artikel 66 kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang mesti dilakukan dengan kelulusan bil-bil oleh kedua-dua Dewan dan dipersetujui oleh Yang DiPertuan Agung. Pindaan yang diperlukan adalah untuk menjamin bahawa sekiranya ada mana-mana bil yang tidak dipersetujui oleh Yang DiPertuan Agung, ia secara automatik menjadi undang-undang selepas 15 hari. Pindaan ini jelas menarik kuasa Yang DiPertuan Agung dan haknya untuk bersetuju ke atas bil-bil dan ia melanggar satu daripada artikel yang terpenting dalam Perlembagaan kita. Ini menyebabkan Raja-raja murka kerana ia meng-hakis dan menidakkan kuasa mereka. Mahathir tidak memberi sebarang amaran atau notis dan semua orang terkejut. Kesilapan Mahathir ialah dia tidak pernah berbincang dengan Raja-Raja sebelum meluluskan pindaan-pindaan ini dalam Parlimen dalam keadaan tergesa-gesa. Dia tahu dia tidak ada masaalah untuk meluluskannya menerusi Parlimen kerana dia menguasai 2/3 majoriti yang perlu untuk meminda Perlembagaan kita.

Ketenangan Negara terjejas. Perselisihan faham di antara Raja-Raja dan penyokong Mahathir yang minat kearah menjadikan Negara ini Negara Republik dan sengaja mengeksploitasikan isu ini untuk mengwujudkan perasaan benci terhadap Raja-Raja.

Jelaslah Mahathir sudah melanggar Perlembagaan.

Artikel 38 (4) jelas mengatakan undang-undang mengenai hak

SUPPORT FOR CHANGES

Saturday, November 5, 1983

Amendments to the Constitution: Umno Youth sees PM

PERALING JAYA, Fri.—Umno Youth unanimously approved a resolution at a special assembly here today supporting the amendments to the Constitution proposed by Parliament in August.

It also pledged support for any action that the Government may take in handling problems that may arise over the issue.

The resolution, passed after a three-and-a-half-hour debate, was then conveyed to Prime Minister Datuk Seri Dr Mahatir Mohamed at his house by a delegation headed by Umno Youth leader Anwar Ibrahim.

George Fisher told reporters after the 30-minute meeting with Datuk Seri Dr Mahatir that the Prime Minister was happy with the pledged support.

Anwar Ibrahim told reporters after the 30-minute meeting with Datuk Seri Dr Mahatir that the Prime Minister was happy with the pledged support.

Umno Youth representatives from all the 140 Umno divisions attended the assembly at the Peraling Jaya Centre here. The Chief Executive Council was also represented — by vice president Yusoff Ghaffar Baba and Tengku Akhmad Rizkaideen, council member Datuk Raja Yusoff and secretary-general Datuk Mustafa Jabar.

Anwar Ibrahim, who called the resolution, expressed confidence in the ability of the nation's



Umno Youth assembly members, led by Enkik Anwar, raising their hands in support of the Government.

leaders to solve any problem that might arise over the constitutional amendments.

He said the amendments would not threaten the position of the Rulers.

"They are merely aimed at defining the functions and responsibilities of the Rulers and those of the Government which is democratically elected by the people," he said.

He said that there were certain matters which needed to be spelled out in order to avoid confusion in the future.

Enkik Anwar, who also represented Umno Youth's Association in upland constitutional assemblies in the country, expressed regret that the amendments have not been used and exploited by certain quarters to cause mistrust between the Rulers and the people.

"The constitutional monarchy is part of the Constitution and the pillar of our national sovereignty. No one can destroy the constitutional monarchy in this country," he said.

Enkik Anwar urged the delegates and observers to be on guard against the "campaign of lies" carried out by certain people, both inside and outside Umno.

He said that people were spreading lies that the Government was moving towards the creation of a republic and they were castigating the Rulers not in line to the nation's leaders.

"It is the duty of all Umno delegates to go back and explain to the people the true situation regarding the amendments," Enkik Anwar added.

He said that the amendments involved the question of the del-

egation of emergency. They also concerned the signing of Bills by the Yang di-Pertuan Agong to give them the royal assent after they had been passed by Parliament.

The responsibilities and powers of the Cabinet and the Yang di-Pertuan Agong under Articles 63 and 66(2) of the Constitution were ambiguous, he said.

Article 66 stipulates that the Yang di-Pertuan Agong shall act on the advice of the Prime Minister or the Cabinet while Article 66(2) specifies that Bills cannot be enforced without the Monarch's signature.

Enkik Anwar said that the amendments merely made a clearer definition of the roles of both the Government and the Rulers so that there would be no clash of responsibilities in the administration of the country.

Seperti patung-patung menyokong Dr M. untuk menguatkan kuasa ketangannya semasa krisis perlembagaan

istimewa, kedudukan, pangkat atau kemuliaan Raja-Raja tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Mesyuarat Raja-Raja.

Diketahui umum bahawa Mahathir tidak suka pada Raja-Raja. Dia sentiasa mengkritik mereka di hadapan semua ahli Majlis Tertinggi. Mana-mana Ahli Majlis Tertinggi yang bercakap kasar tentang Raja-Raja dapat persetujuannya. Anwar Ibrahim, Sanusi Junid dan Ghaffar Baba begitu lantang terhadap Raja-Raja. Yang paling lantang akhirnya menjadi anak emasnya. Pembaziran dan tabiat judi oleh beberapa orang Raja-Raja sengaja disebutkan untuk menjolok perasaan benci dan muak terhadap kelakuan Raja-Raja. Mahathir tidak menyembunyikan perasaan tidak sukanya kepada mereka. Dia senantiasa menegaskan pendiriannya bahawa Raja-Raja dan keluarganya tidak sepatutnya memegang jawatan-jawatan seperti Pengerusi bolasepak dan persatuan-persatuan sukan. Dia terang-terang menyebut tidak sukanya tentang penglibatan DYMM Sultan Pahang dalam persatuan bola.

Ceramah umum diaturkan diseluruh negara oleh penyokong-penyokong Mahathir. Dalam satu perjumpaan besar di Johor yang diatur oleh Datuk Musa Hitam, Mahathir mengisytiharkan beberapa penyokong-penyokong kuatnya sebagai hulubalang oleh kerana mereka telah dengan jelas membuat pendirian menentang Raja-Raja. Dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi, saya bertanya tentang perjumpaan besar-besaran ini. Dengan terang kita melanggar undang-undang. Kenapa dia tidak menghormati undang-undang yang dia buat? Kenapa dia sengaja mengarah Pemuda UMNO berkumpul di seluruh negara untuk menunjukkan sokongan kepadanya? Semuanya dirancang. Pada 4hb November, 1983, Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda pada masa itu, atas arahan Mahathir, merancang pertunjukan sokongan terhadap Mahathir dengan meluluskan resolusi dalam satu perhimpunan khas. Sudah tentu Anwar begitu berusaha untuk membuat Mahathir gembira.

Kenapa kita mengamalkan pentadbiran undang-undang dengan beza membeza? Jawapannya mudah saja bagi dia, "Kita parti pemerintah. Kita boleh buat apa yang kita suka."

Keadaan dalam negara menjadi lebih kritikal.

Dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh En. Ghaffar Baba untuk berjumpa dengan Raja-Raja dibentuk. Yang lain ialah Tengku Ahmad Rithaudeen, Datuk Harun Idris, Datuk Seri Kamarudin, Datuk Mustapha Jabar (Setiausaha Agung UMNO) dan saya sendiri.

Raja-Raja yang hadir ialah Timbalan Yang DiPertuan Agung (Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan), Sultan Perak, Sultan Kelantan, Sultan Terengganu, Sultan Selangor, Sultan Kedah, Sultan Johor dan Raja Perlis. Juga yang hadir Pemangku Sultan Pahang dan Raja Muda Perak (pada masa itu) Raja Tun Azlan Shah (DYMM Yang DiPertuan Agung sekarang).

Selepas perjumpaan ini Raja-Raja mengeluarkan satu kenyataan:

“Perjumpaan telah diadakan di antara Raja-Raja dan wakil-wakil daripada Majlis Tertinggi UMNO di Istana Bukit Kayangan, Selangor pada 20hb November, untuk membincang pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Raja-Raja mendengar pendapat yang disampaikan oleh wakil-wakil Majlis Tertinggi UMNO kenapa pindaan dibuat kepada Perlembagaan dan juga beberapa cadangan baru tentang bagaimana hendak memperbaiki lagi pindaan itu yang telah diluluskan.

Selepas Raja-raja mendengar pandangan itu, mereka begitu simpati dengan rakyat dan mereka bersetuju bahawa memang penting segala kelulusan cepat dalam Parlimen mengenai budget (bil kewangan) dibuat.

Raja-Raja sedar bagaimana penting cadangan-cadangan kawasan Parlimen yang baru yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan pentingnya mengelakkan halangan daripada perkembangan politik dan sistem demokrasi yang terkandung

dalam pindaan Perlembagaan. Tetapi Raja-Raja berpendapat bahawa beberapa pindaan Perlembagaan serta cadangan yang dibuat oleh UMNO memerlukan pertimbangan yang lebih lanjut. Raja-Raja percaya isu ini boleh diselesaikan dengan cara yang memuaskan.”

Atas daya usaha sendiri saya mengambil tindakan membuat temujanji untuk mengadap dan berbincang dengan beberapa orang Raja-Raja. Saya berjumpa dengan DYMM Raja Perlis yang dianggap sebagai ketua dan berhak bersuara bagi pihak Raja-Raja oleh kerana paling “Senior”. Saya mengadap DYMM Raja Perlis di Istana Perlis di Kuala Lumpur. Saya diterima dengan begitu baik dan berbincang dalam keadaan tenang dan berhasil. Jamuan teh dihidangkan. Saya berasa begitu mulia apabila Raja Perempuan Perlis sendiri menghidangkan saya sekeping murtabak. Saya dapat melihat DYMM begitu mengambil berat tentang krisis ini dan begitu berminat hendak mencari jalan penyelesaian yang paling sesuai. Dalam hati saya, saya merasa jika perkara ini tidak diusahakan dengan baik ia boleh menyebabkan pertumpahan darah. Jelas bahawa Dr. Mahathir mencuba mengadu kuasanya terhadap Raja-Raja untuk menguji sejauh mana dia boleh pergi.

Saya menyampaikan perasaan bimbang saya kepada DYMM dan menerangkan betapa pentingnya untuk Raja-Raja bersetuju menyelesaikan masalah ini dengan cara yang paling baik. Saya juga pulang ke Kelantan pada satu malam untuk mengadap DYMM Sultan Kelantan untuk menyampaikan mesej yang sama. Saya cuba menyejukkan perasaan marahnya terhadap Mahathir dan cuba menerangkan perasaan dan kebimbangan rakyat sekiranya krisis ini berlarutan. Ia nya tidak sihat bagi rakyat dan lebih-lebih lagi bagi Raja-Raja.

Kedua-dua perjumpaan ini telah dibuat oleh saya atas usaha peribadi. Saya tidak melapurkan kepada Majlis Tertinggi kerana saya tahu Datuk Musa dan mereka yang anti Raja-Raja tidak akan bersetuju. Saya percaya pada masa itu ada setengah-setengah pihak yang sengaja hendak memburukkan lagi keadaan supaya ia akan diakhiri dengan keganasan dan membolehkan Mahathir mengisytiharkan dharurat.

RULERS TO STUDY PROPOSALS

(Monday, November 21, 1962)

SHAH ALAM, Sun. — The Rulers and Union representatives met today to study proposals for amendments to the Federal Constitution.

A statement issued by the Rulers at the end of the meeting said both sides believed the matter would be resolved in the near future.

The Constitutional Amendment Bill, 1961, contains among others changes proposed by the Rulers. The Rulers in August had also yet to include the royal assent.

The Rulers' proposals are to be discussed by the Rulers at the Istana



The Union delegation meeting an audience with the Rulers to explain the constitutional arrangements. — BERNAMA/Agf

English Member of Parliament, Sir Kenneth Robinson, who is also of the High Court of Malaya. The meeting between the Rulers and the Union representatives was held in the Istana.

Marina dalam mesyuarat penting dengan Raja-Raja Melayu untuk menyelesaikan krisis.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa Mahathir yang merancangkan ini semua. Tindak tanduknya menunjukkan demikian. Sekiranya Raja-Raja akhirnya tidak bersetuju dan menandatangani pindaan itu, dan saya syak Mahathir pasti akan mengisytiharkan dharurat. Mahathir nampaknya tidak begitu suka bila Raja-Raja tidak jatuh dalam perangkap dan akhirnya menyelesaikan masalah terhadap pindaan-pindaan itu.

Musa membongkarkan tujuan Mahathir untuk mengisytiharkan dharurat dalam ucapan kempennya semasa dia menyokong Datuk Shahrir Samad dalam pilihanraya kecil di Johor Bahru pada 1988.

Raja-Raja berjumpa di antara mereka selepas itu untuk mencari penyelesaian. Keadaan begitu genting. Akhirnya Mahathir terpaksa bersetuju dan berkompromi atas pindaan tambahan kepada pindaan tersebut.

Akhirnya pindaan yang di luluskan ia lah seperti berikut:-

Acara Perundangan

66. Menjalankan kuasa perundangan.

1) Kuasa bagi Parlimen membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-undang yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen (atau, dalam hal yang tersebut dalam perkara 68, oleh Dewan Rakyat) dan kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Perkara ini, dipersetujui oleh Yang diPertuan Agong.

2) Tertakluk kepada Perkara 67, sesuatu Rang Undang-undang boleh dikemukakan pada asalnya dalam mana-mana Majlis Parlimen.

3) Apabila sesuatu Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Majlis Parlimen di mana ia dikemukakan pada asalnya maka Rang Undang-undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen yang satu lagi itu; dan Rang Undang-undang itu hendaklah diserahkan kepada Yang diPertuan Agong untuk persetujuannya apabila ia telah diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu lagi itu dan persetujuan telah dicapai antara kedua-dua Majlis Parlimen itu mengenai apa-apa pindaan yang dibuat dalamnya atau apabila Rang Undang-undang itu dikehendaki diserahkan sedemikian di bawah Perkara 68.

4) Yang diPertuan Agong hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-undang dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong -

(a) memperkenalkan Rang Undang-undang itu dengan menyebabkan Rang Undang-undang itu dicap dengan Mohor Besar; atau

(b) jika Rang Undang-undang itu bukan Rang Undang-undang yang mengembalikannya kepada Majlis Parlimen di mana

Rang Undang-undang itu dikemukakan pada asalnya bersama-sama dengan suatu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahannya terhadap Rang Undang-undang itu, atau mana-mana peruntukannya.

4A) Jika Yang diPertuan Agong mengembalikan sesuatu Rang Undang-undang kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-undang itu dikemukakan pada asalnya menurut Fasal(4) (b), Majlis Parlimen hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menimbang semula Rang Undang-undang itu. Jika selepas ditimbang semula, Rang Undang-undang itu diluluskan dengan kiraan undi tidak kurang daripada dua pertiga jumlah ahli Majlis Paarlimen dalam hal suatu Rang Undang-undang bagi membuat sesuatu pindaan kepada Perlembagaan selain daripada suatu pindaan yang dikecualikan menurut Perkara 159 dan mengikut lebih suara dalam hal suatu Rang Undang-undang lain, dengan atau tanpa pindaan, Rang Undang-undang itu hendaklah dihantar bersama-sama dengan bantahan-bantahan kepada Majlis Parlimen yang satu lagi, yang hendaklah menimbang semula Rang Undang-undang itu, dan jika diluluskan dengan cara yang sama oleh ahli-ahli Majlis Parlimen itu, maka Rang Undang-undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka yang diPertuan Agong untuk diperkenankan dan Yang diPertuan Agong hendaklah memperkenankan Rang Undang-undang itu dalam tempoh tiga puluh hari selepas Rang Undang-undang itu dipersembahkan kepada Baginda.

4B) Jika sesuatu Rang Undang-undang tidak diperkenankan oleh yang diPertuan Agong dalam tempoh yang dinyatakan dalam Fasal (4) (a) atau (4A), Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam Fasal 4) (a) atau (4A), mengikut mana yang berkenaan, mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.

5) Sesuatu Rang Undang-undang adalah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Yang diPertuan Agong atau sebagaimana diperuntukan dalam Fasal (4B), tetapi tiada satu pun undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ianya telah disiarkan, tetapi,

bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Parlimen bagi menangguk-kan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.

6) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini atau dalam Perkara 68 boleh membatalkan mana-mana undang-undang yang mengesahkan kesanggupan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan yang bermaksud bahawa Rang Undang-undang yang dimaksudkan oleh kesanggupan itu tidak akan diserahkan kepada Yang diPertuan Agong untuk persetujuannya kecuali mengikut kesanggupan itu.

BAB 5

DASAR-DASAR DAN PROJEK-PROJEK MAHATHIR

Sebagai Perdana Menteri, Mahathir terpaksa mengambilkira setiap kepentingan rakyat serta negara sebelum membuat keputusan dan melancarkan sesuatu dasar yang menyentuh hak dan kepentingan mereka. Mesti mengkaji dengan teliti dan melantik pakar-pakar untuk menasihati dan memandunya, supaya setiap keputusan yang dibuat akan berjaya dimana rakyat dan negara akan mendapat menafaat daripadanya.

Satu daripada institusi yang ditubuhkan dan dipercayai penuh oleh Tun Razak ialah Unit Perancangan Ekonomi. Sebelum melibatkan negara dengan mana-mana projek yang memerlukan perbelanjaan tinggi, unit ini akan membuat kajian sedalam-dalamnya. Apabila mereka membuat keputusan dan bersetuju, kita boleh yakin projek itu akan berjaya. Banyak projek telah difikirkan dan dirancang semasa Tun Razak, termasuk jambatan Pulau Pinang, tetapi tidak diteruskan kerana kewangan dan keadaan ekonomi tidak membenarkan.

Bagaimanapun Mahathir tidak mahu mengikut peraturan dan sistem. Dia bertindak mengikut kehendak dan nafsunya. Dia membuat dasar tanpa memikirkan terlebih dahulu. Malah melaksanakan projek mahal tanpa kajian, perkiraan atau perancangan.

Pada masa ekonomi kita merosot dan dinasihati supaya berjimat cermat, Mahathir meneruskan projek-projek mewah dan menggubal dasar-dasar baru tanpa kajian.

Buat terbitan hak, bonus dan UEM tingkat jumlah moda

'Talks on Tornados deal

by AZAM ARI
THE Govern-
ment that it has
to purchase the T-
16 from the UK
planes, which
£400 million
main item of
package deal
memorandum
between the
two.

Defence
Ruthaudee
still going
has not met

These will
Mwatts. Ne
Terengganu
the next proj
added.

According
Bakun projec
say how muc
not spend as

Datuk Seri
that the Gov
and is conduc
expected to i
the low head
Datuk Seri

when the right time comes, we
as far as the min-

Bakun project to be scaled down

By REMA D

THE Bakun
project will be
will genera
communica
Veilu said y
to generate

"Apart fr
will have to
told repor
ter Elvino R

These will
Mwatts. Ne
Terengganu
the next proj
added.

According
Bakun projec
say how muc
not spend as

Datuk Seri
that the Gov
and is conduc
expected to i
the low head
Datuk Seri

Airod dilanti agen baikpulih 35 Skyhawk di Tucson

KUALA LUMPUR 14
Jan — Kerajaan melantik
Airod Sdn. Bhd.
sebagai agen pembak-
pulih dan memulai balik
35 buah pesawat Sky-
hawk yang masih tersa-
lai di Tucson, Amerika
Syarikat adalah sebagai
langkah kerajaan bagi
menggantikan pesawat
Skyhawk A-4 yang di-
gantikan sekarang Dewan
Rakyat dibenarkan han-
di.



Bakun ✓
hydro
project
to be ^{B/T} 2/3/90
revived

THE proposed Bakun hydro-electricity project in Sarawak is to be revived, Energy, Telecommunications and Posts Minister Datuk Seri S. Samy Veilu (above) said yesterday.

The ministry is conducting a feasibility study on the revival of the project following a Cabinet decision a few weeks ago to go ahead with the project, he told reporters at Parliament House.

The Government had put off the "gigantic" project a few years ago, which was then estimated to cost up to \$10 billion, in view of the recession, he said.

The proposed project will, however, be slightly different from the earlier one as the ministry is proposing that a series of dams be built along the rivers instead of having just one large and high dam for the project.

Projek-projet mewah membazir

DASAR PANDANG KE TIMUR mengejutkan kita apabila ia diumumkan. Tiada sesiapa tahu atau memahami puncanya. Banyak tafsiran dibuat tentang "apa yang dia maksudkan " tetapi satu pun tidak boleh diterima. Akhirnya dia menerangkan kepada kita bahawa dia hendakkan kita orang Malaysia mengikut cara kerajinan orang-orang Jepun .

Cara hidup lelaki Jepun dan kelakuan mereka terhadap wanita mereka tidak boleh diterima oleh wanita di sini. Akhirnya apabila projek-projek besar dan mahal diberi kepada syarikat-syarikat Jepun dengan harga yang lebih tinggi daripada biasa, yang menyebabkan ramai kontraktor-kontraktor kita gulung tikar, barulah kita sedar sebab sebenarnya.

Pembinaan projek mewah bangunan DAYABUMI telah diberi kepada syarikat Jepun bernama Zenecon, yang dipengerusikan oleh kakak ipar Dr. Mahathir, Datuk Saleha Ali. Harga tender lebih tinggi daripada penender tempatan, tetapi Daim mengarahkan supaya ia diberikan kepada syarikat Jepun itu walaupun ia melanggar nasihat konsultan-konsultan. Syarikat Jepun ini mengimpot segala bahan-bahan binaan daripada Jepun dan tidak memberi peluang langsung kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk mencari makan dengan penjualan barang-barang binaan . Apabila bangunan ini siap, siapa pun tidak boleh membelinya kerana terlalu mahal. Jadi Mahathir memaksa Petronas mengeneipkan cadangan untuk membuat bangunannya sendiri dan membeli bangunan Dayabumi dengan harga yang begitu tinggi. Sekali lagi duit Petronas dibazirkan untuk menyelamatkan projek mahal Mahathir

Projek BAKUN yang dicadangkan dalam 1987 telah dibatalkan oleh kerana kita banyak membuat bantahan dan tegoran dalam ceramah-ceramah oleh kerana ia terlalu mahal. Tetapi sekarang dia membuat kenyataan akan mengkajikan semula dan akan melaksanakannya dengan harga yang lebih tinggi mungkin daripada \$10 billion dinaikkan ke \$12 billion!

Kilang besi PERWAJA yang dibina di Terengganu melibatkan perbelanjaan tinggi yang mana negara tidak mampu. Ia menyebabkan

kerugian besar kepada negara. Mengikut lapuran yang disiarkan di dalam akhbar Star pada 16 hb Julai 1990 kerugian terkumpul ialah lebih satu setengah billion (\$1.5 billion) atau Satu Ribu Lima Ratus Juta (\$1,500,000,000.00). Pengarah Urusannya Tan Sri Datuk Eric Cheah mengatakan syarikat ini harap menyelesaikan hutang-hutangnya sekurang-sekurangnya dalam jangkamasa sepuluh tahun dan kemudian akan menutupkan syarikat itu. Pemegang sahamnya ialah Menteri Kewangan Inc (81%) dan Menteri Besar Terengganu (19%). Dalam perancangan susunsemula, aset-aset melebihi \$426.4 juta telah dipindah milik kepada anak syarikat baru, Perwaja Steel Sdn Bhd pada 1 hb April 1990. Syarikat baru ini menerima \$250 juta (\$ 250,000,000.00) wang tunai dari kerajaan sebagai modal.

Kerajaan ialah penjamin pinjaman luar negeri untuk Perwaja yang mesti dibayar faedahnya oleh kerajaan tiap-tiap enam bulan.

Industri kereta Proton Saga adalah satu lagi bencana kewangan oleh Mahathir. Walaupun lapuran begitu cemerlang kerugian yang ditanggung oleh kerajaan melebihi satu billion. Tidak ada sebarang laporan resmi disiarkan tentang kerugian itu, cuma laporan serba puteh dan laporan keuntungan oleh EON, pengedarnya saja tetapi kerugian yang dialami oleh HICOM dalam industri kereta ini tidak disiarkan.

Mahathir telah dinasihati oleh pakar pakar jangan meneruskannya tetapi dia tidak mahu dengar. Sesiapa yang menasihatinya akan ditukar atau hilang kerjanya. Publisiti besar yang diberi tentang "kereta kita" ialah satu lagi "khayalan". Sebenarnya kilang "kereta Malaysia kita" tidak lebih dari sambungan kilang Jepun Mitsubishi di Malaysia. Nampaknya ini satu peluang terbaik kepada orang-orang Jepun untuk membuang stok-stok lapuk mereka ke atas kita. Mahathir tidak berunding dengan kita apabila dia pergi ke Jepun untuk menandatangani Perjanjian. Dia dinasihati supaya jangan berbuat demikian tetapi dia tidak peduli. Dia tetap meneruskannya.

Satu daripada sebab kenapa kita tidak boleh teruskan dengan projek kereta Malaysia ialah penduduk kita terlalu kecil dan tidak mencukupi untuk memasarkan kereta-kereta ini.

Dalam lawatan rasminya ke Pakistan, Mahathir melihat bahawa negara itu terlalu banyak penduduk, dan manusia berada di merata-rata tempat. Sistem pengangkutan awam, kereta api, bas, di jalanraya dan di merata-rata tempat penuh sesak dengan manusia. Aha! katanya, saya ada cadangan baik! Sekiranya kita membanyakkan penduduk di negara kita, kita akan ada pasaran untuk Proton Saga!

Daim menggaru kepalanya apabila dia menceritakan peristiwa ini kepada saya. Dia sedang memikirkan apa alasan dan keterangan nak dibuat untuk mengesahkan dasar Mahathir yang terbaru yang dia umumkan apabila pulang dari Pakistan, DASAR 70 JUTA yang menyebabkan wanita meradang dan terasa terhina oleh kerana mereka dipelikan seolah-olah mereka tidak ubah seperti kilang mengeluarkan anak-anak dengan perintah.

Pada satu ketika apabila Mahathir menyerang negara-negara besar, ia telah menyebabkan kerugian besar kepada negara dari segi perdagangan. Dasarnya BELI BARANG BRITISH TERAKHIR dan kenyataan kasar terhadap negara-negara di Eropah menyebabkan negara-negara Eropah memboikot barang pengeluaran utama seperti getah, koko, bijeh dan minyak kelapa sawit - kesannya sehingga hari ini masih dirasai. Kerosakan pasaran tidak dapat dibaiki. Pada masa itu perbuatan Mahathir mengakibatkan kerugian kepada negara lebih daripada 8 billion.

Bukti yang jelas sekali ialah akibat buruk kepada perusahaan minyak kelapa sawit. Mahathir tidak merasanya tetapi peneroka Felda dalam estet kelapa sawit menderita hari ini. Selepas pemotongan yang dibuat oleh pihak berkuasa Felda, sesetengah peneroka hanya tinggal beberapa ringgit sahaja. Dalam lawatan terakhir, seorang peneroka memberitahu saya dia hanya tinggal 12 sen! Pemotongan yang dibuat oleh pihak berkuasa Felda melebihi dua belas perkara sesetengah daripadanya tidak patut dipotong daripada mereka. Oleh kerana peneroka tidak berkuasa untuk membantah atau mengambil apa-apa tindakan mereka terpaksa patuh kepada pihak berkuasa yang berbuat apa saja mereka suka.

UNTUK BOLEHKAN KERAJAAN BUAT KAJIAN LANJUT — GHAFAR

Kutipan tol Cheras dihenti

— oleh
Kamal Zaini

KUALA LUMPUR 12 Sept.



'GAGAL AMBIL KIRA KEKERAPAN PENDUDUK TEMPATAN MENGGUNAKANNYA'

Pengkaji kutipan tol Cheras cuai — Ghafar



BUKTI BERKAS SARA
KUALA LUMPUR
— Rencik Ghafar

RUSUHAN TOL: EMPAT AHLI DAP DITAHAN



1. POLIS MENYERAMAHKAN SEORANG RUSUHAN TOL. 2. POLIS MENYERAMAHKAN SEORANG RUSUHAN TOL.

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Empat ahli DAP termasuk Ahmad Fandi dan Ezzaman Fongkol Baid, Saiful Zam Fik dan Affandi al Karim Alie Ezzaman telah ditangkap kerana mengutip tol di Plaza Tol Cheras, antara lain.

Keempat-empatnya ditahan di Kompleks Polis Cheras. Mereka ditahan kerana mengutip tol di Plaza Tol Cheras. Mereka ditahan kerana mengutip tol di Plaza Tol Cheras. Mereka ditahan kerana mengutip tol di Plaza Tol Cheras.

Polis ingatkan tindakan boleh mencetus rusuhan kaum



KUALA LUMPUR 12 Sept. — Polis mengingatkan bahawa tindakan mengutip tol di Plaza Tol Cheras boleh mencetus rusuhan kaum.

Polis mengingatkan bahawa tindakan mengutip tol di Plaza Tol Cheras boleh mencetus rusuhan kaum. Polis mengingatkan bahawa tindakan mengutip tol di Plaza Tol Cheras boleh mencetus rusuhan kaum.

Kesesakan Plaza Tol Cheras makin teruk

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kesesakan lalu-laluan semakin teruk di Plaza Tol Cheras. Pada 12 Septembar, Plaza Tol Cheras penuh sesak kerana tol Cheras semakin teruk. Kesesakan ini berlaku kerana orang ramai datang ke Plaza Tol Cheras untuk membayar tol. Kesesakan ini berlaku kerana orang ramai datang ke Plaza Tol Cheras untuk membayar tol.

Sementara

Sementara itu, empat ahli DAP termasuk Ahmad Fandi dan Ezzaman Fongkol Baid, Saiful Zam Fik dan Affandi al Karim Alie Ezzaman telah ditangkap kerana mengutip tol di Plaza Tol Cheras, antara lain.

Sementara itu, empat ahli DAP termasuk Ahmad Fandi dan Ezzaman Fongkol Baid, Saiful Zam Fik dan Affandi al Karim Alie Ezzaman telah ditangkap kerana mengutip tol di Plaza Tol Cheras, antara lain.

Krisis kutipan tol di Cheras

Ada yang terpaksa mencari makan dengan cara menangkap ular, labi-labi dan katak untuk dijual. Yang mengejut dan mendukacitakan saya ialah berita bahawa ada wanita tertangkap kerana melacur untuk mencari makan kerana nak hidup!

Peneroka peneroka Felda dulu biasa hidup dalam keadaan mewah . Semasa Tun Razak, ada yang mempunyai dua buah kereta. Apa telah terjadi sejak itu? Harga minyak kelapa sawit naik sedikit demi sedikit sejak masa Tun Razak dan harganya telah memuncak ke \$2760 pada Februari 1984. Tetapi kerana serangan yang dibuat oleh pucuk pemimpin Malaysia terhadap Amerika, ia menyebabkan satu tindakan khas daripada Amerika untuk "memboikot minyak kelapa sawit Malaysia " yang mengakibatkan hari ini harga minyak kelapa sawit sudah terjunam ke \$660 setan. Yang menderita ialah peneroka peneroka, bukannya Mahathir.

Peristiwa TOL di Cheras baru-baru ini begitu meruncingkan kerana telah menyebabkan penduduk-penduduk di situ mengalami kesusahan.

Apabila kutipan tol dilaksanakan rakyat memberontak kerana mereka tidak mampu. Mereka terpaksa bayar satu ringgit tiap-tiap kali mereka lalu untuk menghantar anak ke sekolah dan satu ringgit apabila pulang . Secara kiraan kasar, sekali keluar hantar dan ambil anak sekolah dua ringgit. Pergi pasar dan balik dua ringgit . Pergi kerja dan balik (kalau tak balik makan) dua ringgit. Kalau anak-anak ada tuisyen atau aktiviti di tengah hari , lagi dua ringgit. Jumlahnya lapan ringgit tiap tiap hari . Bagaimana orang-orang berpendapatan rendah nak hidup? Bila rayuan dibuat kepada Mahathir semasa tol mula-mula di laksanakan , dia mengatakan bahawa kutipan tol ini akan di teruskan.Dia membuat kenyataan bahawa perlaksanaan tol itu mukta-mad dan tidak boleh diubah lagi.

Syarikat yang terlibat ialah TERATAI KG Sdn Bhd.

Pemegang saham-sahamnya ialah:

Maimoon Bee Abdul Majid (3.3 juta saham)
Fawziah A. Karim (9.9 juta saham)
Itjih Sjamsul Nursalim dari Indonesia (12 juta saham)
American International Assurance (13 juta)
Bank Pembangunan Malaysia (9.9 juta saham)
Lembaga Urusan dan Tabung Haji (6.5 juta saham)
Mitsui Construction Company dari Jepun (10.4 juta
saham)

Pengerusinya ialah Datuk Haji Hanafiah Haji Ahmad.

Pengarah Urusannya ialah Fawziah Abdul Karim (juga Setiausaha Syarikat itu). Lain lain ialah : Maimoon Bee Abdul Majid, A. Hadi Haji A Halim (Pengurus Kontrek), T. Shimada (Pengurus Besar), A. Fujiwara (Pengurus Pentadbiran), A. Rahman Abdullah (Naib Presiden), Ismail Yusof (Timbalan Naib-Presidan) , Nik Ibrahim Nik Abdullah (Ketua Eksekutif) , Dr. Mohd Noor Hj Harun (Kementrian Perusahaan Awam dan Bank Pembangunan Malaysia) Itjih Sjamsul Nursalim , Hassan Mohamed Ali (pengarah ganti kepada Maimoon) , Colm F. O' Keefe (dari Ireland) sebagai Pengarah Urusan dan pengarah ganti kepada Fawziah) dan Norhashim Nordin (Pengurus Besar).

Syarikat ini diberikan kontrek berjumlah \$ 269 juta untuk membina, mengendali dan menukarkan sistem beberapa lebuh raya dan jejantas yang akan melibatkan Jalan Ampang, Kampung Pandan, Bulatan Edinburgh, Bulatan Pahang, Jalan Penghujung Timur-Barat di antara Cheras dan Sungai Besi. Ini akan melibatkan pembinaan empat plaza tol yang akan memberi hak kepada syarikat ini mengutip tol selama 12 tahun. Tol pertama di tempatkan di Taman Tasik Titiwangsa , di persimpangan Jalan Pahang dan Jalan Tun Razak (60 % siap). Tol kedua dan ketiga , ke dua-dua belah Jalan Cheras. Tol yang ke empat di Jalan 2/105 di dalam Bandar Tun Razak (dulunya Kampung Kongo).

Encik Ghaffar mengatakan Syarikat yang terlibat telah membelanjakan \$588 juta untuk projek plaza tol Cheras dan telah diberi hak untuk mengutip tol selama 10 tahun. Kenyataan Ghaffar ini boleh diper-

tikaikan kerana kontrek asal dengan Syarikat tersebut ialah sebanyak \$269 juta sahaja.

Kutipan purata di sebuah plaza tol setiap hari dianggarkan sebanyak \$140,000.00, atau pun jumlahnya selama 10 tahun, \$511 juta untuk sebuah plaza tol.

$$\$140,000.00 \times 365 \text{ hari} \times 10 \text{ tahun} = \$511,000,000.00$$

Jurutera Kanan Projek Lebuhraya, R. Jayaraj berkata, "Kami hanya menjalankan tugas memungut cukai di plaza berkenaan seperti mana yang telah diarahkan mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan." Apabila tol ini mula-mula dilaksanakan pihak berkuasa Jabatan Kerjaraya bersetuju dengan cadangan bahawa jalan pintas melalui kawasan kubur ditutupkan supaya semua orang terpaksa melalui tol. Inilah yang menyebabkan orang ramai begitu marah.

Tol-tol lain dalam pembinaan seperti lebuhraya Kampung Pandan yang hampir 85% siap, Bulatan Pahang yang hampir 60% siap dan Bulatan Edinburgh yang hampir 60% siap tentu akan menyusahkan orang ramai.

Bila rakyat tunjuk perasaan mereka menyalahkan parti pembangkang dan menangkap beberapa orang pemimpin DAP, termasuk Ahli Parlimen Sungai Besi, Tan Kok Wai dan Setiausaha Politik Lee Lam Thye, Yip Soo @ Yip See dan menahan mereka di bawah ISA. Lebih daripada 40 orang lain turut ditangkap. Bila keadaan menjadi lebih buruk dengan serta merta kerajaan membuat keputusan menghentikan kutipan tol buat sementara waktu dengan alasan kajian teliti tidak dibuat dan mereka akan "membuat kajian lanjut". Ini satu kenyataan yang jelas menunjukkan bahawa kerajaan senantiasia melaksanakan projek-projek tanpa kajian akan implikasinya ke atas rakyat.

Walaupun kerajaan membatalkan kutipan tol di Ceras, saya percaya ini hanya langkah sementara sambil menunggu pilihanraya. Ia akan diteruskannya kembali selepas pilihanraya, termasuk di tempat-

tempat lain yang disebutkan sekiranya mereka kembali berkuasa. Ini disebabkan mereka sudahpun terikat dengan kontrak membayar gan-tirugi sekiranya kutipan tol tidak boleh di lakukan. Ini akan menjadi beban yang begitu berat kepada semua penduduk di sekitarnya. Tidak sepatutnya diadakan tol dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Ianya bukan saja tidak adil kepada mereka yang diam di situ tetapi juga akan menyebabkan kesesakan lalulintas menjadi lebih teruk.

Walaupun rakyat di negara kita masih ramai dalam kesusahan, Mahathir tidak peduli. Dia memberi derma dan bantuan serta bantuan teknik kepada negara-negara yang lebih kecil seperti Mauritius, Maldives, dan Pulau Fiji sehingga sanggup melabur di Mauritius dengan membuka sebuah Bank yang mana Bank Bumiputra mempunyai kepentingan.

Kita tidak faham kenapa dia berbuat demikian. Apabila kita bertanya kepadanya, jawabnya, " Kita datang dari negara yang kecil, apabila kita melawat negara yang besar-besar mereka tak peduli kita langsung, tetapi apabila kita melawat negara-negara yang lebih kecil daripada kita, kita akan disanjung tinggi lebih daripada Raja !" Saya tercengang. Semasa itu baru saya sedar bahawa Mahathir ada masalah perasaan megah diri sendiri yang dikatakan EGOnya. Dia begitu mementingkan dirinya sehingga dia sanggup membiarkan negaranya hancur untuk memuaskan perasaan egonya. Jelas dia mengamalkan sikap KERA DI HUTAN DI SUSUKAN ANAK DI PANGKUAN MATI KELAPARAN .

Saya masih teringat sewaktu Perdana Menteri Australia, Malcolm Fraser, dan delegasinya datang melawat Malaysia. Mahathir sekali lagi memuaskan egonya dengan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap mereka. Dalam satu majlis jamuan makan di rumah Duta Australia, malam itu, Perdana Menteri Australia berbisik kepada saya, "Perdana Menteri awak ini orangnya kecil tetapi ego terlalu besar." Saya meminta maaf kepadanya bagi pihak semua rakyat Malaysia.

Apabila seorang Perdana Menteri bertindak mengikut hawa

nafsunya semata-mata kerana hendak memuaskan perasaan megah diri, kita tidak boleh mengharapkan apa-apa selain daripada kerugian dan kerosakan kepada negara. Sudah tentu kita tidak mengembangkan perdagangan kita dengan Australia selepas itu!

Yang menghairankan kita selepas beberapa tahun "menyerang" British dengan dasarnya JANGAN BELI BARANG BRITISH MELAINKAN TIDAK ADA PILIHAN, tiba-tiba dia telah mengubah sikap terhadap British. Sekarang dia berlebih-lebih melayan dan berbuat baik dengan Britain bermula dengan menandatangani perjanjian untuk membeli alat-alat pertahanan negara yang begitu mahal, seperti kapal terbang yang bernama TORNADO dan kapal selam yang sudah dipakai. Harga asalnya \$4.5 billion tetapi sekarang sudah meningkat berjumlah lebih dari sebelas billion ringgit (\$11,000,000,000.00).

Dia pergi dengan Peguam Negara untuk menandatangani surat perjanjian. Tetapi selepas dia kembali, Ketua Turus Angkatan Tentera, General Hashim Ali (iparnya) memberitahu pemberita bahawa dia belum lagi mengkaji keperluan negara mengenai alat-alat pertahanan yang Perdana Menteri sudah mengikat perjanjian hendak beli! Apakah sebab sebenarnya dia begitu terdesak menandatangani surat perjanjian. Bayaran komisyen ?

Perkara ini tidak begitu menghairankan kita, kerana disiarkan dalam akhbar *Observer* di Britain bertarikh 7 hb Mei 1989 beberapa banyak komisyen mereka dapat! Satu kapal terbang TORNADO berharga £17.2 juta di jual kepada kita dengan harga £40 juta. Walaupun Negara kita tidak mampu membayarnya, Mahathir telah bersetuju membayarnya dengan pengeluaran minyak, gas, bijih timah, getah dan bahan pengeluaran utama, selama 10 tahun akan datang. Kalau laporan ini tidak benar kenapa kerajaan kita tidak dakwa surat khabar itu?

Memang tidak hairanlah di kalangan golongan ahli-ahli perniagaan terutama di Jepun kita dengar mereka sebut-sebut nama Perdana Menteri kita sebagai "P.M. sepuluh persen !"

Majalah FORTUNE menyenaraikan beliau sebagai salah seorang daripada Perdana Menteri yang terkaya di dunia.

TIDAK ADA ASAP TANPA API!

LIM DAKWA BELANJA CHOGM HAMPIR \$300 JUTA

Pembangunan semula tapak Sulaiman Court DBKL akan meterai perjanjian dengan syarikat Jepun

KUALA LUMPUR 17 Mei - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat Jepun bagi melaksanakan kerja-kerja pembanguan semula tapak Sulaiman Court yang melibatkan pelaburan tidak kurang RM500 juta. Perjanjian itu akan ditandatangani dalam bulan Mei ini.



menyediakan tanah bagi pelaksanaan projek itu manakala kesihatan kos pembangunan akan dibayar sepenuhnya syarikat dari tanah.

"Telah ditandatangani perjanjian ini pada 14 Mei 1989," kata Lim.

Lim berkata, perjanjian itu adalah antara DBKL dan sebuah syarikat Jepun yang akan melaksanakan projek pembangunan semula tapak Sulaiman Court.

Projek pembangunan semula tapak Sulaiman Court akan melibatkan pelaburan tidak kurang RM500 juta.

Perjanjian itu akan ditandatangani dalam bulan Mei ini.

Projek pembangunan semula tapak Sulaiman Court akan melibatkan pelaburan tidak kurang RM500 juta.

Perjanjian itu akan ditandatangani dalam bulan Mei ini.

Komanwel kini pertubuhan paling berjaya - Mahathir

Utara

Pembinaan Octawere yang ringkas dengan pembinaan 232 unit kawaleraan yang melibatkan kos kira-kira \$250 juta dipulaukan di atas sebidang tanah seluas 1.37 hektar (3.39 ekar) di mana ia dijangka siap sepenuhnya dalam jangka masa 42 bulan.

Terjemahan laporan *The Asian Wall Street Journal* bertarikh 31hb Mei 1988 oleh Raphael Pura .

Keluarga dan kuncu-kuncu Menteri mendapat keuntungan dalam kontrak penswastaaan.

Kuala Lumpur - Akhir tahun lepas Menteri Kerjaraya Samy Velu telah diminta supaya bersimpati kepada pengguna-pengguna kenderaan yang berhadapan dengan kemunculan plaza-plaza tol yang begitu banyak ketika Malaysia menswastakan lebuhrayanya.

Bersungut kerana dikenakan bayaran kepada sesuatu yang sebelumnya adalah percuma memanglah perkara biasa tetapi dalam kes di mana sebuah jalan yang disebutkan dalam sebuah lagu "Ayo-Ayo Samy" yang dinyanyikan oleh Hang Mokhtar, iaitu Jalan Kuching beberapa orang rakyat Malaysia melihatnya sebagai satu contoh bagaimana kemudahan politik telah mula mencorak program penswastaaan bernilai berbillion-billion ringgit.

Tanpa sebarang pengumuman kepada orang ramai akan siapa yang telah untung dari konsesi itu, kerajaan Perdana Menteri Mahathir Mohamad telah mengurniakan kontrak penswastaaan lebuhraya - yang dijangka akan mengaut M\$209 juta (US\$81 juta) dalam bentuk kutipan tol sehingga tahun 1995 - kepada sebuah syarikat yang dipunyai oleh seorang abang dan rakan niaga Menteri Kewangan Daim Zainuddin.

Pengluasan Jalan Kuching, lebuhraya utama ke arah utara dari Kuala Lumpur, adalah sebahagian daripada projek pembaikan jalanraya yang ditamatkan tahun lalu. Perancangan itu yang menumpukan di persekitaran Kepong juga melibatkan pembinaan sebuah jejantas lalulintas utama, sebuah plaza tol dan penswastaaan keseluruhan projek kepada syarikat kontrak.

Pengurniaan projek Kepong oleh Kementerian Kerjaraya itu telah diumumkan di suatu upacara menandatangani kontrak dalam bulan April 1985. Tiada apa-apa yang telah dikemukakan kepada

umum tentang bagaimana kerajaan telah memilih Seri Angkasa Sdn Bhd, sebuah syarikat tidak dikenali yang telah ditubuhkan dalam tahun 1981 dan belum pernah membuat apa-apa perniagaan, jauh sekali membina sesuatu.

Seri Angkasa telah ditubuhkan oleh sebuah ahli keluarga kepada bekas operator lombong bijih yang tidak dikenali dan kontraktor kecilan dari Negeri Selangor. Ketua keluarga itu ialah Lim Ah Tam, 61 tahun yang juga menggunakan nama Lim Bok Yeng.

Tetapi rekod umum dan temubual dengan pegawai-pegawai bank dan ahli-ahli perniagaan yang lebih tahu tentang projek Kepong menunjukkan bahawa Seri Angkasa mempunyai asas yang agak kuat jika dilihat daripada pandangan pertama. Ketika penswastan kontrak dikurniakan syarikat itu dimiliki 35% oleh Abdul Wahab Zainuddin, abang kepada Menteri Kewangan Daim dan oleh Hassan Abbas, 34 tahun seorang yang pernah menjadi rakan niaga kepada Datuk Daim yang Kementerianya sebahagian besar bertanggungjawab meluluskan kesemua kontrak-kontrak penswastan. Tetuan Wahab dan Hassan adalah pengarah-pengarah Seri Angkasa ketika syarikat itu diberi kontrak Kepong.

Seri Angkasa kemudiannya memberi kontrak keseluruhan projek kepada pembina lain dan membiayainya melalui pinjaman-pinjaman luar negeri yang dijamin oleh Malayan Banking Berhad yang dikuasai Kerajaan. Jaminan Malayan Banking Berhad telah diikat sebahagiannya oleh jaminan peribadi dari abang dan rakan niaga Daim. Pinjaman seterusnya dari Malayan Banking Berhad yang telah diuruskan bulan Disember lalu telah juga dijamin oleh En Wahab dan oleh seorang anak saudara kepada Datuk Daim. Kontrak Kepong telahpun mengaut keuntungan dari pendokong-pendokongnya. Kutipan tol atas jalan yang sibuk - satu konsesi yang dikurniakan selama 9 tahun oleh kerajaan - bermula tahun lepas dan berjumlah purata M\$50 ribu sehari. Kerajaan dijangkakan akan memberi geran tambahan selama 6 tahun atas konsesi itu sedikit hari lagi, menjadikan ia lebih bertambah menarik.

Kontrek itu juga memberi pemegang-pemegang saham Seri Angkasa peluang untuk mengambil kuasa di dalam sebuah syarikat awam Malaysia. Bulan November yang lepas kerajaan telah memberi kelulusan yang amat cepat untuk Seri Angkasa menjualkan haknya di bawah kontrek penswastaan kepada Kemunting Corp. Bhd. untuk M\$115 juta dalam bentuk saham baru Kemunting "Convertible Notes". Transeksi ini setelah dibereskan memberi Seri Angkasa penguasaan sebanyak 79.45% dalam Kamunting dan mematrikan keuntungan atas kertas yang cepat untuk pemegang saham Seri Angkasa.

Berikutan dari pesenaraian isu bonos yang besar bagi saham-saham baru kepada pemegang-pemegang saham Kamunting yang sedia ada baru-baru ini, "stock and convertible notes" Seri Angkasa dalam syarikat menjadikan nilai pasarannya melebihi M\$170 juta. Pemegang-pemegang saham Seri Angkasa sudah pun mempunyai pulangan tunai dari beberapa "notes", mengikut penganalisa sekuriti.

"Mereka mahu mengambil kesempatan dari segi pendapatan ini",kata seorang penganalisa Malaysia yang lebih tahu dalam syarikat itu. "Mereka telah menukarkan harta beku menjadi tunai; mereka boleh mengaut keuntungan sekarang sambil menguasai Kamunting."

Kamunting yang sekarang ini di urus oleh anak kepada Datuk Lim yang berumur 28 tahun, Lim Thiam Kiat, meramalkan keuntungan sebelum cukai tidak kurang daripada M\$13.5 juta untuk jangkawaktu Januari 1988 sehingga Mac 1989.

Pengaliran wang tunai yang begitu banyak dari kutipan tol Kepong juga membuka pintu kepada berbagai peluang perniagaan baru. Pada bulan lepas, adik kepada Encik Lim memberitahu pemegang saham Kamunting bahawa syarikat itu bercadang untuk memasuki bidang perusahaan dan perkhidmatan kewangan. Penganalisa industri sekuriti menyatakan bahawa Kamunting sedang bersedia untuk mendapatkan lebih banyak kontrek pembinaan jalan yang disokong oleh kerajaan dan sedang menimbangakan untuk membeli sebuah perniagaan insuran.

Seorang penganalisa sekuriti dari Singapura yang menyatakan konsesi tol "amat menguntungkan" berkata bahawa dengan Kamunting mendapat "pengaliran wang tunai yang begitu besar, mereka tentu sekali akan memulakan beberapa pembelian, mereka akan meninjau segala jenis barangan".

Encik Lim yang lebih muda itu bersedia untuk membincangkan penglibatan Kamunting ataupun Seri Angkasa dalam projek Kepong.

Syarikat induk kepada Kamunting iaitu syarikat Angkasa telah juga disusunsemula. Baru-baru ini pemiliknya telah diubahsuai melalui beberapa "holding company" yang baru ditubuhkan. Penguasaan 35% di dalam perniagaan itu yang dipunyai oleh abang kepada Datuk Daim dan rakan niaganya telah dipindahkan dalam tahun lepas kepada sebuah syarikat baru yang bermodalkan MS2 dan tidak mempunyai rekod perniagaan.

Walaubagaimanapun abangnya, Wahab, berumur 56 tahun masih membantu Seri Angkasa. Bulan Disember yang lalu dia membantu mendapatkan pinjaman sebanyak MS67.5 juta kepada syarikat dengan jaminan peribadi, sama seperti yang dilakukan oleh Mohamed Amir Mohamed Senawi, anak saudara Datuk Daim yang sekarang ini duduk dalam Lembaga Pengarah Seri Angkasa.

Projek Kepong menunjukkan mengapa kerajaan Dr. Mahathir dari semasa ke semasa telah dikritik kerana politik berat sebelah kepada kuncu-kuncunya di dalam pemberian kontrak awam. Sebagai contoh dalam bulan Mac kerajaan telah memberi projek kerja awam dan penswastan yang terbesar sekali kepada United Engineers (M) Bhd sebuah syarikat yang dikuasai oleh parti UMNO Dr. Mahathir melalui sebuah syarikat amanahnya yang diurus oleh seorang lagi rakan niaga kesayangan Datuk Daim, Halim Saad.

Pengurniaan itu memberikan kepada United Engineers kontrak bernilai MS3.42 billion untuk menyiapkan dan mengendali le-

buh raya Utara-Selatan sejauh 900 kilometer yang dijangkakan akan membawa pendapatan sekurang-kurangnya M\$17 billion dalam tempoh 30 tahun yang akan datang. Syarikat itu menjangka untuk membuat keuntungan melebihi M\$100 million dari penyusunan itu.

Persoalan yang timbul ialah adakah pemberian kontrak kepada abangnya itu adalah kerana kesayangan politik atau percanggahan kepentingan.

Contoh dari Seri Angkasa dan kontrak Kepong menunjukkan mengapa pembelian kontrak di bawah kerajaan Dr. Mahathir kadangkala menimbulkan kontroversi dan sindiran mengenai amalan-amalan perniagaan dalam negeri. Sejarah koperat syarikat itu bersifat seperti bilik pengarah yang mempunyai pintu berpusing dan penukaran pemegang saham yang kerap kali diwakili melalui syarikat kosong yang baru ditubuh dan bermodal minima M\$2 yang dikehendaki oleh perundangan.

Seri Angkasa telah ditubuhkan dalam bulan Disember 1981 oleh keluarga Lim. Ia kekal sebagai syarikat M\$2 tanpa sebarang perniagaan sehingga 22hb. Mei 1984 apabila sebanyak 999,998 saham baru bernilai seringggit diagihkan untuk tunai. Mengikut dokumen yang didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat Malaysia pengagihan tersebut pergi kepada : perniagaan keluarga Lim bernama " Triple Event Sdn Bhd " (30%) ; rakan niaga keluarga Lim yang lama bernama Abdul Ghani Abdul Manaf (35%) ; dan sebuah syarikat bernama Sri Alu Sdn Bhd (35%).

Triple Event - yang kemudiannya menukar nama kepada Triple Construction - pada ketika itu adalah sebuah syarikat berumur tujuh bulan dan dipunyai oleh keluarga Lim. Ia tidak mempunyai rekod perniagaan sebagai pembina. (Dalam tahun berakhir 31hb. Disember 1984, perniagaan itu melapurkan kerugian sebanyak M\$208,717 dari pendapatan sebanyak M\$2.2 juta. Sehingga akhir tahun 1986, Triple Construction telah mempunyai kerugian terkumpul sebanyak M\$1.26 juta).

Pada 23 hb. Mei 1984 - sehari selepas pengagihan saham - anak Datuk Lim yang berkelulusan Amerika Syarikat, Lim Thiam Kiat, dan Datuk Abdul Ghani menjadi pengarah Seri Angkasa. Begitu juga dengan abang Datuk Daim, Encik Wahab dan En Hassan. Encik Hassan seorang ahli perniagaan telah melibatkan diri sebagai seorang pemegang saham atau pengarah di dalam beberapa buah syarikat yang berhubung kait dengan Datuk Daim. Di antara peranannya Encik Wahab telah berfungsi sejak 1984 sebagai pemegang saham trustee dan pengarah dalam Daza Holding Sdn Bhd, sebuah perniagaan yang memegang melalui syarikat-syarikat lain kuasa keluarga Daim di dalam United Malayan Banking sehingga ianya dijual pada akhir 1986 untuk M\$349.1 juta.

Encik Wahab tidak menjawab permintaan bertulis untuk membincangkan peranannya di dalam Sri Alu dan Seri Angkasa. Encik Hassan seorang akauntan yang terlatih dari Britain bekerja untuk Datuk Daim di Peremba Berhad dan kemudiannya mengambil peranan di dalam syarikat-syarikat berkaitan dengan keluarga Daim dan perniagaan yang berkaitan dengan UMNO. Tetuan Hassan & Wahab mewakili Sri Alu di dalam Lembaga Pengarah Seri Angkasa. Sekarang ini Pengarah Urusan Landmark Sdn Bhd sebuah perniagaan harta yang dikuasai oleh Peremba, Encik Hassan enggan membincangkan peranannya di dalam projek Kepong. Melalui setiausahanya dia berkata dia tidak lagi terlibat dengan Seri Angkasa.

Pengagihan saham tidaklah luarbiasa kecuali untuk satu perkara: Sri Alu tidak wujud mengikut undang-undang sebagai sebuah syarikat berdaftar ketika itu. Rekod korporat yang didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat menunjukkan Sri Alu tidak ditubuhkan sehingga 13hb. Julai 1984, sehari sebelum Datuk Daim dinamakan Menteri Kewangan oleh Dr. Mahathir dan hampir dua bulan selepas syarikat itu telah diagihkan saham dalam Seri Angkasa. Mengikut rekod itu dua saham MS1 Sri Alu telah dipegang oleh Tetuan Wahab dan Hassan.

Sejak UMNO mula menguasai United Engineers syarikat itu telah juga dikurniakan : kontrek perunding untuk projek gas bernilai

M\$47.5 juta ; kontrak perunding dan pengurusan untuk kompleks sukan bernilai M\$250 juta ; kontrak untuk Lembaga Elektrik Negara bernilai M\$22 juta. Ia sedang juga mendapatkan projek penswastaan Kementerian Kesihatan mengenai stor perubatan dan perkhidmatan.

Peranan kaum kerabat dan rakan niaga Datuk Daim di dalam projek Kepong juga mencerminkan pengaruh berterusan yang dipunyai dan digunakan oleh Menteri Kewangan Malaysia yang berumur 50 tahun itu. Datuk Daim, seorang peguam tukar menjadi usahawan yang tidak dikenali sebelum Dr. Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1981 sekarang ini dianggap penasihat perniagaan dan hal ekonomi yang paling berkuasa dan terdekat kepada Perdana Menteri. Salah seorang yang terkaya di Malaysia Datuk Daim baru-baru ini telah berpindah kesebuah mahligai yang baru dibina di pinggir bukit di utara Kuala Lumpur dengan halaman luas yang dipagari tembok tinggi dan pintu pagar besi berukir.

Sejak perlantikannya sebagai Menteri Kewangan dalam 1984 Datuk Daim telah juga menjadi seorang tokoh politik yang paling kontroversal di Malaysia. Kritikan telah ditujukan terutamanya kepada tuduhan pertembungan kepentingan (*conflict of interests*) di antara peranannya sebagai kakitangan awam dan usahawan individu. Sebagai contoh 1986 dia telah menerima kecaman hebat dari pemimpin-pemimpin parti pembangkang, kumpulan pencinta awam dan serpihan anti Mahathir dalam UMNO apabila diketahui bahawa syarikat-syarikat keluarga Datuk Daim secara sulit telah menguasai bank ketiga terbesar di Malaysia, United Malayan Banking Corporation dari sebuah syarikat dipunyai oleh kerajaan selepas Datuk Daim menjadi Menteri Kewangan.

Di tengah-tengah kontroversi tersebut dan dalam bulan September 1986 kabinet memutuskan supaya Perdana Menteri memisahkan kegiatan perniagaan, Datuk Daim secara umum menyatakan bahawa dia telah menjual atau bercadang untuk menjual pelaburan keluarganya di dalam 17 perniagaan awam dan peribadi.

Tetapi beberapa syarikat yang suatu ketika itu berada di dalam lindungan korporat Datuk Daim terus dikendalikan oleh individu-individu di dalam kumpulan peniaga-peniaga Melayu muda yang sebelum itu bekerja untuk Datuk Daim semasa ia mengetuai sebuah syarikat harta yang dipunyai oleh kerajaan bernama Peremba Berhad di penghujung 1970an dan awal 1990an. Mereka-mereka ini yang mana ramai di antaranya terlatih sebagai akauntan kerap kali berfungsi sebagai pemegang saham, pengarah atau pengurus di dalam perniagaan-perniagaan keluarga Datuk Daim atau syarikat-syarikat yang dikuasai oleh UMNO. Datuk Daim telah menyelia perniagaan-perniagaan UMNO sejak pertengahan 1984 sebagai Bendahari parti. Oleh kerana amalan perniagaan Malaysia selalunya tidak memerlukan trustee memaklumkan status mereka dalam dokumen awam, biasanya amat sukar untuk mengenalpasti kepentingan siapa peniaga-peniaga itu mewakili.

Dalam satu reaksi bertulis kepada soalan-soalan yang dikemukakan kepada Datuk Daim seorang jurucakap untuk Menteri itu berkata bahawa Datuk Daim " tidak ada kepentingan " dalam Seri Angkasa. Jurucakap itu menambah bahawa " Menteri itu tidak boleh beri kenyataan ke atas urusan-urusan peribadi Encik Abdul Wahab Zainuddin dan Encik Hassan Abas ".

Di bawah undang-undang Malaysia adalah tidak menjadi kesalahan untuk sesebuah syarikat memasuki kontrek - seperti pengagihan saham - sebelum ianya ditubuhkan dengan syarat penyusunan seperti ini diperbetulkan kemudian. Peguam-peguam menyatakan amalan itu walaubagaimanapun tidaklah biasa.

Pejabat berdaftar Sri Alu ialah pejabat Datuk Daim tingkat 14 Bangunan HongKong & Shanghai Bank di Kuala Lumpur. Pejabat yang sama kemudiannya menjadi pejabat berdaftar rasmi bagi beberapa perniagaan keluarga Datuk Daim. Setiausaha syarikat yang asal kepada Sri Alu, Wan Rohayah Wan Hassan dan Engku Naiimah Engku Embong dua orang wanita yang memainkan peranan sama di dalam kebanyakan perniagaan-perniagaan lain kepunyaan Daim dan sekutu UMNO, termasuklah Hatibudi Sdn Bhd, syarikat trustee yang UMNO

gunakan bagi menguasai United Engineers

Tidak begitu jelas bila kerajaan Mahathir membuat keputusan untuk menswastakan projek Kepong. Menteri Kerjaraya Samy Velu tidak menjawab kepada permintaan yang bertalu-talu bagi membincangkan projek tersebut. Seorang jurucakap untuk Datuk Daim walaubagaimanapun berkata bahawa kabinet Malaysia telah mengambil langkah sebelum Datuk Daim memegang jawatan sekarang pada 14hb. Julai 1984.

Jurucakap itu berkata bahawa Menteri Kerjaraya telah memanggil semua tender untuk projek Kepong pada 9hb. Ogos 1984. Seri Angkasa adalah di antara yang mengambil bahagian walaupun syarikat itu masih tidak membuat sebarang perniagaan. Dalam awal tahun 1985, Seri Angkasa telah dirinya untuk memenangi kontrak penswastaaan. Pada 28hb. Mac 1985 syarikat itu memanggil mesyuarat khas. Para pengarah meluluskan satu resolusi memberi kuasa syarikat itu mengambil tender untuk kontrak kerajaan dan memasukkan penyusunan dengan kerajaan untuk mendapatkan "hak, kemudahan, lesen dan konsesi".

Dua minggu kemudiannya Menteri Kerjaraya telah menandatangani satu perjanjian dengan Seri Angkasa di mana syarikat yang masih belum memulakan perniagaan itu, jauh sekali projek pembinaan yang besar, telah dikurniakan kontrak untuk "mereka dan membina" lebuh raya "interchange", di Kepong sebuah plaza tol dan lain-lain kemudahan yang bersangkutan termasuklah untuk meluas dan menaikkan taraf Jalan Kucing. Sebagai ganti kerajaan memberi Seri Angkasa hak untuk memungut bayaran tol di "interchange" dengan penambahan jangka waktu selama 9 tahun bermula dalam Januari 1987.

Pada hari kontrak penswastaaan itu ditandatangani Datuk Samy Velu memberitahu pemberita-pemberita tempatan bahawa penyusunan dilakukan bersama Seri Angkasa kerana syarikat itulah satu-satunya yang mengemukakan satu pelan untuk menaikkan taraf Jalan Kucing kepada 6 lorong dan menawarkan jangka waktu pungutan tol yang paling pendek. Tidak pernah dimaklumkan kepada umum berapa

banyak syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Siapa-siapa mereka itu atau apakah tawaran-tawaran yang terlibat. Datuk Samy Velu menganggarkan kos projek tersebut sebanyak M\$60 juta. (Satu kenyataan Seri Angkasa bagi tahun sehingga 31hb. Disember 1986 menunjukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak M\$79.2 juta).

Dalam reaksinya kepada soalan-soalan bertulis jurucakap Datuk Daim berkata bahawa 7 buah syarikat telah mengemukakan cadangan untuk projek Kepong dan bahawa Kementerian Kerjaraya memutuskan cadangan Seri Angkasa sebagai "paling sesuai". Jurucakap itu berkata bahawa Kementerian Kerjaraya memohon kelulusan dari Kementerian Kewangan Datuk Daim bagi pelan penswastan itu. Kementerian Kerjaraya menjawab bahawa ia "tidak ada halangan" kepada cadangan selagi ianya menepati panduan-panduan penswastan oleh kabinet.

Datuk Samy Velu tidak memaklumkan peranan abang Datuk Daim dan rakan niaganya sebagai pemegang saham dan pengarah Seri Angkasa, seperti juga tidak pernah diumumkan oleh mana-mana pegawai kerajaan sejak itu.

Dengan konsesi tol dalam tangannya Seri Angkasa pergi mencari dua perkara kritikal yang dia tidak punyai : kemahiran pembinaan dan wang. Pada Ogos 1985 Syarikat itu telah memperolehi kebenaran kerajaan untuk menyerah kontrak keseluruhan projek Kepong kepada Mitsui Constructon Company dari Jepun, mengikut dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat. Pada 13hb. Ogos, Mitsui tandatangan satu kontrak untuk mengambil kerja tersebut.

Seri Angkasa "tidak mempunyai pengalaman sebenar atau rekod pengalaman" kata seorang pegawai Bank yang mahir dengan kontrak tersebut. "Mereka hanya menyerahkan kesemuanya".

Seri Angkasa yang telah mempunyai modal berbayar M\$1 juta dan tiada harta kecuali kontrak penswastan itu kemudiannya

menggunakan hak pungutan tol yang mewah dari konsesi itu sebagai modal untuk mendapatkan pembiayaan untuk projek. Pada 30hb. Oktober 1985 Seri Angkasa menandatangani sebuah perjanjian dengan Union Bank of Switzerland dari cawangan Singapura untuk pinjaman duit Switzerland untuk selama 9 tahun dan bernilai M\$93 juta. Untuk jaminan kepada pinjaman luarnegeri itu, Seri Angkasa meminta Malayan Banking yang dikuasai oleh kerajaan yang bersetuju untuk menjamin pinjaman pada 6hb. November.

Sebagai keselamatan di dalam penukaran bagi mendapatkan jaminan (bernilai M\$111.6 juta), Seri Angkasa memindahkan hak memungut tolnya kepada Malayan Banking, dengan semua pungutan akan disimpan di dalam satu akaun khas pada bank itu. Sebagai tambahan, jaminan Malayan Banking dijamin oleh jaminan peribadi kesemua pengarah Seri Angkasa ketika itu: Datuk Lim, anaknya Lim Thian Kiat, Datuk Abdul Ghani dan Encik Hassan.

Walaupun abang Datuk Daim, Encik Wahab telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah Seri Angkasa pada 2hb. Julai 1985, beliau turut memberikan jaminan peribadi kepada Malayan Banking, mencerminkan kepentingannya yang berterusan di dalam syarikat. Sri Alu yang dipunyai oleh Tetuan Wahab dan Hassan, dan Triple Construction turut mengeluarkan jaminan korporat kepada Malayan Banking.

Seri Angkasa terus menyusun semula Lembaga Pengarah serta struktur sahamnya dalam 1986 dan 1987 apabila pembinaan projek Kepong bermula. Pada 1hb. Januari 1986, Mohamed Amir Mohamed Senawi, 34 tahun menjadi Pengarah. En Amir, dikenalpasti dalam dokumen sebagai Pengurus Penyelidikan. Bulan Mac yang lalu Encik Amir yang telah mula bertambah kelihatan di dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dengan peniaga-peniaga yang berhubung rapat dengan UMNO telah dinamakan sebagai Pengarah Urusan dalam syarikat tersenarai awam "Duta Consolidated Bhd".

Pada pertengahan 1986, pemegang saham Seri Angkasa, Triple Construction dan Sri Alu telah memindahkan pejabat berdaftar

mereka ke Bangunan Peremba. Bangunan yang sama telah memuatkan pejabat-pejabat berdaftar syarikat utama kepunyaan UMNO, syarikat-syarikat dalam Kumpulan Fleet dan beberapa perniagaan yang berhubung kait dengan keluarga Datuk Daim.

Seri Angkasa juga mengubah pemegang sahamnya. Mengikut dokumen syarikat Datuk Abdul Ghani telah menjual saham 350,000 saham 35% pegangan dalam Seri Angkasa kepada Tjin Sdn Bhd, sebuah perniagaan yang ditubuhkan dalam 31hb. Mac 1986. Rekod yang disimpan dalam tahun 1987 menunjukkan Tjin mempunyai modal berbayar MS2 dan tiada perniagaan kecuali mempunyai 35% hak dalam Seri Angkasa. Dua saham Tjin dipegang oleh Lim Thian Kiat dan seorang setiausaha syarikat, Toh Ree Nee. Dokumen Tjin menunjukkan syarikat telah memberi saham Datuk Abdul Ghani pada nilai par MS1 sesaham.

Sebaik sahaja selepas Seri Angkasa memulakan kutipan tol dalam awal tahun 1987, 35% lagi pegangan dalam syarikat bertukar tangan. Di mesyuarat khas pada 12 hb. Mac tahun itu, Pengarah-pengarah Seri Angkasa meluluskan pemindahan 350,000 saham kepada sebuah perniagaan baru bernama Kencana Mewah Sdn Bhd dari Sri Alu untuk MS350,000.

Kencana Mewah adalah sebuah lagi perniagaan MS2. Ditubuhkan kurang daripada sebulan sebelum itu ia tidak mempunyai harta kecuali modal sahamnya. Syarikat itu mempunyai dua pemegang saham iaitu Mohamed Yahya Ali, seorang eksekutif di Kamunting dan Ahmad Riad Mohamed Khir, peniaga berumur 33 tahun dari Negeri Kedah. Mereka berdua berperanan sebagai pengarah Kencana Mewah.

Di waktu yang sama keluarga Lim menambah pegangan sahamnya dalam Triple Construction kepada 90% dari 35%.

Perubahan equiti menjadikan keluarga Lim menguasai secara langsung atau tidak langsung 65% Seri Angkasa, yang bermakna syarikat tidak lagi layak sebagai syarikat yang dikuasai oleh Bumiputra. Dengan penanaman modal berjumlah MS900,000, keluarga Lim dengan

itu berkongsi kepunyaan projek Kepong dengan Kencana Mewah sahaja.

Dengan projek yang dalam pelaksanaan tindakan lanjut Seri Angkasa adalah untuk menggunakan konsesi tol yang menarik itu untuk memperolehi sebuah syarikat tersenarai sebagai cara untuk memperolehi keuntungan awal dari kontrak penswastaaan. Ia menuju terus kepada Kamunting. Sebagai sebuah perniagaan lombong bijih yang kecil yang mempunyai sejarah bermula tahun 1913, Kamunting melihat pendapatan dan keuntungannya berkurangan di akhir-akhir tahun ini apabila konsesi bijihnya mula kehabisan.

Peringkat untuk Seri Angkasa diambilalih telah ditentukan pada bulan Mei 1987 apabila rakan karib keluarga Lim, Tiah Thee Kian memperolehi 18.69% bahagian dalam Kamunting. Pada 3hb Ogos 1987, tak sampai sebulan selepas Mr. Tiah pindahkan ibupejabat Kamunting dari Malaysian Mining Corporation - pemegang sahamnya yang berkuasa sebelum itu - Kamunting mengumumkan suatu perjanjian untuk membeli konsesi tol Seri Angkasa melalui pertukaran dengan saham Kamunting dan "convertible secured notes".

Dalam satu perjanjian tambahan bertarikh 16hb September 1987, Seri Angkasa menjaminkan bahawa keuntungan sebelum cukai yang diperolehi oleh Kamunting daripada kontrak penswastaaan sekurang-kurangnya M\$18 juta bagi jangkamasa 1hb Januari sehingga bulan Mach berikutnya.

Kelulusan kerajaan yang diperlu bagi meneruskan Perjanjian 3hb Ogos dilulus dengan begitu cepat sekali memandangkan cadangan pengambilalih syarikat-syarikat awam biasanya memerlukan masa berbulan-bulan. Pada 27hb Ogos Jawatankuasa Pelaburan Asing kerajaan meluluskan rancangan tersebut. Pada 8hb September Ketua Pengarah Kementerian Kerjaraya menyelesaikannya. Akhirnya, pada 5 November "Capital Issues Committee" yang begitu berkuasa - yang diketuai oleh Gabenor Bank Negara Jaffar Hussein dan bersidang atas cadangan-cadangan penyusunan semula syarikat-syarikat awam yang melibatkan perubahan ekuiti - meluluskan penyusunan dalam tempoh

kurang daripada seminggu setelah ia dikemukakan. Jawatankuasa berkenaan sedikit sebanyak telah mengubah syarat-syarat Seri Angkasa dalam proses itu.

Di syarat penawaran yang telah dikajisuai itu Seri Angkasa dikehendaki mengeluarkan 15.5 juta saham baru, saham 50 sen Kamunting dinilakan M\$2.90 satu, dan M\$69.99 juta dalam bentuk "redeemable convertible secured notes" yang mempunyai 7% faedah pada nilai par M\$1 setiap satu. (Pemegang-pemegang "convertible notes" akan menerima 5,000 saham baru Kamunting bagi setiap M\$2,900 surat yang ditebuskan). Itu menjadikan nilai kesemua tawaran M\$115 juta.

Transaksi itu memberikan Seri Angkasa penguasaan 79.45% dalam Kamunting. Penyata Kewangan Seri Angkasa bagi tahun akhir 31hb Disember 1986 (yang terakhir dimaklumkan kepada awam) menunjukkan bahawa Seri Angkasa membelanjakan sebanyak M\$80 juta - tidak termasuk kos faedah - atas pembinaan jalanraya Kepong, satu jumlah yang menunjukkan harga yang dibayar oleh Kamunting untuk projek itu mengandungi suatu harga premium atas kertas yang besar bagi penjualan konsesi tol.

Berikutan daripada pengambilalihan Kamunting, pengurusan baru syarikat itu mengeluarkan isu saham bonus dalam bulan Mach. Di bawah syarat-syarat baru pengeluaran isu bonus, pemegang-pemegang saham sediaada Kamunting menerima empat saham 50 sen yang baru bagi setiap saham Kamunting yang mereka sudah ada. Tambahan pula, pemegang saham Seri Angkasa menukarkan sebahagian daripada "M\$1 redeemable secured notes" kepada saham. Saham-saham yang diwujudkan itu disenaraikan pada Kuala Lumpur Stock Exchange dalam bulan ini.

Walaupun bagaimanapun, satu gambaran kelabu timbul dalam kenyataan akaun syarikat yang disimpan pada Pendaftar Syarikat bagi tahun akhir 31hb Disember 1986, yang menunjukkan bahawa Seri Angkasa boleh dihanguskan oleh pinjaman tahun 1985 dari Union

Bank of Switzerland. Nota-nota Juru Odit bagi akaunnya mencatatkan bahawa pinjaman itu - bersamaan nilai M\$93 juta ketika ianya didapati - telah membawa kerugian atas kertas dalam penukaran wang asing sebanyak M\$36.3 juta kepada Seri Angkasa dalam tahun 1986 kerana kenaikan nilai duit Switzerland yang begitu cepat berbanding dengan Ringgit Malaysia.

Penyata Kewangan itu menyatakan bahawa tiada peruntukan telah dibuat untuk kerugian penukaran wang asing sebab pengarah-pengarah Seri Angkasa "optimis bahawa perubahan kadar penukaran akan kembali positif" kepada matawang Malaysia.

Dalam 1987, walaubagaimanapun, "Swiss franc" telah meningkat nilai sebanyak tambahan 17% berbanding dengan ringgit Malaysia mengikut data-data Bank Negara.

Prospektus Seri Angkasa yang dikeluarkan kepada pemegang-pemegang saham Kamunting pada 18hb Januari 1988 tidak menyebut tentang potensi kerugian pada penukaran wang asing bagi 1986 ataupun bahawa tiada peruntukan telah dibuat untuknya. Prospektus itu menyatakan, walaubagaimanapun, "tiada sebarang perubahan dalam kedudukan kewangan Seri Angkasa sejak 31hb Disember 1986, tarikh terakhir akaunnya diudit."

Pada kemuncak pengambilalihan Kamunting lewat tahun lalu Seri Angkasa mengurangkan penglibatan penukaran wang asing dengan membiayai semula sebahagian besar dari pinjaman "Swiss franc" dengan tempatan. Mengikut dokumen syarikat, syarikat meminjam M\$67.5 juta dari Malayan Banking pada 22hb Disember untuk membayar sebahagian daripada pinjaman UBS.

Keadaan pinjaman baru memerlukan Seri Angkasa menggunakannya - bersama dengan tambahan M\$51 juta dalam pinjaman-pinjaman lain serta kutipan tol terkumpul - bagi membayar balik bank Swiss dan untuk memperolehi pelepasan dari jaminan 1985 Malayan Banking kepada pinjaman "Swiss franc". Tambahan lagi, Seri Angkasa dikehend-

daki supaya meletak 16.5 juta Swiss franc dengan Union Bank of Switzerland sebagai cagaran tunai bagi baki tertunggak dari pinjaman 1985 syarikat dari bank Swiss.

Pada kadar pertukaran sekarang, perjanjian pinjaman baru menunjukkan bahawa setelah membayar sejumlah M\$108.5 juta, Seri Angkasa masih berhutang bank Swiss M\$30.8 juta. Jumlah ini menunjukkan kerugian penukaran wang asing sebanyak M\$46 juta pada pinjaman asal M\$93 juta.

Pinjaman Malayan Banking pada bulan Disember yang lalu adalah untuk tujuh tahun dan dijamin oleh penyerahan "redeemable secured convertible notes" Seri Angkasa dalam Kamunting. Tambahan lagi, pinjaman itu telah disokong oleh jaminan peribadi dari Datuk Lim, Lim Tian Kiat, Datuk Abdul Ghani, Encik Amir dan Encik Yahya, dan kesemua pengarah Seri Angkasa. Abang kepada Datuk Daim, Encik Wahab juga menjamin pinjaman tersebut.

MENTERI KEWANGAN DAIM "TIDAK DAPAT MEMBERI SEBARANG KOMEN TENTANG URUSAN PERIBADI ENCIK ABDUL WAHAB ZAINUDDIN."

BAB 6

MENGENAI KOMUNIS DAN KOMANDO

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah digubal oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj untuk mengawal keganasan komunis dan subversif yang berlaku semasa darurat. Jaminan diberi oleh Tun Razak di Parlimen bahawa ia tidak akan digunakan terhadap parti pembangkang. Tetapi hari ini Dr. Mahathir sudah memungkiri janji itu. Sesiapa yang mengkritik Mahathir boleh jangka dia boleh ditahan atas sebab-sebab yang kecil dan tak menasabah. Mereka juga telah meminda Akta ini untuk menyekat sesiapa yang ditahan dari membawa kes mereka ke Mahkamah. Ini telah membuka pintu seluas-luasnya untuk penindasan dan salahguna kuasa. Hak dan kebebasan individu yang terjamin dalam Perlembagaan telah dihakis.

Apabila Mahathir mula menjadi Perdana Menteri, Setiausaha Politiknya Sidiq Ghouse telah ditangkap sebagai KGB agen oleh kerana dia didapati membawa beg yang mengandungi alat pengintip KGB. Saya tertanya-tanya beg siapakah ini. Kepunyaan dia atau Mahathir?

Apabila Mahathir menjadi Perdana Menteri dia melepaskan 3 orang yang lebih dikenali sebagai "Tiga Abdul" yang telah mengakui diri mereka komunis dan telah diberi kedudukan istimewa. Abdullah Ahmad dijadikan ahli Parlimen Kok Lanas. Abdul Samad Ismail sebagai penasihat dalam kumpulan NST. Dan Abdullah Majid mendapat jawatan penting dalam bidang koperat.

Rancangan untuk membina hospital mata oleh Russia di Pulau Langkawi menimbulkan berbagai kontroversi di kalangan doktor di Malaysia, kerana doktor-doktor daripada Russia dibenarkan masuk ke Malaysia tanpa kelulusan minima seperti yang diperlukan oleh Malaysian Medical Association (MMA). Kedua-dua Mahathir dan Ghaffar mempertahankan perkara ini dengan memberi kebenaran kepada 14 doktor dari Russia untuk masuk dengan bebas dan dikecualikan daripada kelulusan minima yang ditetapkan oleh MMA.

Sebelum itu pegawai-pegawai Russia di tempatkan di Port Klang sebagai penggered getah walaupun bantahan dibuat oleh beberapa pihak. Lepas itu Ghaffar Baba mengumumkan penghantaran beberapa orang rakyat Malaysia ke Russia untuk mempelajari menjadi Angkasawan! Baru-baru ini Samy Velu memuji pentadbiran Mahathir mengatakan, " Bukankah istimewa kerajaan kita melatih orang-orang kita menjadi Angkasawan hendak ke bulan!".

Sekarang Annuar pula mengumumkan hendak hantar penuntut-penuntut kita ke Russia! Apakah yang kita hendak belajar dari Russia? Mereka tidak pun mampu membekalkan roti untuk rakyat mereka sendiri. Negeri-negeri dalam Russia menolak fahaman komunis. Pucuk pimpinan mereka sekarang meminta bantuan daripada Barat. Saya tidak percaya Russia boleh mengajar kita ataupun membantu kita dalam apa-apa bidang.

Sejak peristiwa Operasi Lalang pada 27hb. Oktober 1987 di mana 106 warganegara Malaysia yang tidak berdosa ditahan, rakyat hidup dalam ketakutan. Mahathir mempertahankan dirinya dengan mengatakan sekiranya dia tidak menahan mereka, akan terjadi per-cetusan perkauman seperti 13 Mei 1969. Sebenarnya dialah yang bertanggungjawab kerana menghasut rakyat supaya menunjuk perasaan dan menyokong beliau. Oleh kerana dia hampir kalah dia perlu tunjuk bahawa rakyat lebih suka menyokong dia daripada Tengku Razaleigh. Dia mengarahkan supaya diadakan satu perjumpaan yang terbesar di Kuala Lumpur, supaya rakyat membanjiri Ibukota menampakkan sokongan mereka kepadanya dan akan berikrar taat setia kepadanya.

Dia memutuskan perkara ini dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Beberapa Menteri Besar di negeri-negeri telah mengarahkan penyokong mereka membawa segala alat pertahanan dan senjata yang mereka punyai dan bersedia untuk bergaduh. Tengku Razaleigh bermesyuarat dengan penyokong-penyokongnya dan selepas itu membuat keputusan untuk memboikotkan upacara di Stadium itu.

Perkembangan semasa itu tidak sihat dan rakyat tidak mahu melibatkan diri dengan satu lagi peristiwa pertumpahan darah seperti Mei 13. Tengku Razaleigh telah menyebarkan arahan kepada penyokong-penyokongnya supaya jangan pergi ke Stadium. Apabila tarikh tersebut menjelang tiba Mahathir sedar bahawa Stadium Merdeka tidak akan dibanjiri rakyat seperti yang dirancangkan. Ini akan menjejaskan Mahathir kerana rakyat akan tahu dia tidak lagi masyur.

Sebab itulah penangkapan 106 orang dilaksanakan. Ini telah menguasai dan menghancurkan kehidupan begitu ramai keluarga yang terlibat. Mereka bukan komunis tetapi telah ditahan di bawah Akta yang telah digubal untuk mengawal komunis dan anasir-anasir subversif.

Lim Kit Siang dan Karpal Singh dalam usaha mereka hendak membongkarkan perbuatan jenayah pecah amanah oleh Perdana Menteri, Ghaffar Baba, Daim dan Sanusi Junid, membawa kes United Engineers ke Mahkamah. Dalam kes itu mereka membongkarkan bagaimana ke empat-empat Menteri Kabinet ini meluluskan pemberian kontrak untuk pembinaan lebuh raya Utara-Selatan berharga lebih daripada \$3.4 billion kepada United Engineers yang mana Hatibudi Sdn Bhd memiliki 39% saham.

Jelas ini adalah pencangahan kepentingan. Bagaimana Menteri Kabinet boleh meluluskan kontrak kepada Syarikat-syarikat yang mana mereka ada kepentingan? Hakim V.C George dalam keputusannya mengata bahawa jelas satu kesalahan telah dilakukan tetapi Mahkamah tidak boleh membuat apa-apa kerana bukan bidang kuasa Mahkamah untuk membawa sesuatu kes ke Mahkamah. Kuasa ini ditakluki oleh Peguam Negara. Dialah yang berkuasa membawa kes ini ke

Mahkamah tetapi dia tidak berbuat demikian.

Mengikut fail Pendaftar Syarikat, pemegang saham yang berdaftar ialah Halim Saad dan Mohd. Razali Abdul Rahman, kawan baik dan orang suruhan Daim Zainuddin. Tetapi Samy Velu, kerana terlalu berminat hendak menyakong Mahathir telah membongkarkan perkara ini di Parlimen apabila dia "membela" Mahathir dengan keterangannya bahawa "Hatibudi ialah kepunyaan UMNO dan pemegang-pemegang sahamnya ialah Dr. Mahathir, Daim dan Sanusi Junid".

Kenyataannya itu telah mengesahkan apa yang kita telah syak selama ini tetapi tidak mendapat bukti yang jelas. Nyata sekali mereka telah melakukan pecah amanah apabila mereka sebagai Menteri Kabinet telah meluluskan pemberian kontrak kepada syarikat yang mana mereka ada kepentingan. Jelas pencanggahan kepentingan (conflict of interest) telah dilakukan. Perkara ini tidak pernah diberitahu kepada kita selama kita berada di dalam UMNO. Kenapa pula, apabila kesalahan sudah didapati berlaku, ia tiba-tiba jadi hakmilik UMNO? Pada peringkat ini, yang salah patut diperbetulkan. Tetapi tidak. Mahathir sanggup mengheret UMNO ke dalam lumpur. Parti-parti pembangkang dan beberapa pertubuhan-pertubuhan dan organisasi-organisasi mengkritik dan mengecam UMNO atas kesalahan ini. Nama baik UMNO terjejas dan kita semua terlibat kerana perbuatan salah ini. Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO selepas pengumuman Samy Velu di Parlimen, barulah Mahathir dengan nada yang rendah mengaku, "Sebenarnya Hatibudi hakmilik UMNO. Kita berbuat demikian untuk mengutip duit untuk bayar bangunan UMNO, PWTC".

Sudah tentulah hampir keseluruhan ahli-ahli Majlis Tertinggi memujinya atas "tujuannya" itu dan sengaja melupakan atau sengaja tidak mahu ambil tahu bahawa tindakan ini melibatkan perbuatan jenayah. Sekiranya sebab-sebab yang diberi oleh Mahathir itu benar, di mana perginya semua duit dan komisyen yang dipungut itu? Kenapa pinjaman-pinjaman tidak dibayar balik? Duit faedah di Bank pun tidak dibayar. Kenapa kepura-puraan hendak melelong bangunan PWTC oleh Bank Bumiputra walhal kita semua tahu Tan Sri Basir, selaku

Pengerusi BBMB semasa itu mencrima arahan daripada Mahathir dan mengarahkan tindakan itu?

Sudah tentu Mahathir menyalahkan Tengku Razaleigh atas pinjaman yang banyak. Sebenarnya Mahathirlah yang menjadi pihak terakhir berkuasa, yang meluluskan kertas-kertas projek dan akaun-akaunnya apabila ia dibentang dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO. Dialah yang mengambil berat atas "jamban Jepun". Dia melawat bangunan itu beberapa kali semasa ia sedang dibina. Dalam satu lawatan saya juga mengikutinya untuk memeriksa bangunan itu. Tengku Razaleigh hanya menjadi anggota Jawatankuasa itu apabila dilantik oleh Dr. Mahathir.

Satu publisiti istimewa yang diaturkan oleh budak suruhan Mahathir, Kamaruzaman Bahadun yang digelar "Kip" mempamerkan perabot-perabot yang dikatakan "mahal", adalah satu lagi tindakan kebudakan untuk memburukkan Tengku Razaleigh. Mereka menyalah Tengku Razaleigh kerana membina satu "bangunan yang mahal" tetapi mereka memonopolikan bangunan itu untuk kegunaan UMNO Baru dan tidak memberi peluang langsung kepada ahli-ahli UMNO lama yang tidak memasuki UMNO Baru. Sebenarnya "Kip" lah yang sepatutnya ditangkap kerana tindak-tanduknya dengan kumpulan "kommando-komandonya" yang senantiasa bertindak menyalahi undang-undang, mengugut dan memutar-belit keadaan. Saya biasa menulis surat membuat aduan mengenai "Kip" ini apabila dia mengada-ngada semasa pilihanraya, di mana dalam kawalan bangunan ini IGP Tan Sri Haniff pun disuruh tunggu untuk mendapat kelulusan daripada dia baru boleh masuk bangunan. Apabila saya membuat aduan rasmi mengenainya bukan Mahathir hendak pecatnya tetapi memberi dia jawatan sebagai Pengarah Urusan di Hotel Merlin yang berakhir dengan Hotel ini jadi bankrap. Sekarang dia menguasai bangunan PWTC pula dan bertindak sebagai maharajalela dan memanggil dirinya Presiden di PWTC!

VIDEO LUCAH 'PANASKAN'

KUALA LUMPUR— Gerakan Tindakan Pencerai DAP, Setia Kerja Siswa telah mengadakan demonstrasi bertajuk 'Panaskan' di hadapan Dewan Parlimen pada 27 Januari.

DAP DESAK PECAT PEGUAM NEGARA

28 Januari 1990

Malaysia Today

— HATAN — DAP

Desak agar membatalkan tindakan memecat peguam negara — 28.1.90

ALIRAN gesa Abu Talib letak jawatan

KUALA LUMPUR—Pergerakan 11 ahli video dan 4 anggota serok yang menggunakan simbol video sebagai simbol perjuangan mereka menuntut Senator Datuk Saari, Exco D.P. Utangan dipecat sebagai ahli video.

Pegawai Negara berketik dalam video...
...menyatakan video...
...tidak boleh...

Kenyataan Peguam Negara bercanggah dengan Perlembagaan

Musnah pita video: Senator terkejut



KUALA LUMPUR: Peguam Negara Datuk Seri Mohd Haniffa bin Mohd Yusoff telah berucap dalam sidang media di Dewan Parlimen pada 27 Januari 1990 mengenai tindakan memusnahkan pita video yang berkaitan dengan video lucah yang ditayangkan oleh DAP.

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Gerakan Pencerai DAP, Datuk Chong Tak Joo, berkata atas "tindakan" yang diambil oleh Peguam Negara memusnahkan pita video merupakan satu tindakan yang bercanggah dengan Perlembagaan.

D.P. VIANDRAN berucap dalam sidang media di Dewan Parlimen.

SENATOR ABU TALIB berucap dalam sidang media di Dewan Parlimen.

Viandran berkata video lucah itu adalah milik DAP dan ia adalah hak milik DAP. Beliau berkata video itu adalah hak milik DAP dan ia adalah hak milik DAP.

Viandran berkata video lucah itu adalah milik DAP dan ia adalah hak milik DAP. Beliau berkata video itu adalah hak milik DAP dan ia adalah hak milik DAP.

Skandal video Vijandran masih belum selesai

BAB 7

MEMUSNAHKAN BUKTI

Apabila SKANDAL VIJANDRAN pita video tercetus semua orang begitu minat menunggu perkembangan kes Mahkamah di antara Vijandran dan Karpal Singh. Tiba-tiba kita baca dalam akhbar bahawa Peguam Negara telah membuat kenyataan bahawa dia sudah mengarahkan polis supaya memusnahkan pita-pita video itu.

Bagaimana dia boleh berbuat demikian ? Mengikut Kanun Keseksaan dan Kanun Aturcara Jenayah, tidak sesiapa boleh mengubah, menukar ataupun memusnahkan bahan bukti Mahkamah tanpa perintah Mahkamah. Kesalahan ini boleh membawa hukuman penjara selama beberapa tahun. Mengikut desas-desus, Mahathir lah yang menyuruh pita-pita ini dimusnahkan kerana ada muka-muka pemimpin UMNO Baru dalamnya. Betul atau tidak ? Mahathir (mengikut kenyataannya dalam Parlimen) menganggap orang seperti ini ialah berpemikiran serong. Dia ada beberapa kamera diletak pemerata-rata tempat strategik dalam rumahnya dan biasa ada keramaian yang luarbiasa, jadi tak hairanlah sekiranya beberapa muka pemimpin-pemimpin UMNO Baru ada di dalam pita-pita video ini. Ada seorang kenalan saya yang sanggup bersumpah yang dia ada nampak muka Anwar dan Najib dalam satu daripada pita-video ini, tetapi oleh kerana saya tidak pernah lihat satu pun daripada pita-video ini, saya tidak dapat mengesahkannya.

Saya tidak kisah samaada muka pemimpin-pemimpin UMNO Baru ada atau tidak dalam pita-video . Apa yang menjadi kebimbangan

saya ialah bahan bukti Mahkamah telah dimusnahkan dan ini melanggar undang-undang.

Seksyen 201 Kanun Keseksaan berkata:

“Sesiapa, yang tahu atau ada sebab-sebab mengetahui bahawa satu kesalahan telah dilakukan, menyebabkan apa-apa bahan bukti mengenai kesalahan itu dilesapkan dengan tujuan hendak melindungi pesalah itu dari dihukum atau dengan pengetahuan bahawa dia akan melindungi pesalah itu dari menerima hukuman, atau dengan tujuan itu atau pengetahuan memberi maklumat yang dia tahu tidak betul, akan, sekiranya kesalahan itu akan membawa hukuman mati, dipenjarakan sehingga tujuh tahun, dan akan didenda; dan sekiranya hukuman itu boleh dikenakan hukuman mati atau penjara selama sepuluh tahun, boleh dipenjarakan selama tiga tahun, dan akan didenda; dan sekiranya ia boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi sepuluh tahun, boleh dipenjarakan selama satu perempat dari hukuman penjara yang terpanjang, atau didenda atau kedua-keduanya sekali.”

Seksyen 204 Kanun Keseksaan berkata:

“Sesiapa menyembunyikan atau memusnahkan sebarang dokumen dimana beliau menurut undang-undang mesti mengemukakan dokumen itu sebagai bukti di Mahkamah atau di dalam apa-apa perbicaraan yang menurut undang-undang yang diadakan oleh kakitangan awam atau menghapuskan atau mengatitkan supaya tidak dapat di baca keseluruhan atau sebahagian dari dokumen tersebut dengan tujuan menghalang dokumen itu daripada dikemukakan atau digunakan sebagai bukti di Mahkamah atau kakitangan awam yang tersebut atau selepas beliau telah dikerah menurut undang-undang atau dikehendaki menggunakan dokumen untuk tujuan yang sama, akan dihukum penjara untuk tempoh yang mana boleh di-

panjangkan sehingga dun tahun, atau dengan denda, atau kedua-dua sekali."

Dibawah seksyen 413 Kanun Acara Jenayah :

- (i) Sekiranya pegawai polis rampas atau jumpa apa-apa bahan bukti yang diambil di bawah seksyen 20 atau dijangka dicuri atau dijumpa dalam keadaan yang menimbul syak wasangka bahawa suatu kesalahan sudah dilakukan, mesti melaporkannya kepada Pengadil, yang mana perintah yang sesuai akan dibuat mengenai penyerahan bahan bukti tersebut kepada orang yang berhak terhadapnya, atau sekiranya orang itu tidak dapat dikesan, mengenai cara simpanan dan keluaran bahan bukti itu .
- (ii) Sekiranya orang yang berhak itu dikenali, Pengadil boleh buat perintah menyerahkan bahan bukti itu kepadanya dengan syarat-syarat, sekiranya ada, yang difikirkan perlu oleh Pengadil, dan akan serahkan notis diberi kepadanya memberitahu syarat-syarat perintah dan meminta dia mengambil bahan bukti itu dalam tempoh yang tertentu (tidak kurang daripada 48 jam) yang akan ditetapkan oleh Pengadil.
- (iii) Sekiranya orang itu tidak dikenali Pengadil boleh memerintah bahawa bahan bukti itu boleh disimpan dalam simpanan polis, dan pegawai polis akan, dalam keadaan demikian, keluaran satu kenyataan awam menyenaraikan jenis bahan bukti itu dan meminta sesiapa yang berhak datang kepadanya dan membuat tuntutan dalam tempoh enam bulan daripada tarikh kenyataan itu:

Kecuali, apabila dibuktikan kepada Pengadil bahawa bahan bukti itu tidak ada nilai, atau terlalu kecil nilainya, dalam pemikiran Pengadil, tidak boleh dijual atau simpanannya tidak menasabah kerana perbelanjaan yang terlibat atau kesusahan,

bolehlah membuat perintah untuk memusnah atau melepaskannya dengan apa cara bahanbukti itu selepas tempoh pemberitahu itu atau segera mengikut apa yang difikir patut.

- iv) Tiap-tiap pemberitahuan bawah seksyen (iii) akan, sekiranya barang itu berharga lebih dari lima puluh ringgit , disiarkan dalam Gazette."

Saya percaya sekiranya yang terlibat bukan Vijandran (dari MIC , Barisan Nasional) tetapi daripada parti pembangkang, pita-pita video itu tidak akan dimusnahkan begitu cepat, terutama sekali oleh kerana perkara itu dalam siasatan. Mungkin ia akan lebih cepat ke Mahkamah.

Sekiranya kita fikirkan bahawa memusnahkan bukti adalah perkara begitu serious, apa hal dengan pembunuhan saksi-saksi? Ia berlaku dalam wayang gambar dan cerita koboi tetapi takkan berlaku di negara kita? Kita fikir tidak . Tetapi ia telah terjadi.

Lebih setahun lalu , satu liputan akhbar muka depan tentang pembunuhan seorang wanita Melayu bernama MUSTAKIZAH tiba-tiba disenyapkan. Sibuk diperkatakan bahawa wanita ini ialah teman wanita Megat Junid. Samaada dia itu teman wanita atau isteri Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak menjadi sebab mengapa perkara ini mesti ditutup. Pembunuhan tetap pembunuhan dalam apa saja bentuknya dan pembunuh-pembunuh itu mesti dibawa kemuka pengadilan. Keluarganya masih hidup dalam ketakutan, kerana mereka diugut akan dibunuh sekiranya mereka mengeluarkan bukti tentang hubungan itu. Ada orang yang telah melihat surat nikah di antara Megat Junid dan simati itu , dan telah mengesahkannya kepada saya.

Memang disahkan bahawa dia adalah seorang pelawat yang sering kali pergi ke Kementerian Dalam Negeri. Dia mempunyai satu pas istimewa yang membolehkan dia keluar masuk sesuka dia. Saya difahamkan bekas banduan, Abdullah Ang pun semasa dia menjalankan hukuman penjara di Pudu, mempunyai pas istimewa juga yang

.nbolehkan dia keluar masuk penjara sesuka hatinya (selain daripada beberapa hak istimewa yang lain, termasuk adanya tilam airnya semasa dalam penjara).

Mengikut cerita-cerita dari kawan-kawan rapat denganya Menteri ini telah bersama dengan wanita ini hampir tujuh tahun dan mula merasa bosan dengannya oleh kerana banyak sangat permintaannya. Kawan-kawannya beritahu saya dia biasa menyuruh mereka pergi mencari bomoh supaya wanita ini meninggalkannya. Tetapi "bomoh" pengasih wanita ini lebih "kuat" daripada bomohnya dan dia tidak berjaya melepaskannya.

Lebihkurang enam bulan sebelum Mustakizah dibunuh dia telah dilanggar oleh kereta. Pelanggaran ini tidak membunuhnya tetapi dia patah kaki. Lepas itu dia mengesyaki bahawa ada orang hendak membunuhnya. Dia pun mengambil seorang pengawal peribadi. Pada hari yang ditakdirkan itu , kerana sudah siang, pengawal peribadinya pun pulang . Dia sedang membasuh kereta apabila pembunuh itu menyeranginya. Bukan sahaja mereka menembaknya tetapi mereka juga mengapaknya dengan kejam. Daripada laporan akhbar-akhbar kita difahamkan bahawa ada saksi dan namanya ada dalam fail polis. Saksi ini telah nampak dua orang pembunuh.

Pada Satu hari pemuda Melayu ini pergi "berjogging". Tiba-tiba dia dibunuh dengan cara yang sama dengan Mustakizah, ditembak dan dikapak. Akhbar melapurkan kejadian ini berlaku di Batu Pahat, tempat asal keluarga Mustakizah. Selepas itu tidak ada lagi sebarang liputan dalam akhbar atas perkembangan siasatan. Saya difahamkan pihak pemberita diarah supaya jangan lagi menyiar sebarang berita tentang kes ini.

Sekiranya Timbalan Menteri ini mengarahkan suratkhbar supaya jangan menyiarkan lagi berita tentang pembunuhan itu, adakah dia hanya hendak menutup buah mulut orang tentang perhubungannya dengan wanita ini sahaja atau adakah dia hendak menyorok sesuatu? Isu yang penting di sini bukan lah samaada dia itu "girlfriend" atau isteri

Timbalan Menteri ini, tetapi dua pembunuhan kejam sudah berlaku yang sehingga hari ini pembunuh itu belum dikesan. Yang anihnya tidak lagi ada sebarang berita tentang kemajuan siasatan yang dibuat oleh polis. Walau pun seseorang itu kawan atau isteri sesiapa, pihak polis mesti bertindak sama tanpa berbelah bagi. Minat saya dalam perkara ini ialah supaya keadilan ujud dan pembunuh-pembunuh dibawa ke muka pengadilan.

Dalam suatu pentadbiran kerajaan yang adil apabila seseorang Menteri ada hubung kait dengan apa-apa kes, sepatutnya dia mesti ditukar atau dipindah ke jabatan atau Kementerian lain untuk membolehkan polis menyiasat serta bertindak tegas dan adil. Mengikut peraturan Perdana Menteri (dan juga Menteri Dalam Negeri) sepatutnya bertindak demikian.

Saya tidak faham mengapa Perdana Menteri tidak bertindak demikian? Saya masih ingat semasa bekas Menterinya Mokhtar Hashim dituduh membunuh, Mahathir enggan berbuat apa-apa atau mengikut peraturan dengan menggantung jawatannya sehingga selesai perbicaraan kesnya. Hanya di saat yang akhir apabila terdesak oleh semua pihak barulah dia bertindak.

Memang saya biasa mendengar, dalam suatu majlis makan malam di Perak, Timbalan Menteri ini menceritakan bahawa pada satu masa dulu mereka berkawan baik. Megat biasa menolong Mahathir semasa orang lain "tidak peduli pun" padanya semasa Mahathir "ditendang keluar" UMNO dan semasa itu dia merayau-rayau mencari simpati dan kawan.

Sebagai Perdana Menteri dia mesti senantiasa bertindak bebas, tegas dan adil walaupun ia melibatkan seorang kawan atau saudara. Tetapi Mahathir tidak boleh berbuat demikian. Inilah satu daripada kelemahan dalam karektornya yang dia tidak boleh ubah.

BAB 8

TEKA-TEKI BMF

Apabila skandal BMF terdeteksi dalam akhbar, kita semua terkejut kerana tidak tahu menahu langsung apa yang telah terjadi dan siapa yang bertanggungjawab. Kita hanya membaca dari akhbar tuduhan menulu yang telah dibuat oleh Mahathir terhadap Senator Kamarul Ariffin, bekas pengerusi Bank Bumiputra. Semua orang tertanya-tanya. Lepas itu Senator Kamarul telah di ganggu oleh pihak berkuasa, khasnya Kementerian Dalam Negeri apabila mereka mengge-ladah rumahnya dan mengganggu kententeraman keluarganya. Walaupun dia cuba membela diri dan memberi keterangan tetapi serangan Mahathir terlalu kuat dan dia tidak boleh berbuat apa-apa dan letak jawatan. Bagi kita yang tidak tahu apa-apa kita hanya boleh bergantung kepada apa yang disiarkan dalam akhbar sahaja.

Walaubagaimanapun dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Rais Yatim dan saya memberanikan diri dan bertanya Dr. Mahathir tentang skandal BMF itu. Jawapannya membuat kita ter-cengang apabila dia berkata:

“ Awak boleh menjadi tiga monyet, tidak dengar apa-apa yang tidak baik, tidak lihat apa-apa yang tidak baik dan tidak cakap apa-apa yang tidak baik. ”

Hanya Mahathirlah yang tahu tentang perkara ini tetapi dia tidak mahu menerangkannya kepada kita.

Walaupun Senarator Kamarul dipersalahkan, perkara in tidak berhenti disitu sahaja tetapi berterusan. Dalam beberapa laporan akhbar selepas itu kita dapat tahu bahawa lebih daripada 2/3 jumlah pinjaman telah diluluskan semasa Nawawi Mat Awim menjadi pengerusi Bank Bumiputra yang dilantik oleh Mahathir untuk menggantikan tempat Kamarul Ariffin. Dalam pemilihan pegawai pegawai UMNO pada 1984 saya menyecrangnya dan berkempen untuk menjatuhkannya secara terbuka kerana saya menyangka bahawa dialah yang menyebabkan kerugian begitu besar kepada Bank Bumiputra, yang mana duit itu sepatutnya dijadikan modal untuk membolehkan orang Melayu mulakan usaha-usaha dan perniagaan mereka supaya kita dapat ujudkan "enterpreneur" dan usahawan Melayu. Apabila tidak tahan kena serangan-serangan ini beliau pun menulis surat kepada ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO menerangkan bahawa perbuatannya mengikut peraturan . Dia juga pernah menerangkan bahawa dia bertindak mengikut arahan Dr. Mahathir.

Dia menerangkan keputusan ini dicatit dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah bank itu. Apabila Hashim Shamsuddin dihadapkan ke Mahkamah Hong Kong dia telah dipujuk supaya mengaku salah. Dia telah dijanji bahawa dia hanya akan menerima hukuman hukuman ringan. Apabila dia mengaku salah, dalam keterangannya dia memberitahu bahawa selaku lembaga pengarah , dia turut memberi kelulusan tersebut atas arahan Dr. Mahathir. Kenyataan ini disiarkan dalam *Asian Wall Street Journal* di Hong Kong tetapi tidak ada satu patah pun dilaporkan di dalam media tempatan. Pada mulanya Hashim dikenakan hukuman ringan tetapi dalam rayuan oleh pihak Pendakwara Mahkamah Rayuan telah memanjangkan lagi tempoh hukuman penjaranya.

Dalam satu lawatan saya ke England pada tahun 1988, ketika anak saya lulus dari Universiti saya pergi untuk menghadiri konvokesyennya. Pada masa itu berita tentang penahanan bekas Pengurus BMF ,Lorraine Esme Osman begitu hebat . Saya berusaha mencari isterinya. Akhirnya menerusi seorang kawan peguam di London saya berkesempatan berjumpa dengannya . Saya telah kenal mereka berdua

semasa mereka dalam keadaan senang di Kuala Lumpur. Sekarang mereka dalam keadaan susah, saya ingin tahu samada kawan-kawan membantu atau tidak. Mengikut apa yang saya dengar daripadanya kawan-kawan baik dan rapat dulu dulu sudah pun hilang dan ada yang terhutang kepadanya pun tidak mahu membayarnya walaupun mende-sak kerana sangat memerlukannya.

Dia dan anak perempuannya diam didalam satu rumah pangsapuri di London tanpa segala kemewahan yang mereka biasa alami. Saya sedih melihat keadaannya. Saya bertanya kepadanya kenapa Lorraine tidak mengikut Hashimi dan mengaku salah, mungkin lepas beberapa tahun dia akan dibebaskan dan akan dapat bersama keluarganya tanpa di ganggu gugat oleh sesiapa? Saya bertanya kepada Lorraine apabila saya turut mengikut isterinya dalam satu lawatan hariannya dalam kereta kecilnya pergi ke penjara Pentonville untuk berjumpa dengannya. Beliau menjawab, "Marina bagaimana saya hendak mengaku salah kalau saya tidak bersalah?". Benar juga katanya itu.

Katanya lagi, "Saya rasa bimbang dari segi keselamatan dan nyawa saya sekiranya saya menyerah diri ke pihak berkuasa di Hong Kong. Saya tidak mahu dibunuh seperti Jalil Ibrahim. Saya percaya kerajaan British mempunyai bukti terhadap siapa yang bertanggungjawab tentang pembunuhan itu".

Dalam perbualan kami Lorraine juga menyebut pada masa dia menjadi pengerusi BMF, dia begitu menghormati Dr. Mahathir. Tetapi kebelakangan ini katanya, Dr. Mahathir bertindak seperti orang yang mengalami tekanan otak (brain tumor) dari segi cara dia membuat keputusan yang tidak seimbang kebelakangan ini yang menyebabkan keadaan kucar-kacir. Mengikut isterinya ayah Lorraine ialah seorang doktor, mungkinlah dia mendapat panduan daripada bapanya.

Lorraine berkata kepada saya bahawa dia sanggup menyerah diri kepada pihak berkuasa, sekiranya kesnya dibawa ke Mahkamah di Malaysia. Dia yakin dengan kawalan keselamatan oleh polis dan juga

ini belum terjadi kes pemecatan Tun Salleh). Pada masa saya melawatnya dia sudah di tahan selama dua tahun . Sekarang menjadi empat tahun. Berapa lama lagi dia mesti di tahan sebelum dia mendapat keadilan ?

Memang perkara biasa apabila kita berperinsip dan berjuang menegakkan kebenaran dan keadilan kita terpaksa tempuh segala cabaran dan dugaan. Siapa yang lemah semangat akan berkecai di tengah jalan tanpa mencapai apa-apa kejayaan dan akan menyesal sepanjang hayatnya. Tetapi apabila kita berperinsip dan berdiri teguh atas kebenaran kita akan merasa begitu mulia dan berani mengangkat kepala dengan perasaan kita sudah berusaha setakat yang kita terdaya dan tidak akan disumpah oleh anak cucu kita.

Beberapa ketika selepas perjumpaan itu saya berpeluang berjumpa dan bertanya kepada Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Osman, tentang kenapa kes BMF tidak dibawa ke Mahkamah di Malaysia. Jawabnya tidak cukup bukti. Kalau tidak cukup bukti bagaimana kes ini boleh dibawa di Mahkamah di Hongkong? Jelaslah bahawa Dr. Mahathir bertanggungjawab dalam skandal BMF. Sekiranya kita berada dalam sesuatu organisasi perniagaan dan membuat keputusan dan mengambil tindakan yang begitu buruk sudah tentu kita akan dipecat. Kalau dia seorang berperinsip sudah tentu dia akan letak jawatan sebelum dipecat. Tetapi dia begitu gila kuasa dan tidak berperinsip sudah tentu apa pun kesilapan yang dia lakukan dia tidak akan mengaku. Dia tidak akan meletakkan jawatan .

Oleh itu kita mesti bertindak menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebagai rakyat yang sayang kepada bangsa dan tanah air. Kita mesti menentukan bahawa dia tidak lagi berpeluang meneruskan segala kemungkaran dan penyelewengan ini.

**KITA MESTI PASTIKAN BAHAWA RAKYAT AKAN MEN-
GUNDI UNTUK PERUBAHAN!**

PEMBOHONGAN DAN TIDAK KEADILAN

Sejak dari kecil lagi saya diajar supaya " jangan bercakap bohong " dan mesti jujur dalam segala perbuatan saya. Selepas lulus undang-undang, perbezaan di antara benar dan salah begitu jelas. Kebenaran dan kesalahan menjadi mutu pertama dalam pemikiran saya bila tiba masanya untuk membuat keputusan dan menghukum orang. Ia juga sebahagian daripada pengajaran undang-undang saya. Pengalaman sebagai Pengadil dan Presiden Mahkamah Session lagi menguatkan perasaan keadilan ini. Kadang kala saya memikirkan memang ada undang-undang " tidak adil " dan ekstrim. Saya tidak menjatuhkan hukuman membabi buta seperti yang dibuatkan oleh sesetengah pihak. Saya berbincang dengan pihak yang lebih tua daripada saya serta Hakim-Hakim dari masa ke semasa dan memikirkan keputusan yang paling wajar dibuat dari segi keadilan.

Ada satu ketika di Mahkamah Session di Butterworth apabila saya bersidang sebagai Presiden, seorang tua India telah dibawa ke hadapan saya di Mahkamah. Dia telah ditangkap oleh polis kerana didapati memiliki satu pistol mainan yang telah dibelinya untuk cucunya. Dia mengaku salah pada tuduhan yang dibuat oleh DPP terhadapnya walaupun ianya begitu serious dan tidak sepatutnya dibawa. Pistol itu berbentuk plastik hijau dan begitu jelas satu permainan kanak-kanak dan tidak sekali-kali boleh disilapkan atau di salah anggap sebagai pistol betul.

Walaupun saya menarik perhatian pendakwaraya terhadap fakta ini, tanpa memikir panjang dia terus menjawab bahawa dia tidak ada arahan lain, oleh kerana itu dia terpaksa meneruskan kes ini. Saya tidak terus menjatuh hukuman tetapi saya menangguh perkara ini ke tarikh lain dan pergi berjumpa dan berbincang dengan Hakim S.S. Ong serta meminta nasihatnya. Dengan panduannya saya berjaya mencari jalan mengelakkan keputusan menghantar seorang tua yang tidak bersalah ke penjara. Saya masih ingat kes ini dengan terang kerana saya terfikir sekiranya orang lain bersidang pada hari itu mungkinkah dia hantar orang tua ini ke penjara tanpa penyelidikan lanjut mengikut peraturan dan undang-undang. Orang ini sudah pun mengaku salah. Polis diarah untuk meneruskan kes ini. DPP memberitahu dia tidak ada arahan untuk menarik balik kes ini. Jadi apa boleh Pengadil atau Presiden berbuat dalam keadaan demikian? Panduan saya pada masa ini bukanlah semata-mata mengikut undang-undang dan mentadbir cara membabi buta tetapi mencari jalan menentukan bahawa keadilan senantiasa dilaksanakan. Kadang-kadang mengikut undang-undang sahaja tanpa mengira faktor lain tidak bermakna keadilan wujud.

Pada tahun 1988 saya menjadi mangsa dalam kes yang di bawa oleh EPF terhadap saya sebagai tuan punya syarikat guaman saya. Saya dituduh tidak membayar caruman EPF lebih kurang lima puluh ringgit untuk pekerja saya. Apabila saya siasat saya dapati bahawa bayaran dibuat tetapi lambat sedikit kerana melebihi had masa yang ditetapkan oleh undang-undang, iaitu dalam tempoh sebulan. Kerana itu saya diheret ke Mahkamah beberapa kali oleh kerana Pengadil tidak ada kuasa hendak membatalkan kes itu dan oleh kerana pihak pendakwa daripada EPF "masih menunggu arahan" dan DPP begitu kejam menegaskan kes ini mesti diteruskan.

Kadang-kadang saya tertanya samada mereka ini manusia atau robot. Ada banyak kes-kes yang kecil dan tidak penting dibawa ke Mahkamah. Ini menyebabkan kerugian kepada pembayar cukai dan kewangan negara tetapi tidak ada siapapun yang peduli untuk memperbetulkan keadaan ini. Perlaksanaan undang-undang diteruskan mengikut nafsu dan tanpa memikirkan keadilan kepada semua pihak.

Memang perkara biasa beribu majikan membayar caruman EPF mereka lambat. Hanya beberapa orang sahaja yang tidak disukai akan dipilih untuk dikenakan tindakan. Bukan sahaja Mahkamah tetapi juga beberapa jabatan kerajaan seperti Jabatan Hasil Dalam Negeri digunakan untuk menyusahkan beberapa orang yang tidak berdosa. Beberapa pengikut Tengku Razaleigh sudah di geladah rumah dan pejabat mereka.

Boleh dikatakan tiap-tiap hari sekarang kita nampak Dr. Mahathir berlakon dalam television . Mengikuti hawa nafsunya dia memutar belitkan fakta dan kebenaran, memburukkan sesiapa saja yang dia agak tidak menyokongnya . Sebagai tukang sihir dia boleh dengan serta merta menukarkan imej orang yang berpangkat tinggi dan yang disanjung tinggi oleh negara menjadi orang "jahat" dan "anti kerajaan". Oleh kerana mereka berani bercakap atau mengkritik atau menegur sesuatu mereka dianggap musuh dan segala usaha dan tenaga digunakan untuk memburukkan mereka dibuat dengan tuduhan-tuduhan yang melulu dan tidak berasas. Menuduh parti pembangkang, memburukkan sesiapa sahaja yang berhubung dengan parti pembangkang.

Memang ajaib bagaimana Mahathir boleh menuduh orang membuat kesalahan yang sebenarnya dia yang membuatnya. Dia menuduh Tengku Razaleigh membunuh UMNO tetapi sebenarnya dialah yang bersalah. Dia menuduh Tengku Razaleigh boros dalam pelaksanaan bangunan PWTC walhal sebenarnya dialah yang membuat keputusan terakhir bila laporan tentang bangunan itu dibentang dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.

Dia menuduh Datuk Harun tidak mengenang budi walhal Datuk Harunlah yang membawa dia kembali ke dalam UMNO. Dia menuduh Tun Suffian (Bekas Ketua Hakim Negara) tidak mengenang budi semata-mata kerana Tun Suffian dan sekumpulan orang-orang ternama dan boleh dipercayai menubuh sebuah jawatankuasa yang dinamakan Pengesanan Pilihanraya untuk membantu mengawasi pilihanraya. Ia tidak ada kena mengena dengan mengenang budi.



Siti Norma Yaacob [sekarang Hakim Mahkamah Tinggi] bersama Marina semasa mereka menjadi Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kedua mereka menghadiri pembukaan rasmi Mahkamah Tinggi yang baru di Kelang pada 1965.

Sebenarnya Mahathir lah yang patut berterima kasih. Di sini ada seorang yang bermurah hati hendak memberi masanya kepada negara hendak memastikan keadilan akan dilaksanakan. Dia tidak meminta sebarang gaji atau elaun. Kenapa pula Perdana Menteri merasa begitu marah? Mungkin sebab dia ada tujuan yang lain dan bercadang hendak menipu ataupun membuat sesuatu yang tidak betul dalam pilihanraya yang akan datang.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pengesan Pilihanraya yang dipengerusikan oleh Tun Suffian dengan jelas menerangkan tujuan mereka:

"URUSAN PILIHANRAYA - PERASAAN BIMBANG

Pilihanraya di Malaysia selama ini berjalan dengan saksama pada keseluruhannya. Kita rakyat Malaysia berharap keadaan baik ini akan berterusan .

Akan tetapi dalam dua-tiga bulan ini telah timbul berbagai aduan atau tomah berlakunya perbuatan menyeleweng yang membangkitkan kebimbangan tentang kewibawaan proses urusan pilihanraya. Dalam hal ini kita patut ambil perhatian bahawa setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya sendiri memberitahu mengikut siaran akhbar hari Ahad 25 hb Februari 1990, kononnya parti-parti politik tertentu telah memindahkan nama dan alamat beribu-ribu pengundi (pemilih) yang ada dalam daftar dari satu kawasan pilihanraya kepada kawasan pilihanraya yang lain terutamanya dalam Negeri Kelantan dan Terengganu dengan tidak setahu pengundi-pengundi berkenaan. Setiausaha Suruhanjaya itu menyifatkan perbuatan itu sebagai 'jenayah' .

Ada juga tuduhan yang nama-nama pengundi dalam daftar bagi sesuatu pusat mengundi telah dipindahkan kepada pusat yang lain dalam kawasan yang sama dengan tidak persetujuan mereka lebih dahulu. Selain dari itu didapati pula beberapa kesilapan yang serius dalam daftar-daftar pengundi bagi kawasan-kawasan

tertentu. Misalnya nama-nama yang berlainan terdapat mempunyai nombor-nombor kad pengenalan yang sama ada disenaraikan di sana sini dalam daftar pengundi. Juga dikatakan bahawa daftar pengundi-pengundi akan datang ini ialah untuk membolehkan parti politik tertentu mendaftarkan pengundi-pengundi baru. Kononnya peraturan-peraturan pilihanraya akan diubah sebelum diadakan pilihanraya akan datang. Ini boleh jadi terjejas prinsip-prinsip demokrasi .

Tuduhan-tuduhan atau tohmah-tohmah ini boleh jadi benar atau tidak berasas. Walau bagaimanapun Suruhanjaya Pilihanraya patutlah membuat penyiasatan dengan teliti terhadapnya supaya perasaan bimbang dan curiga dalam hati rakyat dapat dihapuskan. Rakyat jelata seharusnya mempunyai sepenuh kepercayaan bahawa pilihanraya seterusnya akan berjalan dengan sempurna dan saksama. Kewibawaan dan kejujuran Suruhanjaya Pilihanraya tidak sepatutnya menjadi persoalan bila-bila masa.

Kami yakin bahawa ahli-ahli Suruhanjaya sendiri amat sedar bagaimana pentingnya dipelihara kewibawaan dan kebebasan Badan ini. Hak kebebasan Suruhanjaya adalah satu jaminan dalam Perlembagaan Malaysia, dan ianya adalah sebagai satu dari tiangseri dalam sistem demokrasi berparlimen yang kita semua mahu kekalkan. Ahli-ahli Suruhanjaya memang tahu bahawa mereka tidak harus terhutang budi supaya tunduk kepada arahan pihak berkuasa atau kepada sesiapa jua dalam menjalankan kewajipan mereka di bawah undang-undang. Kewajipan mereka ialah semata-mata menunaikan hasrat dalam Perlembagaan kita .

Adalah juga menjadi kewajipan rakyat Malaysia amnya bersama membantu untuk memelihara dan mempertahankan kebebasan dan tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia bersama menentukan bahawa pilihanraya berjalan dengan bebas dan saksama. Oleh itu dengan kesedaran terhadap kewajipan dan tanggungjawab inilah maka kami yang menandatangani di bawah

ini telah bersetuju menyumbangkan sedikit sebanyak usaha seberapa yang terdaya bagi maksud mempertahankan demokrasi.

Kami merupakan satu kumpulan bukan rasmi terdiri dari enam orang rakyat Malaysia yang cintakan demokrasi. Kumpulan ini boleh dipanggil sebagai "Pengesakan Pilihanraya" (Election Watch), dan akan dipengerusikan oleh Tun Mohamed Suffian bin Hashim (bekas Ketua Hakim Negara). Ahli-ahli yang lain ialah Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria (bekas ketua Odit Negara), YM Raja Aziz Addruse (bekas Pengerusi Majlis Peguam), Dr. Chandra Muzaffar (President ALIRAN) dan Encik Chooi Mun Sou (peguam dan ahli Jawatankuasa Penyiasatan BMF dalam pertengahan 80an). Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) akan membantu sebagai Urusetia Kumpulan ini.

Dengan tujuan untuk menentukan perjalanan Pilihanraya yang bersih dan saksama, Kumpulan ini akan berusaha:-

1. Untuk berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya jika berlaku perbuatan menyeleweng yang dibawa kepada perhatian Kumpulan ini;
2. Mencari bantuan sukarela dari orang-orang bebas yang suka menolong dalam usaha ini, terutama dari golongan aktivis masyarakat (social activists) wartawan, guru-guru, ahli-ahli akademik, peguam-peguam dan lain-lain profesyenal yang boleh membantu menyiasat tuduhan-tuduhan berkenaan penyelewengan dalam urusan pilihanraya;
3. Berhubung dengan orang ramai mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perjalanan proses pilihanraya.
4. Mengaturkan ceramah, forum dan seminar dalam Negeri mengenai proses pilihanraya dan sistem per-

wakil dalam Parlimen bagi maksud me-
nambah kesedaran rakyat terhadap
nilai-nilai demokrasi dan prinsip-
prinsip yang berkaitan dengannya:-

5. Mengadakan lain-lain aktiviti yang selaras dengan hasrat dalam Perlembagaan Malaysia, Undang-undang yang berkaitan dan prinsip-prinsip Rukunegara dan yang dengannya akan membantu bagi maksud mempertahankan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya dan memelihara kewibawaan urusan pilihanraya.

Kami menaruh harapan bahawa rakyat Malaysia akan menyokong usaha-usaha kami seperti yang dicadangkan di atas ini. Semua haruslah sedar bahawa pilihanraya yang bebas dan saksama amat penting sekali bagi memelihara kepercayaan ramai terhadap sistem politik negara. Sekiranya kepercayaan itu hilang maka kewibawaan politik negara juga turut terjejas."

.....
Tun Mohd. Suffian Hashim
(Pengerusi)

.....
Tan Sri Ahmad Noordin
Zakaria

.....
Raja Aziz Shamsuddin

.....
Dr. Chandra Muzaffar

.....
Dato' Param Cumaraswamy

.....
En. Chooi Mun-Sou

Kuala Lumpur
26 hb Februari, 1990

Apabila Mahathir pulang daripada lawatan rasminya ke Afrika Selatan kerana meraikan pembebasan pembebasan Nasionalis dan Anti-kerajaan, Nelson Mandela, dia begitu meradang apabila diberitahu tentang penubuhan Pengesan Pilihanraya. Dia terus mengecam dan mengutuk Tun Suffian dan menuduhnya "tidak berterima kasih" atas jawatan-jawatan yang telah dia pegang. Dia menuduh Tun Suffian anti-kerajaan. Yang anihnya dia baru sahaja pulang dari meraikan seorang anti-kerajaan di Afrika, dan di negaranya sendiri masih ramai yang ditahan dibawah ISA tanpa sebab yang munasabah.

Oleh kerana Mahathir hendak menidakkan peranan "Pengesanan Pilihanraya" dia membuat kenyataan bahawa dia hendak menjemput pemerhati Komenwel untuk memerhati pilihanraya yang akan membuktikan tidak berlaku penipuan.

Pada 20hb. Julai 1990 apabila rombongan dari Sekretariat Komenwel, Sir Anthony Siaguru, Timbalan Setiausaha Agung, dan Dr. Neville Linton, melawat ke negara kita untuk berjumpa dengannya dan untuk mengambil tahu bidang tugas mereka yang akan dijemput dari negara-negara Komenwel Mahathir mengecam mereka semata-mata kerana mereka berjumpa dengan semua pihak.

Mereka bukan saja bertemu dengan Perdana Menteri, tetapi juga dengan beberapa pemimpin parti-parti pembangkang, Suruhanjaya Pilihanraya dan Pengesan Pilihanraya untuk mendapatkan panduan sebesar mana bentuk jawatankuasa pemerhati yang hendak datang itu dan bidang tugas kerja mereka supaya peraturan-peraturan sempurna dibuat untuk menghantar mereka ke sini. Mahathir tidak begitu gembira mendapat tahu bahawa mereka berjumpa dengan semua pihak terutama sekali Pengesan Pilihanraya.

Selepas itu Mahathir cuba menukar fikiran tentang pemerhati Komenwel itu. Dia mengatur satu kumpulan orang tua-tua yang telah bersara yang memanggil diri mereka kumpulan rakyat yang mengambil berat (GOCC- Group of Concerned Citizens) yang diketuai oleh Tun Omar Ong Yoke Lin, bersama Tan Sri Lee Boon Chim (Lee Foundation

Chairman), Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid (bekas V.C Universiti Teknologi Malaysia), Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim (Dekan dan Professor Fakulti Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa) dan Datuk J.J Raj (bekas Pengarah Pentadbiran Polis Di Raja Malaysia). Mereka membuat kenyataan akhbar dan dalam television mendesak kerajaan " jangan membenarkan mana-mana pihak pemerhati tempatan atau luarnegeri untuk memerhati proses pilihanraya di negara ini Saya rasa sangat sedih apabila orang yang saya hormati dan sanjung tinggi telah merendahkan diri mereka sebegitu rupa kerana mengikut kehendak Mahathir. Saya rasa sangat sedih dan dukacita. Kenapa mereka takut kepada pemerhati bebas? Kita semua tahu pilihanraya akan datang begitu penting dalam sejarah negara ini. Kita hanya hendak pilihanraya yang bersih , bebas dan adil. Sekiranya pihak pemerintah bertujuan sama, kenapa mereka takut dengan pemerhati bebas? Sebab-sebabnya jelas. Sekiranya Mahathir telah menipu untuk memenangi jawatan Presiden parti UMNO maka besar kemungkinan dia akan menipu sekali lagi untuk mengekalkan kuasa oleh kerana banyak yang dipertaruhkan. Ini adalah cara Mahathir untuk menghantar mesejnya kepada delegasi Komenwel bahawa mereka tidak dikehendaki. Jelas bahawa dia telah menyesal dengan kenyataan awalnya yang mengumumkan dia akan menjemput pemerhati Komenwel .Bila dia dapati mereka akan bersikap adil dia cuba tarik balik keputusan itu . Tetapi dengan cara membuat tuduhan melulu dan menyakit hati mereka. Ini bukanlah satu tindakan bijak oleh pemimpin yang suka disanjung. Saya rasa sangat malu dengan tindak tanduk Perdana Menteri. Bagi pihak rakyat Malaysia saya meminta maaf kepada Sekatariat Komenwel. Kawan menjadi lawan kerananya.

Orang-orang yang membuat Mahathir menyokongnya selepas itu ialah mereka yang menjadi burung kakak tua ataupun robot yang hanya memikirkan kepentingan diri dan sanggup menggadaikan maruah mereka semata-mata untuk mengekalkan jawatan mereka.

Semua burung kakak tua seperti Najib (Ketua Pemuda UMNO Baru) akan gema suara Mahathir dan pesanannya sahaja sehingga kita pun muak dengannya. Sikap bebas dan berjuang demi kebenaran dan

keadilan nampaknya sudah tidak ada lagi di kalangan mereka yang begitu gilakan pangkat dan jawatan.

Semasa saya berada dalam Perkhidmatan Kerajaan pada 1965 hingga 1971, saya telah terlepas peluang kenaikan pangkat ke beberapa jawatan Superscale walaupun saya cukup kelulusan. Sebab yang diberi ialah kerana saya bertaraf wanita "berkahwin". Saya senantiasa merasa itu tidak adil. Lelaki yang berkahwin tidak pula menjadi halangan untuk mendapat biasiswa!

Apabila saya ada peluang saya berusaha setakat apa yang saya mampu untuk memperjuangkan hak kepentingan wanita supaya mereka diberi peluang yang sama. Saya merasa bangga apabila melihat wanita mendapat kedudukan dan pangkat serta mencapai kejayaan dan pengiktirafan. Dalam arena politik dan dari di belakang tirai saya senantiasa membuat cadangan dan membela kaum wanita supaya ditempatkan di tempat-jempat yang lebih tinggi.

Saya merasa begitu bangga apabila dalam perjuangan ini saya berjaya dalam pembelaan dan hujah saya untuk menyokong Siti Norma Yaakob dilantik sebagai Hakim. Kalau dulu saya berjaya dilantik sebagai Pengadil pertama kenapa pula tidak sebagai Hakim tugasnya sama, hanya lebih berat lagi. Kalau setakat ini kita cuba menahan wanita Melayu daripada memegang jawatan ini, wanita Melayu akan terus jadi mundur dan segala pencapaian akan menjadi sia-sia. Apabila saya berdebat dalam mesyuarat Majlis Tertinggi dan mengeluarkan hujah-hujah dan alasan-alasan dari segi ugama bahawa wanita boleh menjadi Hakim tidak seorang pun wanita yang duduk dalam Majlis Tertinggi menyokong saya. Saya akui wanita tidak boleh jadi Kadhi. Memang tidak ada pun wanita yang teringin menjadi kadhi!

Yang peliknya wakil wanita duduk di dalam Majlis Tertinggi atas tiket wanita tetapi tidak pernah saya dengar meminta sesuatu untuk meninggikan taraf wanita.

Saya juga cuba membela kedudukan Professor Datuk Dr.

**SPR MINTA JPN PERIKSA NAMA MERI
KERANA DIDAPATI TIDAK 'TULEN'**

Beribu digugur dari daftar pengundi

UM 15/6/90

KOTA KINABALU 14 Jun — Beberapa ribu nama digugurkan daripada daftar pengundi tahun lepas di Sabah kerana Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai rekod mengenai mereka, kata Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, Haji Abdul Rashid Abdul Rahman.

Katanya, suruhanjaya itu telah meminta Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) supaya memaklumkan nombor dan nama kad pengundi mereka yang telah mendaftar dan mendapati bahawa antara 2,000 dan 5,000 nama tidak "tulen".

Ketika bercakap kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur malam tadi, Haji Abdul



HAJI ABDUL RASHID

Rashid memberi jaminan bahawa sebarang perbezaan yang masih terdapat dalam senarai itu adalah semata-mata kesilapan

teknikal yang boleh diperbaiki hari pengundian.

Terdapat 496,353 pengundi itu yang dikumpulkan bagi pendaftaran pada Jumaat lalu sebelum pada 31 Januari.

Haji Rashid bernama Suruhanjaya Tan Sri Kadriwa - pegawai kanan ya dalam Jawatan itu hari itu menyampaikan taklimat mengenai prosedur bagi pilihanraya.

Katanya, beliau akan memberi tahu pada minggu depan bagi taklimat yang lebih terperinci kepada pegawai suruhanjaya mengenai cara-cara mematuhi pengundian.

Haji Abdul Rashid juga parti politik yang terbahaya itu supaya bekerjasama dengan itu, yang akan menjadi boleh dibayar dan tidak oleh parti-parti berkecuali per-pilihanraya. — Berni

Asmah Omar supaya tidak digugurkan daripada jawatannya sebagai Timbalan Naib Chanselor kerana dia begitu cekap dalam Pentadbiran Universiti. Cukup kelulusan dan telah pun dilatih dalam jawatan itu. Dukacita saya kalah kepada Anwar Ibrahim dalam pertenggaran itu kerana Mahathir masuk campur dan menyebelahi Anwar. Selepas itu Anwar menjadi lebih ghairah. Tanpa menyelidik dan mengambil kira orang-orang yang begitu kanan serta telah memberi khidmat cemerlang malah taat setia kepada Universiti, telah melantik orang luar dari Singapura semata-mata kerana menyokongnya dari segi politik dan membuat kenyataan terbuka menyokong UMNO Baru (kononnya Professor ?) Syed Hussein Al-Attas, untuk menggantikan Professor Ungku Aziz yang bezanya seperti langit dengan bumi. Kalau hendak dikatakan Professor Ungku Aziz terpaksa bersara kerana sudah tua, penggantinya pula lebih tua .

Kalau hendak dikatakan lebih layak, Professor Ungku Aziz lebih layak. Sekarang Naib Chanselor Syed Hussein Al-Attas ini di siasat oleh Badan Pencegah Rasuah. Anwar mengumumkan perkara ini akan diselesaikan dalam seminggu. Tetapi sudah lebih empat bulan belum selesai lagi. Pihak kakitangan professional di Universiti Malaya merasa begitu kecewa dengan keadaan yang menyebabkan standard professionalisma di Universiti begitu merosot.

Di peringkat rendah di sekolah-sekolah dan di Kolej-kolej juga berlaku keadaan kelam-kabut apabila dia orang baik dan berkelulusan di tukarkan dengan penyokong politiknya yang boleh di anggap sebagai robot dan burung kakak tua.

Mereka yang mengelilingi Mahathir sekarang ialah mereka yang lebih suka melihat dia pergi supaya mereka boleh berkuasa . Yang jelas sekali ialah Anwar Ibrahim. Dia telah merosakkan kementerian-nya lebih daripada mana-mana Menteri Pelajaran yang lalu. Dia telah menghancurkan sistem pelajaran yang telah dibentuk dalam beberapa tahun ini. Menukarkan corak biasa di Universiti, di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pelajaran yang menyebabkan kesusahan dan penderitaan kepada murid-murid sekolah serta ibubapa.

Dia telah mengeluarkan orang yang berkelulusan dan berkebolehan dan menggantikan mereka dengan penyokong-penyokongnya yang tidak begitu cekap dan kurang kelulusan. Mereka mendapat tempat kerana mereka penyokongnya. Kehancuran dan kalam kabut yang berlaku akan mengambil masa lebih satu generasi untuk diperbaiki dan memulihkannya.

Pertandingan di antara mereka ialah dengan cara siapa yang lebih pandai cakap bohong dan putar belitkan sesuatu untuk memuaskan Mahathir dan dialah yang akan dapat tempat dalam senarai Mahathir. Siapa yang cepat menyokongnya dalam apa saja pengumuman dan dasarnya akan diberi perhatian darinya dari segi pangkat dan kedudukan. Oleh kerana itu mereka menyokong Mahathir bukan kerana pengumuman atau dasar itu bagus atau tidak tetapi kerana mereka tidak mahu di capkan sebagai orang yang tidak menyokongnya dan akan kehilangan kerja dan pangkat. Saya tidak menyalahi mereka ini. Mereka tidak ada pilihan. Tetapi mereka adalah salah sekiranya memikirkan tidak menyokong Mahathir mereka akan kehilangan rezeki. Mereka lupa bahawa rezeki di tangan Tuhan. Manusia yang merancang Tuhan yang menentukan.

MAHATHIR TELAH MELAKUKAN BANYAK KETIDAKADILAN.

**“KURANG KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI
WALAU DALAM BAHASA IBUNDA SENDIRI”**

Siswazah kini mengecewakan — Ani Arope



DATO' DR. ANI AROPE

KUALA LUMPUR 26 Mac — Seorang ketua eksekutif korporat hari ini menyatakan kekecewaannya terhadap kualiti siswazah yang dilahirkan oleh universiti - universiti kini, yang menurutnya kurang dalam kemahiran berkomunikasi, walaupun dalam bahasa ibundanya sendiri.

“Malah mereka tidak boleh bercakap dalam bahasa mereka sendiri, apatah lagi dalam bahasa lain,” kata Dato’ Haji Ani Arope dari Kumpulan Guthrie Berhad, iaitu sebuah syarikat yang berasaskan perladangan.

“Mereka sangat pemalu dan apabila saya bercakap dengan mereka, saya terpaksa menahan diri daripada bertelingking, bimbang apabila saya berbuat demikian, ia akan meletakkan mereka,” kata Dato’ Dr. Ani kepada pemberita mengenai pandangannya terhadap para siswazah yang di-murahnya.

Beliau berkata, apabila syarikatnya mengambil pekerja baru, ia bukan mencari orang yang boleh memenuhi keko-

songan atau menulis cek semata-mata. “Kami mencari orang yang boleh bercakap tentang perniagaan di Sabah, Jerman atau India.”

“Untuk berbicara mengenai perniagaan, seseorang itu perlulah mempunyai keyakinan,” kata Dato’ Dr. Ani yang menyampaikan biasiswa Guthrie kepada lima pelajar universiti hari ini.

Beliau berkata, kebanyakan siswazah yang ditolak oleh syarikat itu bukanlah tidak layak, tetapi mereka tidak mempunyai pendirian yang betul.

Katanya, di Guthrie, salah satu kumpulan perladangan terbesar di negara ini, semua pegawai eksekutif yang baru dikehendaki menjalani tempoh “penempatan” selama setahun di ladang - ladangnya “untuk mempelajari cara membersihkan tandas mereka sendiri dan bagaimana mengemasikan tempat tidur” sebelum menjalankan tugas sebagai pegawai eksekutif.

Biasiswa tahunan bernilai \$3,700 setiap satu itu, yang dihadiahkan oleh Guthrie hari ini, adalah untuk membiayai pengajian selama setahun bagi lima pelajar, anak kepada pekerja - pekerja ladang Guthrie, di universiti - universiti tempatan.

Hadiah cemerlang untuk pelajar ITM, yang juga diada oleh Guthrie, akan bermula pada korwokesyen akan datang dan bernilai \$1,000, surat penghargaan dan sebuah pertuis.

Dato’ Dr. Ani, yang juga Pengerusi Majlis Institut Teknologi MARA (ITM) kemudiannya menyampaikan surat persetujuan itu kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Akademik, Enck Ali Hassan.

Dato’ Dr. Ani berkata, hadiah itu akan diberikan kepada pelajar yang serba berkebolehan di ITM dan sekiranya ia berjaya merangsang para pelajar, ia akan dipertuankan ke universiti - universiti lain. — Bernama.

BAB 10

KES TUN SALLEH

Apabila Tun Salleh menjadi mangsa dan dipecat dengan cara yang begitu hina saya merasa begitu sedih dan bimbang. Tindakan inilah yang memulakan pemusnahan institusi yang paling kukuh dan dihormati - KEHAKIMAN.

Apabila dua lagi Hakim Mahkamah Persekutuan dipecat, jelaslah Mahathir telah melanggar segala batasan. Tidak ada pemimpin yang berfikiran rasional boleh berbuat demikian terhadap Hakim-Hakim dalam kerajaannya sendiri. Perbuatan ini telah menghancurkan kemuliaan dan maruah negara.

Sebab-sebab mereka dipecat begitu tidak menasabah dan tidak boleh diterima oleh sesiapa yang berakal budi.

Dalam dua puluh lima tahun pengalaman saya sebagai peguam saya tidak pernah menyaksikan sesuatu tindakan yang begitu tidak adil dan salahguna kuasa.

Kita mula-mula mendengar khabar-khabar angin bahawa Tun Salleh akan dipecat semasa kita sedang menunggu tarikh perbicaraan kes UMNO. Suasana semasa itu pun sudah tegang. Mohamed Shafee, peguam bagi pihak orang sebelas baru sahaja memberitahu saya bahawa tarikhnya sudahpun ditetapkan oleh Tun Salleh dan oleh kerana kes ini begitu penting ia ditetapkan di hadapan sembilan Hakim Mahkamah

Agung. Selepas itu keluarlah berita dalam akhbar dan media massa bahawa jawatan Tun Salleh sudah digantung. Saya terkejut. Saya tidak tahu apa yang hendak difikirkan. Berita ini merebak ke seluruh negara seperti kejutan elektrik. Saya tidak boleh percaya Mahathir sanggup bertindak sehingga ke tahap ini.

Saya teringat pada satu ketika semasa dalam Majlis Tertinggi UMNO, dia memberitahu kita bahawa dia bertujuan hendak bersemuka dengan Hakim-Hakim untuk menguji siapa yang lebih kuat. Kita melarangnya. Saya fikir perkara itu akan habis di situ sahaja.

Pada masa itu sasarannya ialah Hakim Harun Hashim kerana kenyataan-kenyataannya yang keluar dalam akhbar yang tidak disukai oleh Mahathir. Dalam kes menghina Mahkamah yang dibawa oleh Lim Kit Siang, Mahathir dengan terang-terang telah mengecam dan menghina Mahkamah, tetapi Hakim Harun Hashim membuat keputusan bahawa Mahathir didapati tidak bersalah kerana berada dalam keadaan "keliru" ketika dia mengeluarkan kata-kata yang menghina Mahkamah.

Sebenarnya perkataan "keliru" ini telah menyelamatkan Mahathir daripada didapati bersalah dan dihukum penjara. Sekiranya dia tidak "keliru" sudah tentu dia akan didapati bersalah dan akan dihukum penjara. Tetapi Mahathir tidak sedar sebab Hakim mengatakan demikian. Dia melenting dan begitu marah melenting dengan kegunaan perkataan "keliru" terhadap dirinya. Apa yang Mahathir tidak sedar, Hakim berkuasa mendapati dia bersalah kerana menghina Mahkamah dan boleh menghukumnya masuk penjara. Dan dengan sendirinya jawatan Perdana Menteri akan gugur. Tetapi dia tidak berterima kasih dan bertindak seperti orang gila. Selepas itu dalam lawatan politiknya ke negeri-negeri dia memburukkan dan mencemarkan nama baik Hakim-Hakim tanpa batasan.

Akhirnya dia membuat serangan terhadap Hakim-Hakim di Parlimen yang begitu keterlaluan. Param Cumaraswamy dalam ucapannya di jaman peguam-peguam Malaysia pada 19 haribulan Mac 1988 berkata:

“Sehari sebelum saya bersara sebagai Presiden Majlis Peguam, kita menyaksikan satu daripada bentuk asas perlembagaan kita dihancurkan. Keseimbangan di antara Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman sudah terjejas. Pihak Eksekutif mendapat kuasa yang berlebihan dengan cara menghakiskan kuasa daripada Kehakiman. Alasan-alasan yang diberi di Parlimen memeranjatkan. Tuduhan keji dan menghina yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri terhadap Kehakiman dan Hakim-Hakim kita menyebabkan ramai terkejut kerana tidak percaya perkara ini boleh berlaku. Ucapannya penuh dengan benci, kebencian dan khianat tanpa sebarang alasan, menunjukkan dia tidak tahu langsung tugas dan tanggungjawab Kehakiman dan proses Kehakiman itu sendiri. Apa yang dia tidak sedar apabila dia menyerang hakim-hakim dia bukan saja melawan Hakim-Hakim yang dilantik oleh Agong tetapi juga terhadap kekuasaan Undang-undang, Keadilan dan Perlembagaan. Sepatutnya dia mengtakrifkan tugas dan fungsi tiap-tiap sayap kerajaan, tetapi sebaliknya dia telah menyebabkan kacaubila. Dia telah menconteng dan mencemarkan Perlembagaan.”

Mahathir bercakap tentang “keadilan semulajadi” apabila ia sesuai dengannya, tetapi dia sebenarnya tidak tahu bagaimana hendak menggunakannya. Sebagai doktor perubatan mungkin dia tidak tahu undang-undang tetapi ini tidak bermakna dia dibebaskan dari tugas dan tanggungjawab melaksanakan keadilan sebenarnya. Dengan pindaan yang dibawa di Parlimen kuasa Peguam Negara diperhebatkan dan dimaktubkan ke dalam Perlembagaan sambil menghakis kuasa Kehakiman, yang mana dia diberikuasa untuk menentukan dan memilih Mahkamah-mahkamah yang akan mendengar kes-kes pendakwaannya, satu kuasa yang dulunya hak Mahkamah Agong sahaja mengikut Artikel 121 Perlembagaan Malaysia. Pindaan-pindaan ini diluluskan seperti kilat.

Perlembagaan hak kepunyaan rakyat, Hak-hak mereka termaktub di dalamnya. Kerajaan tidak sepatutnya memindanya sesuka hati mereka. Tetapi ini dilakukan berkali-kali dalam masa pentadbiran

Mahathir. Hak asasi kita dihakiskan daripada kita sedikit demi sedikit dan tidak ada apa yang boleh kita buat terhadapnya. Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh kita untuk mewakili kita berada dalam keadaan terlalu takut atau tidak berkuasa ataupun di tahan dibawah ISA supaya tidak boleh berbuat apa-apa. Mereka yang menyokong pindaan-pindaan ini berbuat demikian untuk menjaga kedudukan dan kepentingan diri mereka sendiri dan tidak peduli apa terjadi kepada undang-undang semulajadi dan konsep Pemisahan Kuasa.

Kita semua tercengang. Hakim-hakim merasa marah. Mereka segera berkumpul dan bermesyuarat dan dengan sebulat suara bersetuju bahawa Tun Salleh mesti menulis surat kepada DYMM Yang Di Pertuan Agung (Sultan Johor sekarang). Tun Hamid juga hadir dimesyuarat tersebut. Tetapi selepas itu dia sanggup berpaling tadah dan melanggar segala peraturan dan undang-undang dengan mempengerusikan Tribunal untuk memecat Tun Salleh tiga bulan kemudiannya kerana menulis surat yang dia sama-sama buat keputusan bersetuju menulisnya. Sambil dia mempengerusikan Tribunal untuk memecat Tun Salleh, ketuanya, dia juga memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Hakim Negara (jawatan Tun Salleh). Selepas membuat keputusan untuk memecat Tun Salleh dia pula mengambil jawatan Tun Salleh.

Tidak ada sebarang reaksi daripada Agong apabila surat itu ditulis. Hanya selepas Tun Salleh menetapkan perbicaraan kes UMNO barulah surat itu dijadikan isu. Selepas itu pembbohongan demi pembbohongan dan ketidakadilan satu persatu dilakukan oleh Mahathir dan orang kelilingnya.

Apabila dia mendapati kita rakyat Malaysia begitu marah dengan cadangan pemecatan Tun Salleh. Dia cuba menyalahkan Agong dengan menyuruh Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan satu kenyataan bahawa pemecatan Tun Salleh adalah kehendak dan permintaan DYMM Yang diPertuan Agong dan Perdana Menteri tidak ada kena mengena dengan pemecatan itu. Jelas bahawa sesiapa yang mengeluarkan kenyataan itu tidak menye-

lidik dan tidak tahu undang-undang dan peraturan. Dia tidak tahu proviso-proviso yang ada dalam Perlembagaan.

Mengikut perlembagaan hanya Perdana Menteri sahaja yang boleh mengesyorkan kepada DYMM Yang diPertuan Agong untuk pemecatan seseorang Hakim. Selepas itu satu Tribunal mesti tubuhkan daripada orang-orang yang sama taraf atau yang lebih tinggi pangkatnya daripada Hakim yang hendak dipecat. Pemilihan Tribunal menjadi tandatanya, tetapi apabila Majlis Peguam membantah mereka di cap sebagai anti kerajaan. Sekiranya Majlis Peguam tidak boleh berkata apa-apa dalam perkara undang-undang yang begitu penting, siapa yang boleh? Jelaslah Mahathir tidak menghormati suatu institusi yang begitu penting seperti Majlis Peguam. Sekiranya mereka tidak menyanyi lagunya, mereka di anggap sebagai musuhny.

Orang macam Zaid Ibrahim daripada Persatuan Peguam-Peguam Muslim telah merosakkan nama baik profession ini. Resolusi-resolusi yang dibuat mengikut peraturan mesyuarat yang dianjurkan oleh Majlis Peguam yang dihadiri oleh lebih daripada satu ribu peguam-peguam dari seluruh Negara diketepikan. Tetapi seorang yang tidak ada status atau kedudukan dalam Majlis Peguam diberi keutamaan. Saya diberitahu ahli-ahli dalam persatuan ini tidak lebih daripada sepuluh orang dan beliau membuat kenyataan mengikut bentuk yang dikehendaki oleh Perdana Menteri dan ia disiarkan di muka depan akhbar-akhbar utama.

Dukacita ada peguam-peguam seperti ini sanggup berbuat demikian supaya mereka terus akan mendapat kerja untuk guaman mereka daripada United Engineers dan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh UMNO Baru. Jelaslah ini satu lagi patung atau burung kakak tua Mahathir.

Tun Salleh membawa kesnya ke Mahkamah. Jelaslah Perlembagaan telah dilanggar. Apabila kesnya bermula Mahkamah diberitahu bahawa tidak ada sebarang surat menyurat di antara Perdana Menteri dan DYMM Yang Di Pertuan Agung tentang pemecatan Tun Salleh.



ISTANA NEGARA

WALLAAHU GHALABUN ALLAA ANRIHI
(QULAS AL-HAQ)

Assalaamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

Alhamdulillillahil Rabbil 'Aalaamin. Wassalaatu
Wassalaamu Alaa Saiyidinas Muhammadin Asyrafifil Ambiyaa
l Mawjudaaliin. Wa Alaa Aaliini Wasahbihi A'jmain.

Merken Al Ikhlas Merahfatuhi Akhbar yaitu terdapa
daya AlMULAWAKIL' Alilalahi Sulcan Iskander, Yang
di-Pectuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barangdiwasaikan oleh Tuhan Rabbil
'Aalamin Ke Majlis Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr.
Mahathir bin Mohamed, S.S.D.A., S.S.A.P., S.F.M.S.,
S.F.M.J., D.P.(Kawak), D.U.F.N., S.F.N.S., S.F.D.K.,
S.F.C.M., S.S.M.T., D.U.M.M., P.I.S., Perdana Menteri
Malaysia yang ada pada masa ini di Kuala Lumpur, dengan
beberapa selamat dan kemuliaannya.

Kita telah meninbangkan representasi yang dibuat
oleh Y.A.B. Dato Seri melalui surat Y.A.B. bertarikh
25hb Mei, 1988 mengenai kedudukan Y.A.A. Tun Dato' Haji
Mohd. Salleh bin Abas. Kita bersetuju supaya
ditubuhkan sebuah Tribunal untuk menyiasat dan
mendapatkan laporannya terhadap keupayaan Y.A.A. Tun
Dato' Haji Mohd. Salleh bin Abas, menjalankan
tugas-tugasnya dengan adil dan sempurna di bawah
Artikel 125(3). Sementara menanti perkara ini dirujuk
kepada Tribunal itu dan mendapat laporannya dibawah
Artikel 125(3) Y.A.A. Tun Dato' Haji Mohd. Salleh bin
Abas hendaklah digantung dari jawatannya mulai 26hb
Mei, 1988 di bawah Artikel 125 (3).

Demikianlah sahaja Kita naklumkan serta disudahi
dengan Wallillahil Taufik Walhidayat Wassalaamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Termaktub di Istana Negara,
Kuala Lumpur
pada 25 heribulan Mei, 1988.

beberapa hari kemudian apabila Hakim Ajaib Singh menanggukkan kes ini daripada hari Sabtu ke hari Ithnin untuk membolehkan Peguam Negara menghadiri Mahkamah, walaupun dia tidak berhak mengikut peraturan Mahkamah, Peguam Negara mengeluarkan beberapa keping surat yang dia katakan telah ditulis oleh Perdana Menteri kepada Agung dan daripada Agung kepada Perdana Menteri mengenai pemecatan Tun Salleh .

Pelik juga bila difikirkan beberapa hari lalu Mahkamah diberitahu tidak ada sebarang surat menyurat. Saya dapat maklumat bahawa pada hari Ahad itu diPejabat Peguam Negara lampunya terang sehingga pagi dan beberapa surat-surat disediakan dengan segera. Surat-surat yang dikeluarkan sebagai bukti di Mahkamah tidak pun dilampirkan dalam surat sumpah atau "Affidavit" mengikut kehendak peraturan Mahkamah.

Apa yang mengejutkan kita ialah dalam beberapa surat yang dijadikan bukti Mahkamah itu ,satu daripada surat Dr. Mahathir juga telah tersalah ditandatangani oleh DYMM Yang diPertuan Agong. Ianya menjadi bukti dimahkamah yang boleh dilihat oleh seluruh dunia. (DYMM Agong tandatangan di sebelah kiri atas surat yang dipamirkan).

Apabila Peguam Negara mengeluarkan surat-surat ini di Mahkamah dia merujuk kepada perjumpaan DYMM Yang diPertuan Agong dengan Perdana Menteri, "Sebelum persidangan Kabinet pada hari Rabu 1 haribulan Mei 1988 , Agong telah menyuarakan perasaan tidak senang hati dengan surat Tun Salleh itu". Apa yang dia tidak sedar ialah tarikh yang disebutkan itu bukan pun hari Rabu tetapi hari Ahad dan sudah tentu bukan hari mesyuarat Kabinet. Ia sebenarnya Hari Buruh dan hari cuti am.

Perkara ini jelas diterangkan dalam buku Tun Salleh " May Day for Justice ". Semua rakyat Malaysia patut membaca buku ini.

Pemecatan dua lagi Hakim Mahkamah Persekutuan lebih membingungkan. Tidak pernah dalam duapuluh lima tahun pengala-



PERDANA MENTERI
MALAYSIA



Mengedap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku,

Dengan segala hormat dan takzimnya patah mohon merujuk kepada surat patah bertarikh 25 Mei, 1988 di mana patah telah menyenbah bahawa mengikut Artikel 113(3) Perlembagaan Persekutuan, Tuanku dikehendaki menubuhkan sebuah Tribunal untuk menyalat dan melaporkan kepada Tuanku terhadap réprésentasi patah kepada Tuanku supaya Y.A.A. Tun Dato' Haji Mohd. Salleh bin Abas, Ketua Hakim Negera, dipecat dari jawatannya berdasarkan kepada butir-butir yang dijayatakan dalam Lampiran "A" kepada surat patah itu.

Melalui surat Tuanku bertarikh 25 Mei, 1988 kepada patah, Tuanku telah menghampakan Titah berkenan supaya ditubuhkan sebuah Tribunal sebagaimana yang dikehendaki itu. Berikutan dengan Titah Tuanku yang mana telah patah sampaikan kepada Y.A.A. Tun Dato' Haji Mohd. Salleh bin Abas, beliau telah bertindak dengan cara yang jelas menunjukkan lagi beliau tidak dapat menjalankan tugasnya sebagai Ketua Hakim Negera dengan semurnya. Butir-butir Lindakan beliau adalah seperti di Lampiran "A".

Dengan yang demikian, patah dengan segala hormat dan takzimnya menasihatkan supaya perkara ini juaa dirujukkan kepada Tribunal yang telah ditubuhkan mengikut titah perintah Tuanku untuk dilalazat dan melaporkan keputusannya kepada Tuanku.

Sekian dan patah akhiri dengan doa semoga Tuanku sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan segala hormat dan takzimnya,



(DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

Tarikh: 30 Jun, 1988



WALLAAHU GHALABUN ALLAA AMRIN
QAULAH AL-HAQ

Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Alhamdu Lillaahi Rabbil Aalaamin. Wasolaatu
Wassalaamu Alaa Saliyudinaa Muhammadin Asyrafii Ambiyaa
I Wal mursaliin. Wa Alaa Aaalihii Wasahbihi Ajjalin.

Warkah Al [Khas Watahfatul Akhir] iaitu daripada
saya Almutawakil Allahi Sultan Iskandar, Yang
di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barangdiwesalkan oleh Tuhan Rabbil
'Aalamin Ke Majlis Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P.(Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S., Perdana Menteri
Malaysia yang ada pada masa ini di Kuala Lumpur, dengan
beberapa selamat dan kemuliaannya.

Kita telah menimbangkan representasi yang dibuat
oleh Y.A.B. Dato Seri melalui surat Y.A.B. bertarikh
9hb Jun, 1988 mengenai kedudukan Y.A.A. Tun Dato' Haji
Mohd. Salleh bin Abas. Kita bersetuju supaya tuduhan
di Lampiran "A" kepada surat Y.A.B. dikemukakan juga
kepada Tribunal yang ditubuhkan seperti yang Kita
titahkan melalui surat Kita bertarikh 29hb Mei, 1988
bagi maksud yang sama.

Demikianlah sahaja Kita maklumkan serta disudahi
dengan Wabillahi Taufik Walhidayahu Wassalaamu Alaikum
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Pada 9 haribulan Jun, 1988.



Mengadep Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Dengan segala hormat dan taklirnya patok mohon merujuk kepada surat patok bertarikh 25 Mei, 1968 di mana patok telah menyebarkan bahawa mengikut Artikel 125(3) Perlembagaan Persekutuan, Tuanku dikehendaki menubuhkan sebuah Tribunal untuk menyalah dan melaporkan kepada Tuanku terhadap representatives patok kepada Tuanku supaya Y.A.A. Tan Detu' Raji Mohd, Salleh bin Abas, Ketua Hakim Negara, dipecat dari jawatannya berdasarkan kepada belakunya dan atas sebab-sebab lain yang jelas menunjukkan bahawa beliau tidak lagi dapat menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ketua Hakim Negara dengan sempurna dan adil. Dalam surat tersebut, patok menyebarkan sebelum bahawa nama-nama anggota Tribunal itu akan patok sampaikan kemudian.

Melalui surat Tuanku bertarikh 25 Mei, 1968 kepada patok, Tuanku telah menyampaikan Titah berkenaan supaya ditubuhkan sebuah Tribunal sebagaimana yang dikehendaki itu.

ngan yang demikian patok dengan ini memohon per... Tuanku melantik orang-orang yang berikut untuk menganggotai Tribunal tersebut di bawah Artikel 125(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan:

- (1) The Hon'ble Tan Sri Detu' Abdul
Hassid bin Haji Omar,
Chief Justice (Malaya) - Pengerusi
- (2) The Hon' Tan Sri Detu' Lee
Shu Hoo,
Chief Justice (Borneo) - Ahli
- (3) The Hon'ble Mr. Justice K.A.P.
Ramaswami,
Chief Justice,
Democratic Socialist Republic
of Sri Lanka - Ahli
- (4) The Hon'ble Mr. Justice T.S.
Sinnathuray,
Judge of the High Court,
Singapore - Ahli
- (5) Y.B. Tan Sri Abdul Aziz bin
Tahir,
Retired Judge of the then
Federal Court, Malaya - Ahli
- (6) Y.B. Tan Sri Detu' Mohd.
Zahir bin Ismail,
Retired Judge of the High
Court, Malaya - Ahli

Sekian dan patok akhiri dengan doa semoga Tuanku sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan segala hormat dan taklirnya.



(DR. MAHAZIR BIN MOHAMAD)

Tarikh: 15hb Jun, 1968



HASSAN ALI KAHAR
GAMBAR AL-HAQ

Assalaamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Alhamdulillah Lillahi Rabbil Alameen, Wassalaatu
Wassalaamu Alaa Sayidinaa Muhammedin Asyrafii Abliyyaa
I Wal mursalin, Wa Alaa Aalihii Wasabbihi Ajma'in.

Wahai Al Ikhlas Watahafatul Akhir yaitu daripada
saya - Almutawakili Allahi Sultan Iskandar, Yang
di-Pertuan Agung Melayu.

Mudah-mudahan berangdivansikan oleh Tuhan Rabbil
'Alamin Ke Majlis Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamed, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P. (Serawak), D.U.P.N., S.F.N.S., S.P.D.K.,
s.p.c.m., S.S.M.T., D.U.D.H., F.I.S., Perdana Menteri
Melayu yang ada pada masa ini di Kuala Lumpur, dengan
beberapa selamat dan kemuliaannya.

Berhubung dengan surat Y.A.B. Dato' Seri bertarikh
11hb Jun, 1988, kita dengan ini menirahkan supaya
dibubuhkan sebuah Tribunal untuk menyiasat dan
mendapatkan laporannya tentang representasi Y.A.B.
Dato' Seri supaya Y.A.A. Tun Dato' Haji Mohd. Salleh
bin Abas, Ketua Hakim Negara, dipecat dari jawatannya
kerana kelakuannya dan kerana tidak dapat menjalankan
tugas-tugasnya dengan sempurna di bawah Artikel 125(3)
Perlembagaan Persekutuan, Serwakan Artikel 125(4)
Perlembagaan Persekutuan, Kita selantik orang-orang
yang berikut sebagai ahli-ahli Tribunal itu:

- | | |
|---|-------------|
| (1) The Hon'ble Tan Sri Dato Abdul
Hamid bin Haji Omar,
Chief Justice (Malaya) | - Pengerusi |
| (2) The Hon' Tan Sri Dato Lee
Hun Hoo,
Chief Justice (Borneo) | - Ahli |
| (3) The Hon'ble Mr. Justice K.A.F.
Kanasinghe
Chief Justice,
Democratic Socialist Republic
of Sri Lanka | - Ahli |
| (4) The Hon'ble Mr. Justice T.S.
Sinnathuray,
Judge of the High Court,
Singapore | - Ahli |
| (5) Y. B. Tan Sri Abdul Aziz bin
Zain,
Retired Judge of the then
Federal Court, Malaysia | - Ahli |
| (6) Y. B. Tan Sri Betuk Mohd.
Zahri bin Ismail,
Retired Judge of the High
Court, Melayu | - Ahli |

Demikianlah sahaja kita rakunkan serta diuadahi
dengan Mabilillah! Taufik Walhidayahu Wassalaamu 'Alaikum
Warahmatullahi Wabarakaatuh.

Mahkamah tidak boleh dibuka dan kita tidak diberi kegunaan kemudahan Mahkamah termasuk cap mohor Mahkamah Agong. Oleh kerana itu terpaksa Tan Sri Wan Sulaiman selaku Hakim bersidang, menandatangani perintah yang kita buat yang sebenarnya patut menjadi tugas Ketua Pendaftar Mahkamah Agong. Satu tuduhan terhadap kita ialah kita telah mendengar permohonan tersebut sebelum Hakim Ajaib Singh memutuskan perkara itu. Permohonan penting dibuat kepada kita untuk mendengar permohonan bahawa hujah-hujah tentang permohonan Penahanan yang ditolak oleh Hakim Datuk Ajaib Singh tidak bermakna sekiranya perintah itu dibuat selepas Tribunal membuat keputusan oleh kerana selepas itu semua perbicaraan oleh Tribunal itu akan berakhir.

Oleh kerana itu kita merasa penting dari segi keadilan untuk mendengar permohonan itu sebagai perkara penting atas jaminan peguam bagi pihak Tun Salleh bahawa dia akan memfailkan permohonan bertulis, dan selepas mendengar hujah-hujahnya kita membuat Perintah seperti yang dilakukan di bawah Order 92 Peraturan 4 dalam Peraturan Mahkamah Tinggi 1980 yang membabitkan Mahkamah Agong mengikut Peraturan 4 dalam peraturan-peraturan Mahkamah Agong 1980.

Kita bertanggungjawab kepada awam untuk memberitahu cerita yang benar mengenai kejadian yang mana kita bersidang pada hari Sabtu pada 2 haribulan Julai dan bertindak, memandangkan Pemangku Ketua Hakim Negara adalah pihak pertama didakwa dan tidak berhak sama sekali bersidang pagi itu dalam Mahkamah Agong. Sekiranya kita tidak sanggup bersidang atas permohonan yang begitu penting yang di buat kepada kita, kita akan gagal dalam menjalankan tugas sebagai Hakim-Hakim dan melanggar sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan dan mentadbirkan keadilan. "

Saya percaya sebab sebenarnya Hakim Wan Sulaiman dipecat ialah kerana dia adalah Hakim yang terkanan kepada Ketua Hakim. Sebenarnya dia begitu kanan sekali dan boleh dilantik untuk menjadi Ketua Hakim Negara. Sebab itu Tribunal ditubuh untuk memecat beliau. Satu lagi Hakim George Siah dipecat supaya pemecatan Hakim Wan Sulaiman tidak begitu nampak.

Hakim Hamid telah melanggar segala batasan dalam usaha untuk memuaskan hati Mahathir. Dengan jelas dia telah memecah segala peraturan undang-undang dan hak asasi manusia dan telah mengenyahkan apa yang telah dilatihkan dalam professyen undang-undang untuk mempertahankan demi kepentingan keadilan. Dia telah mencemarkan nama baik Mahkamah dan kemuliaan professyen undang-undang dan Kehakiman di negara ini semata-mata kerana seorang individu.

Bukan dia seorang sahaja yang telah menjadi sedemikian rupa tetapi beberapa banyak lagi orang-orang bertaraf tinggi yang telah melakukan kehakisan moral untuk memuaskan hati seorang walaupun rakyat dan negara rugi. Seolah-olah mereka ini terpuakau dan tidak sedar apa yang mereka lakukan. Apabila mereka sedar ia akan menjadi terlambat dan kesemuanya akan terhancur dan tidak boleh dibaiki lagi. Kita kena bertindak segera sebelum ia terlambat.

MAHATHIR MESTI PERGI!

Sekiranya kita tidak mengambil langkah positif untuk membuang penyakit ini kita tidak boleh menyalahkan sesiapa apabila kita telah musnah dan masanya terlambat.

TUHAN AKAN MENOLONG MEREKA YANG BERIKHTIHAR!



Satu perjumpaan Parti Semangat 46.

BAB 11

UNDI UNTUK PERUBAHAN

Sekarang pilihanraya hampir tiba . Inilah masanya untuk kita berhenti sejenak dan memikir tentang masa depan negara kita ini. Apa yang kita kerja dan usahakan bukanlah untuk diri kita sendiri tetapi untuk generasi akan datang. Bentuk apakah negara yang akan kita wariskan kepada mereka? Adakah mereka akan mengalami keamanan dan kesenangan? Bolehkah mereka mencapai dan meneruskan apa yang kita telah capai setakat ini? Dalam generasi ini, kita telah menyaksikan beberapa perubahan yang terpenting iaitu pencapaian Kemerdekaan untuk negara kita pada 31hb. Ogos 1957. Teriakan MERDEKA masih terdengar di telinga kita.

Tengku Abdul Rahman ,pengasas UMNO , telah mencapai kemerdekaan untuk kita. Bersama dengan beberapa pemimpin lain di negara ini, dia juga telah berkorban apa saja termasuk tenaga dan wang ringgit untuk mencapai hasrat rakyat dan negara dengan jayanya. Beliau juga berjaya menyatupadu dan mendapat kerjasama dari semua kaum. Mereka telah merancang dan menulis dengan teliti Perlembagaan kita yang mengekal dan menjamin hak-hak kita sebagai rakyat Malaysia. Walaupun British tidak disukai oleh pemimpin yang ada sekarang tetapi kita mesta akui hakikat bahawa apabila memberikan kemerdekaan kepada kita mereka juga telah meninggalkan satu sistem pentadbiran yang terbaik yang telah menjadi panduan bagi kita sejak Merdeka.

Kepimpinan Tun Razak Hussein memulakan berbagai pro-

grem pembangunan dan perkembangan ekonomi yang telah memberi segala menafaat kepada rakyat Malaysia yang belum ditandingi oleh mana-mana pemimpin selepasnya. Perhubungan diantaranya dengan rakyat serta Raja-Raja begitu baik . Semua badan-badan bebas, Persatuan-persatuan, termasuk Majlis Peguam , menyokong kepimpinannya dan memberi segala kerjasama yang begitu baik. Pembangkang

menghormati dan akur kepadanya . Parti PAS menjadi begitu mesra dengannya sehingga sanggup memasuki Barisan. Suasana persaudaraan dan timbang rasa ujud dikalangan pemimpin dan masyarakat. Tidak ada cantas mencantas atau menyiksa sesiapa. Dasar ekonomi Baru digubal semasa dia menjadi Perdana Menteri. Beberapa pembangunan dan rancangan luar bandar untuk rakyat, termasuk rancangan Felda dibuat dan dilaksanakan semasa dia menjadi Perdana Menteri. Senarai pencapaian yang begitu cemerlangnya untuk negara begitu panjang dan mengagumkan.

Di bawah kepimpinan Tun Hussein Onn kita melihat undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta keadaan mewah , stabil dan selamat diteruskan. Ekonomi negara terus maju. Dialah orang yang begitu baik dan penuh kesabaran. Saya tidak pernah mendengar beliau menyebut sebarang perkataan yang kasar ataupun memperkecilkan ataupun menghinakan sesiapa . Dia bergerak dengan begitu cermat, walaupun lambat, tetapi ini memastikan yang dia senantiasa bersikap adil kepada semua pihak sedaya upayanya.

Pada 1981 apabila dia menyerah kuasa kepada Dr. Mahathir, dia berbuat demikian dengan begitu halus dan cermat supaya tidak timbul sebarang kucar-kacir dan airpun tidak berkocak. Ia melepaskan kuasa dengan keadaan aman dan damai. Semua orang terimanya dengan senang hati.

Jawatan Timbalan Presiden dan seterusnya Timbalan Perdana Menteri telah difahamkan diantara mereka akan disandang oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Ini dipersetujui oleh mereka apabila Tengku Razaleigh memberi jalan kepada Mahathir menjadi Presiden dan

Perdana Menteri. Tanpa pengetahuan Tengku Razaleigh dan di belakangnya Mahathir menggalakkan Datuk Musa bertanding jawatan Timbalan Presiden. Inilah permulaan perpecahan dan huru-hara dalam UMNO. Mahathir berkempen untuk Musa.

Saya memberitahu perkara ini kepada Tengku Razaleigh tetapi dia tidak percaya. Dia tidak percaya Dr. Mahathir boleh berbuat demikian. Perkara jawatan Timbalan Presiden sudah pun dipersetujui di antara mereka. Sudah tentu dia tidak akan memungkir janji-janjinya sebagai seorang lelaki yang berbudi bahasa, rupanya Mahathir ini bukanlah orang yang berbudi bahasa.

Selepas dia kalah dan apabila berfikir sedalam-dalamnya barulah Tengku Razaleigh sedar bahawa Dr. Mahathir mestilah membencinya apabila Tun Hussein selaku Perdana Menteri lebih senang berunding dengan Tengku Razaleigh daripada Mahathir. Memang ini menyakitkan hati Dr. Mahathir tetapi Tengku Razaleigh tidak sekali-kali syak Mahathir berniat hendak membalas dendam terhadapnya. Sifat membalas dendam inilah menyebabkan pemusnahan dan kehancuran parti dan kegagalan orang Melayu mencapai matlamat ekonomi pada 1990 seperti yang dirancang dalam Dasar Ekonomi Baru.

Sifat balas dendam ini juga yang menjadi penyakit bertahun-tahun yang menyebabkan dia menjadi Perdana Menteri yang paling dibenci di negara ini.

Baru-baru ini Dr. Mahathir membuat kenyataan bahawa sekiranya Tengku Razaleigh bersabar dia akan menjadi Timbalan Perdana Menteri hari ini. Ini juga satu lagi pembohongannya hendak menyesuaikan dirinya dengan keadaan yang sudah mula berubah. Dia senantiasa berpendapat bahawa ingatan manusia begitu pendek dan selepas beberapa ketika manusia akan lupa segala kejahatan yang dilakukan terutama sekali apabila perhatian mereka ditarik kepada isu-isu yang lebih menarik.

Mungkin dia juga sudah terlupa bahawa di satu perjumpaan di Kuala

Trengganu dia bersumpah bahawa walaupun ia akan menjadi perkara terakhir yang akan dilakukannya dalam hayatnya ,dia akan memastikan Tengku Razaleigh TIDAK akan menjadi Perdana Menteri! Dalam pertandingan di antara Musa dan Razaleigh untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO, apabila dia anggap bahawa Tengku Razaleigh akan menang Mahathir menegaskan bahawa yang menang tidak semestinya dilantik Timbalan Perdana Menteri, oleh kerana kuasa untuk melantik Timbalan Perdana Menteri adalah hak dia. Pada masa itu pun dia sudah tidak mahu menerima Tengku Razaleigh.

Hanya pada TAHUN PERTAMA sahaja dalam kepimpinannya yang rakyat merasa gembira. Saya turut merasa gembira dan memberi segala sokongan dan kerjasama kepadanya. Harapan kita begitu tinggi terhadap Perdana Menteri baru ini. Dukacita selepas itu nasib negara ini mula menjadi malang. Ekonomi mula merosot.

Mahathir bergerak cergas untuk membawa perubahan dan pembangunan ke negara ini. Dukacitanya kerana dia bergerak terlalu cepat. Dalam minatnya untuk bertindak cepat dia telah mengeneipkan segala tradisi dan peraturan. Dia telah membuat keputusan dan dasar-dasar tanpa sebarang penyelidikan atau perancangan terlebih dahulu. Dia melaksanakan projek-projek yang mahal dan terbesar yang kewangan negara tidak mampu mengendalikannya. Dia mengutamakan beberapa program perindustrian dan mengeneipkan

Rakyat dan negara. Walaupun negara kita pada asasnya bergantung kepada pertanian dengan adanya banyak ladang-ladang dan barang keluaran utama, dia mengeneipkan ini semua dan cuba mengikut jejak langkah Jepun untuk menukarkan negara ini menjadi satu negara industri. Dasar-dasar lama diketepikan. Dasar baru dibuat tanpa memikirkan hak kepentingan rakyat dan negara. Tidak ada sebarang perkiraan kewangan dibuat. Apa yang Mahathir hendak Mahathir dapat walaupun rakyat menderita dan negara rugi. Hari ini negara kita dalam keadaan tenat. Projek-projek terbesar kebanyakannya telah gagal dan telah mengeringkan kewangan negara.

Skandal-skandal kewangan yang menjadi perbincangan hangat melibatkan terlalu banyak kewangan negara seperti :

1. BMF	\$ 2.5 billion
2. UMBC	\$ 900 juta
3. Jambatan Pulau Pinang	\$ 1.5 billion
4. Lebuhraya Utara-Selatar	\$ 3.5 billion
5. Pewaja Terengganu	\$ 1.6 billion
6. Komplek Kewangan	\$ 500 juta
7. Shamelin	\$ 600 juta
8. Jalan Genting Highlands	\$ 2.4 billion
9. Pembelian Tornado dan dan kapal selam	\$ 11 billion
10. Proton Saga	\$ 1 billion
11. Perbelanjaan CHOGM	\$ 300 juta

dan banyak lagi yang lain.....

Kesilapan terbesar yang dilakukannya ialah pertantikan Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan. Saya masih ingat pertama kali saya mendengar nama Daim Zainuddin ialah semasa saya memegang jawatan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Hakim Gill mengadu kepada saya tentang Daim oleh kerana dia baru meletak jawatan daripada Jabatan Kehakiman dan Perundangan kali ketiga, selepas meletak jawatan dan memasuki semula dua kali dahulu. Hakim Gill mengatakan kepada saya, " Marina sekiranya orang ini memohon semula untuk memasuki perkhidmatan ini tolong ingatkan saya supaya menolaknya !"

Daim juga terkenal kerana kegagalan dalam bidang perniagaan bermula dengan kilang garmunya. Apabila Datuk Harun atas belas kasihan meluluskan permohonan tanahnya yang sekarang di kenali sebagai Taman Maluri barulah dia berjaya dalam perniagaan. Dukacitalah bahawa usaha sabotajnya terhadap Koperasi Usaha Bersatu ialah balasannya dan ucapan terima kasihnya terhadap Datuk Harun!

Perlantikan Annuar Ibrahim dalam Kementerian Pelajaran adalah satu lagi kesilapan besar oleh Mahathir. Tujuan Mahathir (dan kita semua yang terlibat pada masa itu) menerimanya masuk ke dalam UMNO ialah untuk menutup mulutnya yang terlalu lantang menghentam kerajaan, yang mana sekarang dia lakukan perkara-perkara yang lebih teruk lagi daripada apa yang dia kritik dulu. Semasa Annuar dilantik dia terlalu muda dan tidak biasa membuat keputusan yang bermutu. Dia tidak sepatutnya diberi jawatan yang terlalu kanan dalam jangkamasa yang sengkat kerana dia langsung tidak ada pengalaman dalam pentadbiran dan dari segi membuat keputusan dan menggubal dasar-dasar yang penting.

Apa yang dia pandai ialah menuduh orang lain yang bukan bukan, seolah olah orang lain semua tidak kenal pada agama dan dia seorang sahaja yang lebih tahu. Hendak mengislamkan orang UMNO. Mengutuk di sana sini seolah olah dia sahaja lah yang betul. Semasa dia bersama PAS dulu dia mengutuk UMNO. Selepas dia memasuki UMNO, Pas pula yang jahat. Di mana letaknya kebenarannya? Dia bertindak tanpa peraturan di merata-rata tempat meletak dan menaikkan pangkat penyokongnya walaupun tidak cukup kelulusan di tempat-tempat stratijik dan berpengaruh sebagai persediaan untuk merebut menjadi puncak pemimpin negara. Tetapi dia bergerak dengan begitu halus sehingga Mahathir pun tidak dapat mengesannya.

Kita mesti hentikan mereka. Sekiranya kita tidak hentikan mereka daripada meneruskan perbuatan mungkar ini mereka akan menghancurkan apa yang kita telah bina selama ini dan kita hanya boleh menyalah diri sendiri sahaja. Kita akan menerima akibatnya kelak.

Masa depan negara kita berada dalam tangan kita untuk dibentuk sesuka hati kita. Dalam tangan kita ada kuasa yang terpenting sekali, iaitu HAK MENGUNDI dan menentukan siapa yang kita hendak sebagai pemimpin negara kita untuk masa depan.

Apakah yang kita undi di pilihanraya yang akan datang? Siapakah yang kita akan undi dan kenapakah kita mesti undi mereka?

Ini semua soalan-soalan yang terpenting yang mesti kita tanya diri kita. Jawapan kita akan menentukan arah yang kita akan ambil untuk generasi akan datang. Ini bukan tugas yang mudah. Tugas penting bagi kita rakyat Malaysia yang mencintai negara. Kita mesti berfikir dan memutuskan dengan penuh tanggungjawab tanpa emosi atau sentimen.

Memang ada yang berkata biarlah mereka yang ada sekarang berterusan sahaja supaya tidak menyebabkan ombak supaya pekerjaan dan perniagaan mereka tidak terjejas. Ini jalan yang diambil oleh mereka yang tidak mahu sama-sama memikul tanggungjawab. Mereka boleh di anggap sebagai pengecut dan hanya memintingkan diri.

Dalam sejarah perkembangan politik negara, orang Melayulah yang menjadi pemimpin dalam arena politik.

Kebanyakan orang-orang Cina dan bangsa-bangsa lain hanya memerhati daripada luar. Sebagai pemerhati mereka tidak mengambil bahagian serta tidak mahu menunjukkan sokongan terbuka terhadap sesiapa. Ketakutan ini telah di tanam ke dalam hati mereka dan pemikiran mereka. Sekiranya mengambil bahagian mereka akan hilang kewarganegaraan mereka, lesen atau kemudahan yang mereka dapat daripada pihak berkuasa. Mereka telah bertindak sebagai warganegara kelas kedua dalam negara dimana mereka ada tanggungjawab bersama. Orang-orang ini mesti menukarkan pemikiran mereka. Ini adalah negara mereka dan tanggungjawab bersama.

Inilah PELUANG TERAKHIR untuk menyelamatkan negara kita.

Kita mesti bertindak untuk menentukan bahawa mereka yang mengkhianati Negara kita tidak ada tempat lagi. Kita boleh melakukannya dengan cara yang paling baik yang kita tahu. Iaitu dengan menentukan bukan sahaja mereka tidak dapat mengekalkan kuasa duapertiga di-Parlimen yang telah membuat mereka menjadi pengkhianat dan diktator. Malah tidak mendapat majoriti di-Parlimen yang membolehkan mereka memerintah.

Kita mesti MENGUNDI UNTUK PERUBAHAN .

Dengan kuasa Allah bersama-sama kita akan membina semula NEGARA YANG KITA CINTAI MALAYSIA menjadi pulih seperti sediakala.

Mengembalikan maruah dan prestasi supaya kita dapat berdiri teguh dan merasa bangga memanggil diri kita rakyat Malaysia. Insya Allah dengan semangat kerjasama dan satupadu yang telah dibina, kita akan membina negara supaya rakyat mengalami kebahagiaan, kekayaan dan kesenangan.

Bangunlah semua rakyat Malaysia.
Buatlah apa yang perlu untuk negara.

SELAMATKANLAH NEGARA YANG DICINTAI
- MALAYSIA!

TUHAN AKAN MEMBERKATI KITA.



Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-haj, Bapa Malaysia dan Perdana Menteri Malaysia pertama. Pemimpin yang di kasihi oleh semua rakyat Malaysia berbilang kaum dan dari segala lapisan masyarakat. Tunku juga kata ini mesej untuk perubahan di Malaysia.



Ahli Majlis tertinggi Parti Semangat 46 yang pertama l 10 Mei 1990 l.

